


Pelita قلپتا بروني
BRUNEI



DARI Abdullah bin Mas'ud radiallyahuannya itu berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada kami : Wahai orang-orang muda! Barangsiaapa yang berkuasa antara kamu untuk perkahwin, maka perkahwinlah, sesungguhnya perkahwinan itu melembutkan pandangan dan menjaga kehormatan dan barangsiaapa yang tidak mampu, kerjakanlah usaha kerana puasa itu boleh melembutkan syahwat. - Riwayat Al-Imam Bukhari).

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU PERCUMA

BINTANG Petian adalah alat kebesaran diraja yang sama juga seperti tikar diangkat kepada orang-orang yang berhak, tetapi diulaskan lagi kepada semua pembesar diraja yang berchiri termasuk pengiran peranakan semasa berangkat di dalam sesuatu majlis aduk bersila, siang atau malam. Lazimnya diperbuat daripada kayu pilihan terbaik, dilakir mengikut bentuk tertentu, merupakan seakan-akan talam kecil (bulat) berukuran 9.5 inci buka (melalui garis pusat) dan tingginya di antara 2.5 - 3.5 inci. Bintang Petian ini diisid dengan sebuah Kandi dan dua biji cawan kecil. Kandi ini berlilit (bentuk khas) sama ada dengan emas atau perak atau tembaga (menurut kekelayan orang yang hendak diangkat). - Sumber: PERKAHWINAN DIRAJA: ROYAL WEDDING. Bandar Seri Begawan : Jawatankuasa Penerbitan sempena Istiadat Perkahwinan Diraja, Puset Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1996 : 83).



HALUAN...



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Promosi Kesihatan, Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan 2004 dan Pelancaran Buku 'Rokok dan Merokok', terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa pada hari Isnin, 8 Jamadilakhir 1425/26 Julai 2004.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbi! 'Alameen, Wabihee Nasta'een 'Alaa Umuuriddunya Wadddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita hadir beramai-ramai di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Promosi Kesihatan, bersempena Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan 2004 dan Pelancaran Buku 'Rokok dan Merokok'.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan dengan tema Membentuk Masyarakat Sihat adalah tepat pada masanya di mana kes-kes penyakit kronik tidak berjangkit semakin meningkat dan menjadi penyebab utama kematian di negara-negara maju dan membangun termasuk Negara Brunei Darussalam. Fenomena ini berlaku disebabkan perubahan-perubahan yang berlaku dalam cara hidup bermasyarakat kini.

Perkara ini amatlah membimbangkan yang mana patut diambil perhatian oleh kementerian yang berkenaan dan juga semua pihak di negara ini.

Penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit seperti penyakit jantung koronari, kencing manis, strok dan tekanan darah tinggi pada hakikatnya insya-Allah, boleh dicegah melalui amalan cara hidup sihat

dengan mengamalkan kegiatan fizikal, di samping mengelakkan pemakanan yang tidak sihat, berlemak dan berkalori tinggi, termasuk tabiat tidak sihat seperti merokok dan sebagainya.

Salah satu persoalan yang menarik ialah tentang sikap sesetengah orang yang sanggup mengambil risiko dan tidak me-

KITA juga mesti peka dengan alam sekitar yang bersih kerana setiap hidupan yang ada di muka bumi ini saling bergantung terhadap satu dengan lainnya. Kebersihan alam sekitar bukan saja mencerminkan keindahan sesebuah negara bahkan ianya mencerminkan tanggungjawab yang patut dilaksanakan dan sikap masyarakat itu sendiri terhadap kepentingan memelihara alam semula jadi untuk diwarisi oleh generasi seterusnya.

PROGRAM PENDIDIKAN, PROMOSI KESIHATAN PERLU BERTERUSAN

ngendahkan orang-orang sekelilingnya walaupun menyedari tentang bahaya tabiat merokok dan adanya tanda 'ditegah merokok' di tempat-tempat awam.

Pengeluaran fatwa mengenai rokok dan merokok adalah salah satu langkah ke arah mewujudkan sebuah negara yang bersih dan sihat daripada penyakit-penyakit berpunca dari tabiat merokok. Jika kita ingin melihat negara ini menjadi destinasi yang menarik dengan suasana dan persekitaran yang bersih, aman dan damai, maka kita hendaklah menjauhkan sifat mementingkan diri sendiri.

Masalah dan kesan dari rokok dan tabiat merokok itu bukan lagi dilihat sebagai masalah individu tetapi adalah masalah nasional dan negara. Kerajaan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membekalkan satu jumlah yang bukan sedikit semata-mata bagi menyediakan rawatan kepada pesakit-pesakit yang sebahagiannya disebabkan oleh kesan daripada tabiat merokok itu.

Buku yang bertajuk 'Rokok dan Merokok' diharapkan akan dapat memberikan penjelasan dan kefahaman tentang kenapa tabiat merokok itu sememangnya mesti dihentikan dan ditinggalkan.

Dengan menyedari kepentingan kesihatan pergelian pula, tabiat menjaga kebersihan gigi melalui amalan memberus gigi dan pemakanan yang sihat perlu dipupuk di peringkat kanak-kanak lagi. Kempen memberus gigi di sekolah perlu diteruskan dan dipertingkatkan lagi, di samping floridasi bekalan air diambil perhatian yang sewajarnya bagi mencegah kerosakan gigi dapat dicapai.

Satu program pendidikan dan promosi kesihatan perlu diadakan untuk meningkatkan pengetahuan kepada rakyat dan penduduk di negara ini mengenai aktiviti fizikal. Usaha yang bersepadu dan berterusan dalam jangka masa panjang perlu diambil seperti membentuk program pencegahan obesiti kebangsaan yang meliputi aspek kesihatan terutamanya dari aspek pemakanan dan kegiatan fizikal.

Kita juga mesti peka dengan alam sekitar yang bersih kerana setiap hidupan yang ada di muka bumi ini saling bergantung terhadap satu dengan lainnya. Kebersihan alam sekitar bukan saja mencerminkan keindahan sesebuah negara bahkan ianya mencerminkan tanggungjawab yang

patut dilaksanakan dan sikap masyarakat itu sendiri terhadap kepentingan memelihara alam semula jadi untuk diwarisi oleh generasi seterusnya.

Kemunculan penyakit-penyakit berjangkit seperti SARS dan Selesema Burung yang sebahagianya adalah berpunca dari tahap kebersihan alam sekitar. Dari itu, semua pihak perlu bertanggungjawab dalam memelihara kebersihan persekitaran dan menjauhi perkara-perkara yang boleh menyebabkan pembiasan serangga-serangga pembawa penyakit seperti nyamuk yang boleh menyebabkan wabak penyakit seperti denggi dan malaria.

Dalam memastikan tema konvensyen ini dapat direalisasikan, maka semua pihak yang terlibat perlu bertindak secara bersepadu dengan penglibatan semua lapisan masyarakat, sektor kerajaan dan bukan kerajaan, swasta dan juga setiap individu yang dipercayai dapat menyokong dan mempertahankan usaha ke arah amalan cara hidup sihat sebagai budaya hidup rakyat dan penduduk negara ini.

Dengan mendahulukan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim' serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi kita Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan rasa syukur sambil memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wataala, sukacita merasmikan Seminar Promosi Kesihatan, Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan 2004 dan melancarkan buku 'Rokok dan Merokok', terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Sekian Wabillahi Tawfik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



1 SEPTEMBER 2004 BERSAMAAN 1425 رجب 16

MEMERIAHKAN ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA

ALHAMDULILLAH dengan izin Allah Subhanahu Wataala jua, seluruh lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam akan menyaksikan satu lagi lambaran sejarah tanah air iaitu Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman yang akan berlangsung pada Hari Khamis, 9 September 2004. Sesungguhnya istiadat penuh Istiadat Diraja Brunei tetap akan menjadi kenangan sepanjang zaman dalam lipatan sejarah tanah air.

Acara-acara untuk istiadat perkahwinan tersebut sudah bermula sejak 24 Ogos yang lalu dengan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja diikuti Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga pada 26 Ogos dan Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja dan Istiadat Menerima Tanda Diraja pada malam semalam 31 Ogos. Selepas itu disusuli dengan Majlis Istiadat Menghantar Pertunangan Diraja dan Majlis Istiadat Menerima Pertunangan Diraja pada hari ini, 1 September, Majlis Istiadat Akad Nikah pada 4 September; Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja 5 September, Majlis Istiadat Berinal Diraja 8 September, Majlis Istiadat Bersanding dan Berarak 9 September, Majlis Persantapan Diraja 10 September, Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari 12 September dan Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga pada 13 September. Dalam pada itu Istiadat Berjaga-Jaga diadakan setiap malam di Istana Nurul Iman.

Suasana meriah perayaan bersejarah itu lebih terpancar dengan hiasan pintu-pintu gerbang yang didirikan dengan megahnya di jalan-jalan utama di Bandar Seri Begawan dan juga di kawasan Gadong. Lampu-lampu neon dipasang di sepanjang jalan utama hingga ke Istana Nurul Iman. Kain-kain rentang digantung di kedai-kedai dan pusat-pusat membeli-belah. Bendera-bendera dikibarkan di bangunan-bangunan kerajaan dan swasta serta rumah-rumah persemburan. Persekitaran ibu negara bermandikan cahaya yang bergemilang pada waktu malam yang turut serta memeriahkan Istiadat Perkahwinan Diraja.

Bagi mengimbau dan memeriahkan lagi istiadat tersebut, Jabatan Penerangan telah mengagih-agihkan 6,000 keping poster yang menggambarkan wajah kedua-dua pengantin diraja. Jabatan Radio dan Televisyen Brunei pula akan menayangkan sebuah dokumentari khas sebanyak tiga episod bertajuk 'Mempelai Diraja ... Detik Pertemuan' yang akan disiarkan pada 1 September, 4 September dan 7 September. Sementara itu Jabatan Percetakan Kerajaan mencetak Buku Program Istiadat Perkahwinan Diraja sebanyak 10,000 naskhah.

Dalam pada itu, bagi memeriahkan lagi suasana perayaan, persembahan kebudayaan diadakan di Kawasan Lapang Berhadapan Bangunan Alai Kebesaran Diraja dan Taman Jubli Perak di ibu negara pada setiap malam yang telah bermula pada 27 Ogos hingga 12 September. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk datang beramai-ramai menyaksikan persembahan kebudayaan yang beraneka corak kebruneian itu.

Kegemilangan dan keunikan adat istiadat diraja akan disaksikan oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk negara ini serta pembesaran-pembesaran negara-negara sahabat yang akan turut menghadiri istiadat bersejarah itu. Istiadat Perkahwinan Diraja juga telah menarik perhatian media-media seluruh dunia yang berkeinginan untuk datang dan membuat liputan. Sehingga kini adalah difahamkan lebih 100 orang wartawan asing telah mendaftar untuk membuat liputan. Ini secara tidak langsung akan memberi gambaran yang jelas mengenai adat istiadat negara kita yang unik dan penuh kebruneian kepada dunia luar. Maka untuk itu marilah kita datang beramai-ramai ke Istiadat Berarak Pengantin Diraja yang akan berlangsung pada hari Khamis 9 September.

ALLAH SELAMATKAN PENGANTIN DIRAJA



Bersama Memeriahkan Istiadat Perkahwinan Diraja



**RAKYAT DAN PENDUDUK HENDAKLAH MENGIBARKAN BENDERA
MULAI HARI KHAMIS, 26 OGOS HINGGA HARI SELASA, 14 SEPTEMBER 2004**



Pemasangan alat-alat perhiasan diraja di Balai Pemajangan Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Ogos. - Setelah selesai Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga di Bangunan Lapau, pada masa yang sama suasana di Balai Pemajangan, Istana Nurul Iman juga

rancak dengan aktiviti pemasangan Alat-alat perhiasan diraja yang digunakan untuk Istiadat Perkahwinan Diraja.

Antara alat-alat perhiasan diraja yang dipasang termasuk Tunggul Caruk,

Sandaran, Ula-Ula Besar, Sumbu-Sumbu Layang, Payung Haram, Payung Obor-Obor Tiga Ringkat, Cogan Diraja, Cogan Ugama, Lambang Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Panji-Panji, Mah-

ligai Payung Tinggi, Alam Bernaga, Pisang-Pisang, Tunggul Buritan, Payung Obor-Obor, Ambal, Tunggul Kawan, Dadap, Rawai Lidah dan Sapu-Sapu Aying.

Peralatan indah dan

berwarna-warni tersebut adalah di antara khazanah tertua dan berharga di nusantara atau alam Melayu, sementara alat-alat perhiasan diraja adalah lambang kemegahan Negara Brunei Darussalam dan rakyatnya yang diwarisi sejak zaman Sultan Brunei Pertama, Sultan Mohamad Shah dan Sultan Brunei Ketiga, Sultan Sharif Ali.

Berangkat dan hadir sama bagi menyaksikan pemasangan alat-alat tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbale Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri dan Manteri-manteri Hulubalang.



Oleh Siti Aishah HS
Gambar-gambar oleh
Pengiran Rafee PDPHM

Balai Pemajangan untuk perhiasan dalam adalah salah satu kenaikan atau pada Perhiasan Diraja diperbuat daripada kain putih dijadikan atap kepada tempat yang dikhaskan dengan Rawai Lidah.





PINTU-PINTU GERBANG DIHLIAS INDAH SEMPENA ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA



Gambar-gambar oleh Hamadi HM



DALAM beberapa keluaran yang lalu, serba sedikit kita menyentuh mengenai dengan perkhidmatan bidang Penerangan melalui beberapa tugasnya, yang merupakan antara tanggungjawab yang perlu dilaksanakan menurut kehendak waktu-waktu yang memerlukan. Biarpun Jabatan Penerangan adalah antara yang tertua ditubuhkan sejak tahun-tahun sebelum dan selepas 1950-an itu, seperti yang kita sebutkan bahawa jabatan-jabatan lain adalah sama-sama beraksi pada menunaikan tanggungjawab masing-masing.

Satu hal yang sangat menarik, dan mungkin menjadi asas seperti mana yang terus berlaku sekarang ini ialah pada sudut bekerjasama dalam sama-sama menajayakan matlamat masing-masing. Saling bantu-membantu itu adalah satu ciri yang sangat menonjol ketika itu. Apa yang penting bagi semua perkhidmatan yang ada pada ketika itu ialah pencapaian matlamat dan menyudahkan matlamat itu dengan memuaskan yang tidak sahaja di pihak yang bertugas malah yang terpenting ialah di pihak sasaran atau lebih tegas lagi ialah rakyat dan penduduk negara.

Seperti juga yang kita sebutkan di tulisan-tulisan yang terawal di ruangan ini, pelaksanaan tugas dan tanggungjawab menyebarluaskan pembangunan negara dan perkara-perkara asas adalah fokus utama negara seperti bidang pendidikan, perubatan dan kesihatan, pertanian, perhutanan, keamanan dan keselamatan, kemudahan-kemudahan asas pada banyak bidang terutamanya perhubungan dan juga kemudahan-kemudahan pada memajukan bidang-bidang kebajikan rakyat, keperluan belia dan mengembangkan bidang sukan dan olahraga.

Ada banyak bidang lagi yang diatur termasuk perusahaan, perdagangan, perniagaan, pengembangan kesenian dan kebudayaan dan lain-lainnya yang kesemua itu dilaksanakan sama biarpun secara 'beringsut-ingsut'. Kesemuanya adalah bergantung kepada keupayaan dan kemampuan ekonomi negara pada ketika itu. Tahun-tahun yang kita sebutkan itu, sebenarnya, keadaan ekonomi negara kita adalah hanya ala-kadar sahaja biarpun hasil minyak sudah wujud, namun ianya dapatlah dikatakan masih kurang berkemam-

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

SEKADAR KHIDMAT BAKTI

puan untuk merangkumi semua kos pembangunan. Biarpun begitu keadaannya, rakyat dan penduduk negara ketika itu menerima kebanyakan perkhidmatan dengan percuma, lebih-lebih lagi pada bidang pelajaran.

Mengingat kembali pada bidang pelajaran ini, kita tertarik untuk menyebut serba-sedikit tentang beberapa pengalaman yang lalu yang mungkin masih diwarisi oleh orang-orang yang bertugas pada bidang yang sama sekarang ini yang mak-sudnya dapatlah dirangkum kepada mak-

sud memantau atau pemantauan, melihat, mengkaji, menyelidik dalam semua masalah dan bertujuan untuk menyempurnakan dan mengemaskan pencapaian yang dialami oleh semua sekolah-sekolah tanpa mengira dalam mahupun luar bandar tanpa memilih pendalaman atau pekan-pekan kecil. Pendeknya, semua sudut adalah diambil kira, pokoknya adalah semata-mata untuk kemajuan bangsa dan menjadikan bangsa yang terdidik dan berilmu.

Rasanya, matlamat ini adalah sangat-sangat berjaya apabila bertolak dari awal



BEGINILAH kebiasaan yang berlaku kepada orang-orang pendidikan yang tidak jemu-jemu memantau perkembangan persekolahan hingga ke pelusuk pedalaman tanah air. Niatnya hanya satu iaitu untuk melahirkan rakyat yang berilmu. Bukit-bukau, meredah hutan, menyusuri sungai bukan nilai budi mereka, namun jasa dan bakti itu mengatasi segala upah, imbalannya adalah anak bangsa yang berjaya, berilmu.

tahun-tahun 1950-an itu, negara kita secara beransur-ansur telah dapat melahirkan anak-anak tempatan yang berpelajaran tinggi dan memiliki pelbagai bidang ilmu hatta kepakaran-kepakaran pada bidang-bidang yang sebelumnya adalah dimiliki oleh orang-orang luar sahaja yang dibawa masuk untuk berkhidmat dinegara ini. Sebilangan dari semua kepakaran itu, secara beransur-ansur juga, telah dapat diambil alih oleh anak-anak tempatan sama ada di bidang pentadbiran mahupun di profesi-profesi yang lain seperti kejuruteraan-kejuruteraan awam, telekomunikasi, elektrik, jurubina, perubatan dan kesihatan dan selepas 1960-an ianya melarat kepada bidang ketenteraan dan kepolisian. Anak-anak Melayu sudah mula mengambil tempat dan demikian juga tempatan yang bukan Melayu sudah mula menampakkan kemampuan untuk menduduki kerusi-kerusi yang biasanya, sebelum itu, diduduki oleh orang-orang asing yang bukan tempatan.

Mungkin tidak keterlaluan dikatakan bahawa semua itu menjadi kenyataan adalah berkat usaha orang-orang kita juga yang berbasah berkering, berhuja berpanas, berguruh-berterpak, menyusuri hutan belantara, melangkahi paya, mendaki bukit-bukau, menuruni jurang, meredah sungai, meniti titian, berlar-par-berbulur, mengejar waktu, meninggalkan keluarga, mengalami pelbagai kesusahan di darat, sungai dan di laut, bangun tidur dan makan minum tidak menentu.

Semuanya berlaku hanya kerana tugas dan tanggungjawab yang ditambah lagi dengan rasa hati dan keikisan untuk melahirkan anak-anak bangsa kita agar tidak merimpit di bumi sendiri, tetapi melahirkan rasa ketuanan di bumi warisan datuk-ninik bangsa ini menerusi ilmu, keimanan dan kesedaran untuk terus membangun bersama setelah diajar oleh pengalaman dan dicekam oleh kemunduran yang sekali gus mengancam martabat bangsa ini. Semoga, tidak ada siapa pun di antara kita, yang nantinya akan melupakan atau terlupa terhadap 'di pemandian mana kita pernah berpijak, dari gayung mana air tercurah, tempat jatuh lengai dikenang.' Dengan demikian, kesyukuran hendaknya dipupuk setiap waktu.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal ketika melancarkan enam buah buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. - Gambar oleh Hamadi HM.

Lapan pegawai dan kakitangan diraikan

SENGKURONG, 27 Ogos. - Bagi memberikan penghargaan dan terima kasih kepada para pelanggan, Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) telah mengadakan Hari Pemeduliaan Pelanggan bertempat di Cawangan IDBB Sengkurong di sini.

Pelbagai acara disusun sempena hari tersebut, antaranya peragaan mewarna bagi kanak-kanak, cabutan bertuah, di samping itu cara mempromosikan produk-produk, kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan oleh pihak bank berkenaan.

Oleh
Siti Aishah HS

Hari Pemeduliaan Pelanggan selama dua hari itu diadakan antaranya bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyediakan peluang-peluang promosi bagi produk dan khidmat bank Islam berkenaan kepada para pelanggan dan orang awam, mewujudkan perhubungan rapat dan kefahaman yang betul kepada para pelanggan, selain memberikan penghargaan kepada para pelanggan atas sokongan mereka terhadap bank tersebut.

Penulis pemangkin kemajuan, penggerak minda masyarakat

BERAKAS, 14 Ogos.

Setiasaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal berkata, penulis sebagai pemangkin kemajuan dan mengetuk pintu hati surami masyarakat haruslah mempunyai ketajaman fikiran supaya dapat menjalankan fungsinya sebagai penggerak minda, idea, dan pembina masyarakat agar berupaya menjalankan fungsinya dalam soal mengenal pasti dan meluaskan radius nilai dan radius pelaksanaan serta strategi negara.

Awang Haji Jemat menyatakan perkara tersebut di Majlis Penyampaian Hadiah Kreatif Bahana 2003 Brunei Shell - DBP yang berlangsung di Balai Sarnayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

Sebagai orang yang terlibat dengan kebudayaan, katanya, para sasterawan dan penulis-penulis disaran supaya merenungkan nilai-nilai tuhan bagi Islamik yang boleh dipraktikkan dalam menghasilkan tulisan-tulisan atau karya sastera yang dianggap bermutu tinggi.

Beliau mengakui kaum penulis yang benar-benar berjaya penulis mempunyai bakat besar dan luar biasa yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala yang

mempunyai tujuan-tujuan luhur yang antaranya untuk mengajak masyarakat di manapun berada untuk melihat, merasakan dan tunduk kepada kemahabesaran, kebenaran, kemahaindahan Tuhan Semesta Alam.

Selain dari itu, jelasnya, ia juga untuk membawa masyarakat benar-benar memahami akan tujuan kehidupan dalam menebarkan nilai-nilai ilmu, takwa dan ihsan agar dunia yang didiami itu benar-benar merupakan rahmat yang membawa selamat di dunia dan di akhirat.

Justeru ke arah itu, Awang Haji Jemat berkeinginan untuk melihat dan menemukan adanya karya-karya sastera tempatan yang digemari oleh kaum remaja dan belia di negara ini dengan menghidangkan pelbagai tema yang relevan dan menarik serta dapat menuntun mereka ke arah kehidupan berjalididiri nilai-nilai Melayu Islam Beraja, maju dan global.

Dalam kategori sajak seramai lima orang telah terpilih untuk menerima hadiah melalui penyertaan melebihi 300, cerpen tiga orang dan esei juga tiga orang.

Penerima pertama dalam Kategori Sajak jatuh kepada

Oleh
Abu Bakar HAR

YDM Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dengan tajuk sajak 'Mimpi Pesta Hari Kebangsaan' dan diikuti tempat kedua oleh Awang Julaihi bin Haji Abdullah dengan tajuk 'Menjejak Usia' dan 'Penyair Itukah' menduduki tempat ketiga hasil pena Awang Haji Romzi bin Haji Hidup.

Menduduki tempat keempat dan kelima dimenangi oleh Awang Haji Kassim bin Haji Omar dengan sajak 'Pelayaran Sang Sufi' dan Pengiran Haji Aji bin Pengiran Haji Tahir dengan tajuk sajak 'Merdeka Dibentang Benua.'

Manakala cerpen yang berjudul 'Pupus' tulisan Pengiran Metassan bin Pengiran Haji Bakar muncul sebagai johan dalam Kategori Cerpen, sambil cerpen yang berjudul 'Pipis' tulisan Morsidi bin Marsal menduduki tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh Sosonjan Ayunkhan dengan cerpen yang berjudul 'Jebol'.

Dalam penulisan esei tempat pertama dimenangi oleh Awang Haji Markandi bin Haji Kuris dan diikuti tempat



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat menyampaikan hadiah kreatif Bahana 2003 Brunei Shell - DBP kepada seorang penulis. - Gambar oleh Hamadi HM.

kedua dan ketiga oleh Mohd. Nor Azman bin Haji Sulaiman dan Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak.

Terdahulu sebelum itu sebanyak enam buah buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka telah dilancarkan yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat.

Antara judul buku-buku tersebut adalah seperti 'Di Hujung Senja', 'Syair Kumala Syukur', 'Antologi Bersama Cerpen' dan 'Puisi Sungai Siarau' dan 'Wacana Pelajar

Untuk ASEAN.'

Penyampaian hadiah kreatif Bahana yang diadakan pada itu antara lain bertujuan untuk memberi penghargaan kepada para penulis, di samping untuk meningkatkan kualiti majalah Bahana serta merangsang penulis untuk terus berkarya dan menyumbangkan bahabahan sastera kreatif dan makalah-makalah untuk majalah Bahana dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan minda dan keperibadian bangsa.

'Education Order' beri asas komprehensif

BERAKAS, 4 Ogos. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata, terbitnya 'Education Order' 2003 (Perintah Pendidikan 2003) memberikan satu asas yang komprehensif.

Menteri Pendidikan menyatakan, yang istimewa bagi kita dalam proses mengadakan dan menubuhkan perintah pendidikan tersebut mereka tidak menempuh susah payah atau melalui liku-liku yang sukar jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata demikian di Majlis Taklimat 'Education Order 2003' dan 'Education Regulation 2004' di Kementerian Pendidikan.

Oleh
Abu Bakar HAR

gulation 2004' (Peraturan-peraturan Pendidikan 2004) di Kementerian Pendidikan berkenaan di sini.

Di majlis itu Menteri Pendidikan menyeru agar semua yang berkenaan agar sama-sama melaksanakan apa yang digariskan dan atau yang ditubuhkan dalam Perintah Pendidikan tersebut menurut hasrat yang diharapkan dengan baik supaya dapat dicapai matlamatnya.

Namun apa yang lebih penting menurut Yang Berhormat adalah memahami Perintah Pendidikan tersebut serta Peraturan-peraturan Pendidikan, kerana kita mestilah memahami antara lain apa jua tugas dan peranan kita, kerana jika timbul sebarang

masalah akan mudah menyelesaikannya.

Sementara dalam taklimat yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Undang-Undang Kanan, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Hasnah mengenai Perintah Pendidikan 2003 dan Peraturan-peraturan Pendidikan 2004 antara lain menerangkan mengenai objektif, pelaksanaan dan kuasa-kuasa dan lantikan.

Menurutnya taklimat tersebut menumpukan kepada perlantikan pegawai-pegawai penguat kuasa serta peranan-peranan mereka dan tindakan undang-undang yang ada diperuntukkan dalam Perintah Pendidikan.

Jelasnya, dengan adanya Perintah Pendidikan tersebut adalah perlu bagi mereka menyedari bahawa pada masa ini pegawai penguat kuasa di Kementerian Pendidikan mempunyai landasan undang-undang dan hak untuk bertindak secara sah.

Jelasnya, Perintah Pendidikan 2003 mula berkuat kuasa pada 20 Disember 2003 dan ianya digubal berdasarkan beberapa objektif tertentu seperti mewujudkan sistem pendidikan yang berlandaskan dan dilindungi, di samping menjamin keberkesanan amalan sistem pendidikan dengan adanya pembahagian serta delegasi kuasa dan tanggungjawab yang tertentu.

Sementara dari segi pelaksanaannya pula adalah untuk mencapai objektif pengubuhan, peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perintah Pendidikan hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya serta Seksyen 144 memberi kelonggaran jangka waktu enam bulan dari tarikh bermula kuasa Education Order 2003 bagi pelaksanaan sepenuhnya peruntukan-peruntukan yang ada.

Menyentuh mengenai Peraturan-peraturan Pendidikan 2004, beliau menjelaskan ianya digubal adalah untuk memperincikan cara pelaksanaan peruntukan-peruntukan tertentu yang terkandung di dalam perintah pendidikan.

Juga disentuh dalam Education Regulation tersebut termasuklah 'Education (Registration of Educational Institutions) Regulation 2004', 'Education (Registration of Teachers) Regulation 2004'.

Seramai kira-kira 70 orang terdiri pegawai-pegawai penguat kuasa Perintah Pendidikan 2003 Kementerian Pendidikan telah menghadiri bengkel tersebut yang antara lain bertujuan untuk membincangkan dan menerangkan tatacara pelaksanaan Perintah Pendidikan 2003 yang telah diwartakan pada 20 Disember 2003 dan Peraturan-peraturan Pendidikan 2004 yang diwartakan pada 24 Januari 2004.

Skop undang-undang baru tersebut meliputi semua peringkat pendidikan sesuai dengan perkembangan pesat lapangan pendidikan masa kini dan juga aspirasi serasi matlamat negara untuk melahirkan rakyat yang berkebolehan dan berkemahiran.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika berucap di Majlis Taklimat 'Education Order 2003' dan 'Education Regulation 2004' (Peraturan-peraturan Pendidikan 2004) di Kementerian Pendidikan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Persembahan Kebudayaan Istiadat Perkahwinan Diraja menerima sumbangan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Penyerahan sumbangan tajaan

GADONG, 17 Ogos. - Lebih banyak lagi sumbangan tajaan diterima hari ini bagi menjayakan Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Ter-

Oleh
Aliddin HM

amat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahman.

Enam penyumbang terdiri dari syarikat dan orang perseorangan menyerahkan sumbangan tajaan mereka kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Persembahan Kebudayaan Istiadat Perkahwinan Diraja.

Parvati Textile menyumbang \$10,000.00 dan Syarikat Kemajuan Jati Build Trend menyumbang \$5,000.00 yang diserahkan oleh Pengarahnya, Pengiran Hajah Radin Zaiton binti Pengiran Ratna Wangsa Pengiran Haji Metussin.

Pengarah Pemasaran Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Awang Haji Omarali bin Haji Mohd. Daud menyerahkan

sumbangan tajaan tiket penerbangan bagi artis-artis dari luar negeri yang akan diundang ke Negara Brunei Darussalam untuk membuat persembahan yang dijadwalkan pada 7 dan 8 September 2004.

Sejumlah \$3,000.00 pula diterima daripada Pengarah Awang Haji Esmit bin Pengarah Haji Naim dan \$2,000.00 diterima dari Robert Koh, sementara Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China Dato Paduka Awang Onn Siew Siong menyumbangkan \$2,000.00.

Sejauh ini pihak Jawatankuasa Persembahan Kebudayaan Istiadat Perkahwinan Diraja telah menerima sumbangan sejumlah \$912,000.00 berupa wang tunai dan ini tidak termasuk sumbangan tajaan minuman dan tiket penerbangan.

Orang ramai dan pengusaha-pengusaha yang ingin membuat sumbangan bagi menjayakan Istiadat Perkahwinan Diraja itu dialu-alukan dan bolehlah berhubung dengan Jawatankuasa Persembahan Kebudayaan Istiadat Perkahwinan Diraja.



SEBAHAGIAN daripada pegawai penguat kuasa Perintah Pendidikan 2003 yang menghadiri taklimat tersebut. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Jadikan KKC sebagai budaya bekerjasama

RIMBA, 16 Ogos. - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal berkata, penubuhan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) di Kementerian dan jabatan masing-masing bukanlah semata-mata untuk menyertai pertandingan dan untuk mendapat

hadiah.

Malah apa yang lebih penting, menurutnya ialah menjadikan KKC tersebut sebagai satu budaya kerja cemerlang secara berkumpulan dan bekerjasama dalam suasana kerja yang harmoni, menyeronokkan dan bersatu padu.

Awang Haji Jemat menyatakan perkara tersebut di Majlis Persembahan Pengurusan Kumpulan Kerja Cemerlang Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun ini di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Sebanyak lima buah kumpulan telah membuat persembahan masing-masing antaranya 'Kumpulan Prompt' yang mewakili Bahagian Penyelidikan, Perkembangan dan Perhubungan Awam KKBS,

Oleh
Abu Bakar HAR

'Kumpulan Gergabus' yang mewakili Jabatan Muzium-Muzium Brunei dan 'Kumpulan Fast' yang mewakili Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jelas Setiausaha Tetap KKBS lagi, dengan adanya semangat kerja yang bersatu padu dan perasaan kekitan yang tinggi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab beliau percaya pelaksanaan dasar dan matlamat organisasi serta perkhidmatan kepada orang ramai akan lebih teratur jika semua peringkat dan kakitangan bekerjasama menilai semula prosedur kerja dan mengatasi masalah-masalah dalaman dan segala masalah yang timbul dalam sesuatu kerja akan dapat diatasi bersama

bagi menuju kecemerlangan dalam Perkhidmatan Awam.

Ke arah itu, tegasnya, KKC bolehlah dijadikan sebagai satu mekanisme penggerak dalam mencapai matlamat yang dihasratkan dalam 'strategic planning'.

Dengan adanya persembahan seumpama itu, beliau berharap ianya akan menjadi pendorong dan motivasi kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang lain bersedia untuk menubuhkan KKC mereka sendiri.

Program KKC, jelasnya juga akan dapat membantu dan mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan kerja yang dikenal pasti dan dianalisa dengan menggunakan kaedah-kaedah secara sistematik dan seterusnya dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan organisasi kepada

orang ramai.

Persembahan KKC KKBS yang diadakan pada tahun ini merupakan persembahan kumpulan untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dan bukannya dalam bentuk pertandingan.

Ralat

KETERANGAN gambar di muka 2, keluaran Edisi Khas pada 28 Ogos 2004 di bawah kanan sekali hendaklah dibaca 'sebanyak 21 das meriam ditembakkan'.

Sementara itu, berita di bawah tajuk 'Komitmen, Kerjasama, Kunci Integriti Perkhidmatan Awam' di muka 8, ANEKA keluaran 25 Ogos 2004, Simposium Integriti Dalam Perkhidmatan Awam dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan bukannya Jabatan Perkhidmatan Awam.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal ketika berucap. - Gambar oleh Hafiz HS.

BANGUNAN TAIB DIDIRIKAN DI TAPAK BERSEJARAH

OLEH
SASTRA SARINI HAJI JULAINI

BANDAR Seri Begawan, sebuah bandar masyhur yang terletak di tepi Sungai Brunei mempunyai keunikannya sendiri. Walaupun sebuah bandaraya yang kecil tetapi ianya berdiri sama megah di arena antarabangsa bersama bandaraya-bandaraya yang lain di rantau ini. Dengan keluasan seluruh negeri seluas 5,765 kilometer persegi dan jumlah penduduk seramai 340,800 (perangkaan pertengahan tahun 2002), di bandar inilah aktiviti-aktiviti pentadbiran dan perniagaan tertumpu.

Apabila menyusuri jalan-jalan di kawasan Bandar Seri Begawan, nampak jelas di mata kasar bangunan-bangunan kerajaan dan kompleks-kompleks perniagaan yang telah dibangunkan. Bertujuan untuk melancarkan urusan-urusan pentadbiran dan perniagaan seharian, akan tetap masih ramai yang tidak ingat mahupun tidak mengetahui bahawa bangunan-bangunan di sekitar bandar ini telah dibina lebih kurang 50 tahun yang lalu iaitu berpuhuluhan tahun sebelum Brunei mengecap kemerdekaan.

Walaupun menempuh arus globalisasi dan kemodernan, keunikan bangunan-bangunan ini masih dikekalkan. Masih nampak keaslian dan lorekan yang halus pada bangunan ini yang kaya dengan unsur-unsur calak Brunei. Usaha mengekalkan calak Brunei yang bukan sahaja dalam aspek bahasa dan budaya akan tetapi juga termasuk bangunan-bangunan sepatutnya dipuji. Di sinilah kita melihatkan Brunei ke mata orang luar akan keunikan Brunei yang kaya dengan sejarahnya.

Pada hari ini, banyak bangunan-bangunan baru yang telah dibina. Satu sifat yang masih dikekalkan dalam aspek arkitekturnya ialah dengan adanya unsur-unsur Brunei. Cuba awda lihat bangunan-bangunan kerajaan yang terletak di Jalan Menteri Besar mahupun Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas. Walaupun bangunan-bangunan ini baru dan moden, tetapi masih terdapat kriteria calak Brunei seperti ada unsur-unsur Islam dan juga Melayu. Ini juga termasuk kompleks-kompleks perniagaan seperti bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang dibina berdekatan dengan Masjid Omar Ali Saifuddin. Lorekan 'Ayer Mu-

leh' digunakan sama ada untuk hiasan luaran mahupun dalaman.

Kebanyakan bangunan-bangunan yang ada di sekitar Bandar Seri Begawan pada masa sekarang telah dibina lebih kurang 40 - 50 tahun yang lalu. Antara bangunan-bangunan yang masih kekal ada hingga ke hari ini ialah bangunan pejabat pos, bangunan Sekretariat Kerajaan, bangunan Toh Peh Kong, bangunan Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, bangunan Hal Ehwal Agama, bangunan kompleks-kompleks perniagaan dan di mana beradanya bangunan Ibu Pejabat Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) pada masa kini. Bangunan-bangunan ini walaupun diubah mengikut arus masa akan tetapi majoriti aspek fizikal bangunan ini masih dikekalkan.

Antara bangunan-bangunan ini salah satunya patut diberi perhatian kerana bangunan ini banyak berjasa dalam aspek pentadbiran dan urusan seharian. Bangunan ini ialah bangunan di mana letaknya Ibu Pejabat Perbadanan TAIB pada masa ini.

Dibina berhadapan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin dan di Jalan Sultan kira-kira dalam tahun 1958, bangunan ini di sekitar tahun 60-an amat popular sebagai Civic Centre atau 'Pusat Kemasyarakatan'. Di sinilah aktiviti-aktiviti kemasyarakatan diadakan dan di sinilah juga beberapa sejarah telah ditempatkan.

Melihat keadaan bangunan-bangunan ini sekarang, mudah kita leka akan kisah-kisah yang telah dilaluinya. Malahan, mungkin generasi anak muda pada masa kini tidak mengetahui akan kisah di sebalik tirainya.

Sejarah telah menunjukkan bangunan ini umpama 'multi-purpose hall' atau dewan serbaguna. Untuk memudahkan para pembaca membayangkan akan fungsi bangunan ini, ianya seperti Pusat Persidangan Antarabangsa pada hari ini, di mana di situlah acara-acara keramaian, persidangan dan pelbagai aktiviti diungkapkan. Di awal penubuhannya, bangunan ini kerap kali digunakan bagi acara-acara berkenaan. Ini mungkin disebabkan pada masa itu, belum banyak bangunan-bangunan atau

dewan-dewan dibina untuk memainkan peranan seperti bangunan ini.

Di awal penubuhannya lagi, peranannya sebagai sebuah bangunan yang penting telah mula nampak. Di sinilah Dewan Majlis diadakan. Di sinilah Majlis Mesyuarat Negara telah mengadakan persidangan. Ini terus diikuti dengan pelbagai acara lain yang berkait rapat dengan pentadbiran dan urusan kerajaan.

Pada tahun 1965, Jabatan Muzium Brunei telah menggunakan ruang bangunan ini sebagai tapak pentadbirannya. Setelah bangunan khusus untuk Jabatan Muzium siap dibina di Jalan Kota Batu maka berpindahlah jabatan ini di tahun 1970.

Dalam tahun 1965 juga, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) turut menggunakan ruang di bangunan ini untuk tapak pentadbirannya dan seterusnya berpindah ke premis baru pada bulan November 1968.

Sebelum Perbadanan TAIB menggunakan bangunan ini, di sinilah juga di mana pentadbiran Jabatan Bandar dan Jalan sebelum ianya berpindah ke bangunannya yang ada pada masa kini.

Di samping ruangan bangunan ini digunakan untuk urusan-urusan kerajaan, bangunan ini juga digunakan bagi acara-acara keramaian. Ramai yang mungkin lupa bahawa pada suatu ketika dahulu di bangunan inilah 'Bintang Radio' yang pertama telah dianjurkan iaitu pada 16 Mac 1960. Ianya telah diadakan bersempena rancangan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada waktu itu dengan Awang Ali bin Paun dan Dayang Norjana binti Mohamed Noor masing-masing memenangi kategori lelaki dan perempuan.

Majlis-majlis amal turut diadakan di bangunan ini. Antara yang tercatat ialah apabila Persekutuan Murid-Murid Tua Brunei dengan lebih dikenali sebagai 'MUTU' telah mengadakan majlis mengutip derma bagi membantu penuntut-penuntut Brunei yang belajar di luar negeri pada masa itu, khususnya untuk pelajar-pelajar yang belajar di England, Mesir dan Australia. Acara ini telah diadakan pada Julai 2



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Mutadee Billah berkenan berinteraksi bersama seorang pegawai ketika berangkat mengadakan lawatan kerja Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

1960.

Pada masa dahulu, 'Malam Bahasa Melayu' juga pernah diadakan di mana di bangunan ini jugalah ianya diadakan. Majlis ini telah dianjurkan oleh guru-guru yang mengajar bahasa Melayu di Sekolah Menengah Cina, Saint Andrew dan Saint George.

Seperti Pusat Persidangan Antarabangsa pada masa kini, bangunan 'Civic Centre' ini juga telah pernah digunakan sebagai tempat penyampaian sijil-sijil persekolahan. Di bangunan inilah kira-kira 200 murid-murid Melayu yang telah lulus dalam darjah 5 dan 6 bagi tahun 1958 telah menerima sijil-sijil mereka.

Ruang bangunan ini juga digunakan untuk beberapa pameran. Pada tahun 1961, satu 'Pameran Buku' telah diadakan bersempena dengan Minggu Bahasa. Di tahun 1966 pula, ruang bangunan ini telah digunakan untuk 'Pameran Muzium Brunei' yang telah dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Al-Marhum Seri Paduka Duli Pengiran Pemanah Haji Muhammad Alam.

Bangunan ini bukan sahaja terhad digunakan untuk acara keramaian ataupun persidangan, malahan bangunan ini juga turut digunakan untuk menjalankan pemeriksaan seperti pemeriksaan jawatan Pendakwa Hal Ehwal Ugama Brunei di tahun 1961.

Ianya juga turut digunakan sebagai tempat untuk majlis mengangkat sumpah bagi Ahli-ahli

Baru Majlis Mesyuarat Daerah Brunei dan Muara pada tahun 1962.

Pada hari ini, sejarah demi sejarah terus ditempuh. Satu lagi sejarah telah tertera dengan Perbadanan TAIB sebagai tuan rumah bangunan yang penuh dengan sejarah ini. Di sinilah perbankan Islam diamalkan, dipraktikkan dan terus dimajukan.

Kepentingan perbankan Islam terus diamati-amati dengan menjadikan bangunan ini sebagai pusat pentadbiran. Bangunannya telah diubahsuai mengikut citarasa kini tetapi seperti bangunan-bangunan yang lain, identiti dan lorekanya tetap dikekalkan.

Perbadanan TAIB merupakan salah satu dari tiga perbankan Islam di negara ini. Ianya merupakan satu sistem pengurusan kewangan tanpa riba di mana ianya ditubuhkan untuk menguruskan tabung perbadanan di samping melaksanakan, pengendalian bank, pembiayaan perdagangan dan pelaburan, mengambil bahagian dalam projek pembangunan industri serta merangkumi matlamat lain yang mungkin ditentukan dari masa ke masa.

Ditubuhkan pada hari Ahad, 29 September 1991 bersamaan 21 Rabiulawal 1412H, Perbadanan TAIB telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam.

Di awal tahun penubuhannya, perbadanan ini telah ditempatkan di Bangunan Pusat Komersil dan Perdagangan Bumiputera di Jalan Cator, Bandar Seri Begawan sebelum ianya berpindah ke kawasan berdekatan iaitu bangunan yang pada tahun 1960-an dikenali sebagai 'Civic Centre'.

Antara tujuan perbadanan ini ditubuhkan ialah untuk menggalakkan serta membolehkan orang ramai berurusan dengan perbadanan ini dengan berkesan di bidang penanaman modal dalam perusahaan, perdagangan, hartanah dan lain-lain dengan sempurna serta memuassakan melalui cara yang halal di sisi agama Islam. Ia juga turut memberi pengawalan, perlindungan dan kebajikan dengan mengadakan kemudahan dan perkhidmatan dalam urusan kewangan, pelaburan, urusan haji dan bidang kebajikan lain yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah.

Ianya juga bertujuan untuk membolehkan dan menggalakkan orang ramai melalui simpanan mereka mengambil bahagian dengan lebih berkesan di bidang penanaman modal dalam perusahaan, perdagangan, hartanah dan lain-lain dengan sempurna serta memuassakan melalui cara yang halal di sisi agama Islam. Ia juga turut memberi pengawalan, perlindungan dan kebajikan dengan mengadakan kemudahan dan perkhidmatan dalam urusan kewangan, pelaburan, urusan haji dan bidang kebajikan lain yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah.

Di samping itu, perbadanan ini menyediakan asas bagi penubuhan Bank Islam Negara Brunei Darussalam, di samping usaha mencapai keteguhan dan keupayaan orang Islam dalam memajukan perkem-

bangunan di bidang kewangan dan pelaburan mengikut lunas syariah.

Sebagai salah satu aset Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perbadanan TAIB terus maju dan mengembangkan sayapnya dengan memperkenalkan pelbagai produk dan menambahkan cawangannya.

Jumlah pekerja juga bertambah di mana dalam tahun 1997, jumlah pekerja perbadanan ini telah melebihi 150 orang dengan 32 orang pegawai dan 118 orang memegang jawatan sebagai Penyelia, Juruwang, Kerani yang mana di awal penubuhannya jumlah pekerja agensi ini hanyalah seramai 25 orang.

Dari setahun ke setahun sejak penubuhannya, perbadanan ini telah mula menunjukkan kepentingannya. Pelanggan yang datang bukan sahaja terdiri dari masyarakat Brunei yang beragama Islam malahan telah berupaya menanam kepercayaan sebagai sebuah perbadanan yang mantap dan stabil di mata masyarakat Brunei yang bukan beragama Islam.

Produk-produk dari setahun ke setahun juga berkembang dan dipelbagaiakan. Sejak penubuhannya, perbadanan ini telah menawarkan perkhidmatan Akaun Simpanan Al-Wadihah yang terbahagi kepada empat jenis akaun iaitu Akaun Persendirian; Akaun Bersama; Akaun Tanggungan dan Akaun Syarikat.

Hubungan Brunei - M'sia mesra dan erat

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Yang Amat Berhormat Dato Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia bersempena Ulang Tahun Ke-47 Hari Kemerdekaan Malaysia.

Dalam perutusan baginda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia, baginda menyatakan rasa gembira dan menghargai hubungan silaturahim dan persahabatan yang erat lagi mesra yang sedia terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia. Hubungan yang sedemikian itu telah banyak mendatangkan kemanfaatan kepada kedua-dua buah negara yang mana baginda mendoakan ianya akan sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda

dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha mendoakan ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, semoga Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Permaisuri Agong dipanjangkan umur, sentiasa di dalam kesejahteraan dan sihat walafiat dan juga semoga rakyat Malaysia akan sentiasa menikmati kenakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat dan kerajaan serta rakyat Malaysia sempena ulang tahun Hari Kemerdekaan Malaysia.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia. Baginda seterusnya berdo'a semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang baik di peringkat dua hala mahupun di peringkat ASEAN demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda mendoakan semoga Yang Amat Berhormat akan sentiasa dalam keadaan sihat walafiat dan sejahtera.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Mutadde Billah berkenan melancarkan penggunaan sepenuhnya Bangunan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dengan menandatangani plak di ruang legar Pejabat Eksekutif sambil disaksikan oleh Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Dato Paduka Awang Haji Junaidi, ketika berangkat mengadakan lawatan kerja ke Perbadanan TAIB di ibu negara.

Kebawah DYMM saksikan Majlis Pengislaman

Oleh
Haji Ahmad HS

Dayang Jamilah binti Abdullah di Kampung Tanjong Maya.

Dalam keberangkatan itu, baginda juga berkenan berkunjung ke rumah-rumah Ketua Kampung Bukit Udai, Awang Johno bin Perak; Ketua Kampung Ukong; Awang Nendaroh bin Datu Kurnia Diraja Gadong; Ketua Kampung Lamunin, Mejar (B) Awang Haji Tahamid bin Haji Kula dan Penghulu Mukim Pekan Tutong, Awang Haji Azahari bin Iradat.

Di samping itu, baginda juga berangkat melawat beberapa agensi, institusi kerajaan dan swasta termasuk Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara Bukit Beruang, Kilang Sago Kampong Ukong, Klinik Kesihatan Kampong Rambai, Balai Polis Kampong Lamunin, Bangunan Persatuan PERTAMA, PESATU, Koperasi Stesen Minyak Kampong Lamunin (KODRAT) dan Kompleks Perniagaan Pekan Tutong.

Kilang Sago kepunyaan Syarikat Perusahaan Sago Yong Pin Chin dan Anak-anak yang terletak 16 kilometer dari Pekan Tutong mula beroperasi dalam tahun 1981. Kilang itu mampu menghasilkan antara 36,000 hingga 48,000 kilogram sago setahun dan dipasarkan ke lebih 70 buah kedai runcit dan pasaraya di Daerah Brunei-Muara, Belait dan Tutong. Pokok rumbia pula diperolehi dari kampung itu dan kampung sekitarnya.

Manakala Klinik Kesihatan Kampong Rambai yang beroperasi dalam tahun 1994 menyediakan perkhidmatan ibu-ibu mengandung dan anak-anak damit dengan keupayaan tiga orang kakitangan.

Sementara Balai Polis Lamunin yang dilengkapi 43 orang anggota berperanan me-

ngawal keselamatan di Mukim Kiudang, Mukim Lamunin dan Mukim Rambai. Balai berkenaan diketuai oleh Pegawai Penguasa Balai Arpan bin Haji Abdullah.

Persatuan PERTAMA yang ditubuhkan dalam tahun 1960 kini mempunyai 600 orang ahli mengendalikan sebuah sekolah rendah.

Semasa keberangkatan itu, baginda juga berkenan melawat ke Stesen Minyak Koperasi Dataran Gong Tiga, Majlis Perundingan Kampong Lamunin Berhad (KODRAT). Stesen itu yang mula beroperasi dalam bulan Ogos 1998 dan dirasmikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada 30 November 1998 mempunyai 12 orang kakitangan dan seorang pengurus. Kos pembinaan stesen itu menelan belanja lebih \$700 ribu.

Kepesatan pembangunan Pekan Tutong yang tergambar melalui pertambahan deretan kedai runcit dan pasar raya juga menarik perhatian baginda. Baginda juga meluangkan masa berangkat menyaksikan lebih dekat kemudahan yang terdapat di Kompleks Perniagaan Pekan Tutong, Tutong Central Mall.

Lawatan baginda diakhiri dengan keberangkatan ke Bangunan Halim Plaza bagi Majlis Santap Tengah Hari.

Sepanjang keberangkatan lawatan baginda, rakyat dan penduduk daripada pelbagai peringkat sentiasa tidak melepaskan peluang untuk menjunjung ziarah dan beramah mesra bersama baginda. Mereka juga dengan bangga mempersembahkan pelbagai persembahan kebudayaan masyarakat masing-masing dengan iringan irama muzik tradisi dan pelbagai pameran aktiviti kesenian dan kebudayaan yang diungkuhkan melalui Majlis Perundingan Kampong.

BANGUNAN TAIB DIDIRIKAN DI TAPAK BERSEJARAH

Dari muka 8

Pada tanggal 29 September 1994, Akaun Tekad Haji telah dilancarkan di mana ianya dihasratkan untuk memberi kemudahan kepada bakal-bakal jemaah haji untuk menyimpan secara sistematik dan berperancangan sebelum menunaikan fardu haji.

Di tahun yang sama, Akaun Simanja dan Remaja juga turut dilancarkan. Lima tahun kemudian, perbadanan ini mengenalkan produk yang baru iaitu Akaun Belia yang dibukakan kepada para belia yang berumur 22 hingga 40 tahun.

Perbadanan ini terus berkembang dengan keupayaannya untuk menubuhkan Syarikat Takaful TAIB Sdn. Bhd. yang kemudiannya diubah kepada Insurans Islam TAIB Sdn. Bhd., Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd., Stesen Minyak TAIB Beribi serta mengambil alih pengurusan sebuah stesen minyak yang sekarang dikenali sebagai Stesen Minyak TAIB Delima.

Syarikat Insurans Islam TAIB Sdn. Bhd. merupakan sebuah anak syarikat milik Perbadanan TAIB. Ianya berfungsi sebagai sebuah syarikat yang menyediakan perlindungan insurans berdasarkan prinsip syariah. Pelbagai jenis

takaful/insurans disediakan bagi kesejahteraan para pelanggan. Mempunyai cawangan di Kiulap dan Kuala Belait syarikat ini juga menyediakan 'Meja Takaful' di enam lokasi iaitu di Stesen Minyak TAIB Beribi, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat, Pusat Memproses Mel dan Bungkusan Jabatan Perkhidmatan Pos, Kampong Sengkunong, Kampong Lambak dan Kampong Petani.

SYARIKAT DARUSSALAM HOLDINGS SDN. BHD.

Pada menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam dalam memberikan kemudahan dan kesejahteraan rakyat baginda semasa menunaikan fardu haji, sebuah syarikat yang dikenali sebagai Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd. telah pun ditubuhkan dalam tahun 1993. Anak syarikat kepada Perbadanan TAIB ianya berfungsi sebagai agensi yang mengendalikan pemergian jemaah haji dan umrah rakyat Brunei ke Tanah Suci. Di samping itu ianya juga berperanan dalam memberikan perkhidmatan yang berkesan dan selesa dari segi kesejahteraan dan pengurusan haji dan umrah rakyat Brunei dalam menyempurnakan ibadah haji dan umrah di Tanah Suci.

Pada tanggal 16 Jun 2000 pula, perbadanan ini telah menubuhkan Pusat Kad TAIB yang memberi perkhidmatan 24 jam. Hari ini terdapat sembilan lokasi mesin ATM Kad TAIB iaitu di Ibu Pejabat Perbadanan TAIB; Pusat KAD TAIB; Cawangan TAIB Kiulap, Lambak, Sengkunong dan Tutong; Stesen Minyak TAIB Beribi; Universiti Brunei Darussalam dan Seaview Hotel, Kuala Belait.

Cawangan perbadanan ini turut bertambah di mana dalam usahanya untuk memberi perkhidmatan pelanggan yang cemerlang, urusan perbadanan dengan pelanggan tidak lagi terhad di ibu pejabatnya yang ter-

letak di Bandar Seri Begawan, malahan ianya boleh dilakukan di Kiulap, Lambak, Sengkunong, Tutong dan Kuala Belait.

Perbadanan TAIB sentiasa memberikan perkhidmatan yang cemerlang, selesa dan mudah pakai atau 'user friendly'. Oleh itu, perbadanan ini telah menjalankan sedikit pengubahsuaian ke atas bangunan yang dahulunya dikenali sebagai 'Civic Centre' ini. Seperti bangunan-bangunan yang lain di sekitar Bandar Seri Begawan, walaupun telah diubahsuai, bangunan ini masih lagi menampilkan ciri-ciri aslinya.

Pengubahsuaian yang telah bermula dalam tahun

2002, alhamdulillah, telah pun siap sepenuhnya dan telah mula digunakan sepenuhnya pada 21 Jun 2004.

Bangunan Ibu Pejabat Perbadanan TAIB mempunyai sejarah-sejarah manisnya. Kita tidak seharusnya lupa akan kisah-kisah yang dipahat oleh khazanah ini.

Tradisi memahat sejarah ke bangunan ini sekarang diteruskan oleh Perbadanan TAIB. Suatu hari kelak, kita akan merista semula di mana di sinilah usaha-usaha memajukan perbankan Islam dijalankan, di atas satu tapak yang memang telah banyak dengan sejarahnya tersendiri sebelum ini.



MENARIK ... Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolqiah begitu tertarik dengan pameran yang terdapat di muzium berkenaan.

Berangkat melawat Muzium Teknologi Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Ogos. - Cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Perutusan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolqiah binti Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irsad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim berkenan berangkat membuat lawatan bersama

**Oleh
Siti Aishah HS**

65 orang kanak-kanak dari Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolqiah (YSHHB) ke Muzium Teknologi Melayu dekat ibu negara di sini.

Semasa lawatan, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul

Bolqiah dijunjung berangkat menyaksikan galeri mengenai pameran rumah tradisi Kampong Ayer, galeri pameran teknologi tradisi Kampong Ayer dan galeri pameran teknologi tradisi di kawasan darat.

Lawatan sambil belajar tersebut merupakan salah satu aktiviti tahunan bagi Taman Asuhan Kanak-kanak YSHHB dengan memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak men-

genai tempat-tempat yang menarik di Negara Brunei Darussalam selain memberi pengajaran dan pengalaman secara langsung kepada mereka.

Hadir sama semasa lawatan tersebut ialah sembilan orang tenaga pengajar yang diketuai oleh Pengetua Sekolah Taman Asuhan Kanak-kanak YSHHB, Dayang Hajah Halimah binti Haji Maidin.

Kunjungan muhibah Panglima TUDM

**Oleh
Aliddin HM**

BERAKAS, 9 Ogos. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi hari ini menerima kunjungan muhibah Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM); Yang Berbahagia Jeneral Datuk Nik Ismail yang berlangsung di Kementerian Pertahanan Bolqiah Garison di sini.

Yang Berbahagia Jeneral Datuk Nik Ismail dan rombongan berada di negara ini

bagi lawatan rasmi dua hari ini dan lawatan ini juga merupakan lawatan perkenalan sejak beliau dilantik ke jawatan sekarang pada 5 April yang lalu bagi menggantikan bekas Panglima TUDM, Yang Berbahagia Dato' Seri Abdullah.

Selain itu, lawatan Panglima TUDM ke negara ini juga untuk mengeratkan dan mengekalkan hubungan dua hala di bidang ketenteraan di antara Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB).

Beliau berada di sini bagi menerima Lencana Juruterbang Kehormatan oleh

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Perutusan Negara Brunei Darussalam.

Lencana Juruterbang Kehormatan itu telah disampaikan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi di Markas ATUDB di Pangkalan Rimba, Gadong.

Sejurus selepas menerima pingat penghormatan itu, beliau mengadakan kunjungan muhibah kepada Pemerintah ATUDB, Kolonel (U) Mahmud bin Haji Saidin.

Yang Berbahagia Jeneral Datuk Nik Ismail adalah Panglima TUDM yang kedua menerima pingat kehormatan tersebut.

Perhubungan ketenteraan di antara ATUDB dan TUDM terus berkembang terutama sekali di bidang pertukaran lawatan, latihan ketenteraan, mesyuarat dan ekseseis dan salah satu latihan yang masih dilaksanakan bersama ialah SAREX MALBRU atau Latihan Bantuan Mencari dan Menyelamat Malaysia/Brunei. Yang Berbahagia Jeneral Datuk Nik Ismail dan rombongan akan berlepas meninggalkan negara ini pada esok hari.



PEMERINTAH ABDB, YDM Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi ketika menerima kunjungan muhibah Panglima TUDM, Yang Berbahagia Jeneral Datuk Nik Ismail bin Nik Mohamed. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Menangani cabaran penggunaan sistem perkomputeran

BERAKAS, 2 Ogos. - Pelbagai cabaran dan keprihatinan mengenai keselamatan perlu diambil kira dalam menepuh era globalisasi masa kini, yang mana banyak memerlukan ketelusan dalam penggunaan teknologi elektronik, infokomunikasi teknologi (ICT) bagi pembangunan minda demi untuk melaksanakan e-masyarakat yang bermaklumat.

Justeru itu, proses tersebut akan melibatkan beberapa aspek pendedahan informasi dan perkongsian maklumat, latihan dan membaiki pulih dengan komitmen yang tinggi di semua peringkat Perkhidmatan Awam masa kini.

Sehubungan dengan itu, satu taklimat mengenai Perkhidmatan Menangani Cabaran Penggunaan Sistem Perkomputeran diadakan di Kementerian Perhubungan di sini.

**Oleh
Siti Aishah HS**

Dalam taklimat yang diberikan oleh Keith White, selaku Pengarah Perkhidmatan Keselamatan - Asia Pasifik, menyatakan pelbagai cabaran dihadapi

untuk mencapai kemajuan dalam ICT, lebih-lebih lagi apabila ia berkaitan dengan penggunaan perkhidmatan internet.

Beliau juga menyatakan keselamatan adalah perkara utama yang perlu dijaga iaitu keperluan terhadap aspek keselamatan yang berpanjangan bagi memasti-

kan jaringan dan maklumat selamat dengan memberikan perlindungan yang berseesuaian dalam operasi perniagaan yang diperlukan.

Taklimat sehari itu dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail.



HADIR mempengerusikan taklimat ialah Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

1.25 bilion penduduk dunia perokok

**Oleh
Haji Ahmad HS**

"Dari jumlah kematian akibat penyakit HIV, TB, kematian disebabkan ibu melahirkan, kemalangan jalan raya dan kes bunuh dan bunuh diri, jika dicampur jumlah semuanya, masih tidak dapat mengalahkan jumlah kematian akibat rokok, itu ramalan WHO," ujar beliau.

Dalam ceramahnya, Dr. Haji Rosaimie juga menjelaskan statistik perokok yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Menurut beliau kajian menunjukkan bahawa perokok yang terdiri dari kaum lelaki berjumlah 31 peratus dan perokok wanita sejumlah 5.3 peratus.

Apa yang menyedihkan tambahnya, ialah statistik mengenai penglibatan golo-

ngan remaja dengan rokok. Golongan lelaki yang merokok pada usia 12 tahun hingga 15 tahun mencatatkan sebanyak 4.6 peratus dan wanita 0.3 peratus. Peratus statistik dari umur 15 hingga 19 tahun lelaki terlibat dengan rokok ialah sebanyak 16 peratus dan diikuti perempuan sejumlah 1.6 peratus. Manakala umur 20 hingga 29 tahun lelaki berjumlah 44 peratus dan wanita pula sebanyak 1.7 peratus.

Dr. Haji Rozimee dalam ceramahnya juga turut menyentuh mengenai kandungan yang terdapat pada sebatang rokok, yang mana mengandungi 4,000 jenis bahan kimia, antaranya ialah tar (bahan membina jalan raya), arsenik (racun serangga), amonia (bahan pembersih lantai dan naphthalena (ubat gatal).

"Kebanyakan bahan-bahan yang terkandung da-

lam rokok itu adalah jenis nikotin, iaitu bahan dadah yang menyebabkan perokok menjadi ketagih. Dadah nikotin melalui sebatang rokok yang dihisap boleh sampai ke otak dalam jangka masa hanya 10 saat," terangnya.

Menurutnya lagi terdapat lima jenis penyakit yang disebabkan oleh rokok yang boleh membawa maut iaitu penyakit jantung sebanyak 2.1 peratus, kanser 15.4 peratus, kencing manis 8.1 peratus, strok sebanyak 7.6 peratus dan Asma Bronkitis dan Emfiseme sebanyak 6.7 peratus.

Beberapa orang ahli panel yang turut memberi ceramah mengenai Merokok Mengikut Pandangan Islam. Antaranya ialah Pegawai Perundangan Syariah, Awang Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh. Sesi soal jawab bersama penceramah juga diadakan.

Lima buah bas baru Kementerian Pertahanan

**Oleh
Haji Ahmad HS**

hadir.

Semua badan lima buah bas tersebut telah direka dan dipasang oleh Syarikat G. H. K. Auto Assembly Sendirian Berhad dengan enjin dan rangka bas tersebut diimport daripada Syarikat Mitsubishi Motor Jepun.

Kemampuan untuk membina sendiri badan bas memberikan peluang kepada syarikat berkenaan untuk melahirkan kumpulan pekerja tempatan yang

mempunyai motivasi diri dari segi latihan dan kemahiran.

Ini adalah bersesuaian dengan rancangan Kementerian Pertahanan ke arah memaksimumkan perbelanjaan dan pembangunan industri pertahanan kepada kempayaan ekonomi dalam negeri.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2000, sejumlah 90 peratus daripada bas yang memuatkan 45 kerusi penumpang yang direka bentuk oleh Syarikat G. H. K. Auto Assembly Sendirian Berhad telah dijual kepada sektor kerajaan dan pengusaha bas sekolah.



YDM Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin, Pengarah Urusan G. H. K. Auto Assembly Sendirian Berhad menyerahkan replika kunci bas kepada Pengarah Kewangan dan Perbekalan Kementerian Pertahanan, Dayang Hajah Suriya binti Haji Umar. - Gambar oleh Hamadi HM.

PENDEKATAN MENGENAI ISTIADAT MENGURNIAKAN GELARAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DALAM siri ini kita masih lagi membincangkan susunan Istiadat Mengarak bagi orang yang dikurniai gelaran. Pada siri yang lepas kita telah mengikuti keberangkatan/pemergian rombongan menjunjung/mengambil orang yang hendak dikurniai gelaran itu di tempat kediamannya.

Setelah rombongan Menjunjung Pengiran atau Mengambil Awang yang hendak dikurniai gelaran itu berangkat atau balik ke Lapau, atur cara seterusnya adalah seperti berikut:

(a) Rombongan Menjunjung Pengiran atau Mengambil Awang yang hendak dikurniai gelaran berangkat atau balik ke Lapau diiringi atau diikuti oleh pembawa-pembawa perhiasaan dan orang-orang yang mengiringkan.

(b) Setelah sampai di Lapau, bagi bakal Wazir sebelum naik ke Lapau rombongan itu akan "berpusar naga" tiga-tiga kali di hadapan Lapau.

(c) Sebelum Ketua Rombongan dan orang yang akan dikurniai gelaran masuk ke Lapau, Pembesar Diraja yang taraf gelarannya terendah daripada Ketua Rombongan akan masuk terlebih dahulu ke dalam majlis dan duduk di tempat masing-masing.

(d) Apabila semuanya telah siap sedia, maka baharulah orang yang hendak dikurniai gelaran masuk ke dalam majlis diapit oleh Ketua Rombongan di sebelah kirinya berserta perhiasaan yang mengiringkannya dan duduk (Semasa duduk itu tidak rata barisannya orang yang dikurniai gelaran terkeatas sedikit daripada pengapit sebelah kanan dan pengapit sebelah kanan terkeatas sedikit daripada pengapit sebelah kiri) di tengah-tengah majlis di tempat yang dikhaskan, iaitu di tengah-tengah majlis dalam lingkungan kawasan di antara tiang kuning dengan tiang putih, menghadap Sultan; bagi Wazir di bawah sedikit daripada tiang kuning, manakala bagi Cheteria sama tengah antara tiang kuning dengan tiang putih, dan bagi Manteri sama tengah juga tetapi hampir ke tiang putih; manakala bagi pembawa-pembawa perhiasaan yang mengiringkan keberangkatan Pengiran atau kedatangan Awang yang hendak dikurniai gelaran itu masuk ke dalam majlis juga akan beratur di tempat dikhaskan, iaitu pembawa Sinipit akan berdiri di tepi dinding di kiri kanan Bawah Peningkah, sementara pembawa-pembawa Pedang dan Perisai, Tombak, Kabuk dan Panastan akan berdiri di tengah-tengah majlis di belakang orang yang hendak dikurniai gelaran itu menghadap ke Patarana.

(e) Apabila semuanya siap sedia, maka Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja (Atau Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela atau Pehin Manteri yang sifatkan sedemikian) menjunjung anugerah mengadap Pengiran Pemancha (Atau Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar atau Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah atau Pembesar Diraja yang disifatkan sedemikian) dan seterusnya menyembahkan bahawa Majlis Istiadat Mengarak atau Mengangkat atau Menyampiri Nama Gelaran telah siap sedia dan sembah itu disembahkan ke hadapan Majlis Baginda Sultan untuk menjunjung titah berkenaan supaya majlis istiadat itu dimulakan.

(f) Sebaik-baik sahaja baginda memperkenankannya, maka Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja menjunjung anugerah balik ke tempat duduknya yang asal; kemudian Pengiran Pemancha berdatang sembah lagi untuk menjunjung ketentuan orang yang akan dititahkan menjadi pengapit di sebelah kanan dan menapakkan gangsa sirih.

(g) Apabila baginda telah bertitah menentukan Pembesar Diraja yang mengapit di sebelah kanan dan orang yang menapakkan gangsa sirih (orang yang teratas gelarannya daripada orang yang dikurniai gelaran), maka Pengiran Pemancha terus menjunjung atau memohonkan Pembesar Diraja yang dimaksudkan mengambil tempat, dan Pembesar Diraja itu juga terus menjunjung anugerah berangkat atau pergi ke tempat yang dikhaskan untuk duduk di sebelah kanan orang yang hendak dikurniai gelaran itu.

(h) Pengiran Pemancha menyembahkan ke hadapan Majlis Baginda Sultan untuk menjunjung titah menentukan orang yang akan membaca Chiri.

(i) Setelah Sultan bertitah atau menentukan Manteri Agama yang akan membaca Chiri itu maka maksud itu terus disabdakan oleh Pengiran Pemancha kepada Manteri Agama yang dimaksudkan dengan sabda, "Yang Dimuliakan Pehin atau Yang Mulia Mudim ... (Disebut nama gelaran orang yang akan membaca Chiri) dipanggil Mengadap."

(j) Berikutan dengan sabda itu, Manteri Agama atau Mudim yang akan membaca Chiri pun menjunjung anugerah mengambil tempat duduk yang dikhaskan diiringi oleh Awang-Awang membawa gangsa beralas, bertarak serta bertatapan yang berisi Chiri dan berdiri di belakang orang yang hendak dikurniai gelaran itu.

(k) Selepas itu Pengiran Pemancha berdatang sembah lagi menjunjung perkenan supaya Majlis Istiadat Mengurniakan Gelaran untuk Mengarak Wazir atau Mengangkat Cheteria atau Menyampiri Nama Manteri sebentar awal dimulakan.

(l) Sebaik-baik saja maksud itu diperkenankan oleh Sultan, maka Pengiran Pemancha terus menjunjung atau memohonkan Pembesar Diraja yang menjadi pengapit di sebelah kanan memulakan Istiadat Menapakkan Gangsa Sirih.

(m) Maka Pembesar Diraja yang akan menapakkan gangsa sirih menjunjung anugerah dan mengambil gangsa sirih yang dibawa oleh Awang-Awang dan seterusnya menapakkan gangsa sirih itu di bahu kanan (bagi Wazir), di bahu kiri dan kanan (bagi Cheteria) dan di bahu kiri, kanan dan di atas kepala (bagi Manteri) yang dikurniai gelaran itu, dan sesudah itu Pembesar Diraja yang menjadi pengapit di sebelah kanan itu pun mengembalikan gangsa sirih itu dan duduk semula.

(n) Sebaik-baik sahaja Pembesar Diraja yang menjadi pengapit di sebelah kanan itu duduk, maka Manteri U gama atau Mudim yang ditetapkan membaca Chiri itu pun memulakan bacaan Chiri.

(o) Apabila bacaan Chiri sampai kepada nama gelaran yang dikurniai

SIRI KELAPAN BELAS

itu, maka orang yang dikurniakan gelaran itu akan mengangkat Sembah Setia (Dan seterusnya diikuti dengan tembakan meriam bagi Wazir sahaja), serentak dengan sebutan nama gelaran itu juga Kurnia Persalinan dan Alu-Aluan yang diletakkan di dalam gangsa beralas, bertarak serta bertatapan dibawa masuk ke majlis oleh Awang-Awang berpakaian istiadat perampuan hitam, iaitu seperti dalam Jadual 1.

KURNIA PERSALINAN DAN ALU-ALUAN

Kurnia Persalinan dan Alu-Aluan	Wazir	Cheteria dan Ketua Kepala Manteri	Pehin Manteri	Pehin Manteri Bini	Pehin Khatib
Pakaian : Sepengadak bersawit dan berkamar	/				
Sepengadak persalinan biasa	/	/	/	/	
Dua bilah Pedang Bersampak emas (Atau seumpamanya, untuk disesuaikan dengan hukum Syarak) atau sebagainya	/				
Tombak bersampak emas	2	/ perak			
Sebilah Keris Berawar dan berlambang Diraja daripada emas	/	/ perak			
Bedil Tembaga	2	2	/		
Sebuah Kaskul Perak beranak emas	/	/			
Sebilah Chelapa Tembaga			/	/	
Sehelai Jubah Putih					/
Sebilah Serban					/
Sebatang Tongkat					/

Jadual 1

(p) Apabila Chiri yang dibacakan itu sampai kepada perkataan 'Peri meneguhkan setia bakti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda (sebut nama batang tubuh Sultan yang memerintah pada masa itu), Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam', maka orang yang dikurniai gelaran itu akan mengangkat Sembah Setia sekali lagi sehingga sampai kepada perkataan, 'serta pengganti-pengganti baginda', baharulah orang yang dikurniai gelaran itu menurunkan tangannya.

(q) Selesai sahaja Chiri itu dibacakan, maka Pengiran Pemancha pun menyembahkan ke hadapan Majlis Baginda Sultan dengan sembah, "Ampun beribu ampun, patik menjunjung ketentuan orang yang akan dititahkan membaca Doa Selamat, dijunjung titah". Dan seterusnya Sultan akan bertitah untuk menentukan Manteri U gama atau Mudim yang hendak membaca Doa Selamat itu menurut adat yang ditentukan iaitu seperti dalam Jadual 2.

GELARAN	PEMBACA DOA YANG DITENTUKAN
Pengiran Perdana Wazir	Pehin Datu Seri Maharaja
Pengiran Bendahara	Pehin Datu Seri Maharaja
Pengiran Di-Gadong	Pehin Datu Imam
Pengiran Pemancha	Pehin Siraja Khatib
Pengiran Temenggong	Pehin Tuan Imam
Ketua Kepala Cheteria	Pehin Udana Khatib
Cheteria	Pehin Khatib
Ketua Kepala Manteri	Pehin Khatib
Pehin Datu Seri Maharaja	Pehin Khatib
Manteri	Mudim

Jadual 2:

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR

(r) Setelah ditentukan oleh titah, Pengiran Pemancha akan bersabdakan kepada Manteri U gama atau Mudim yang dimaksudkan untuk membaca Doa Selamat dan seterusnya Doa Selamat itu dibaca oleh Manteri U gama atau Mudim itu ditempat duduknya juga.

(s) Selesai sahaja Doa Selamat dibacakan, maka Pembesar Diraja yang menjadi pengapit di sebelah kanan akan berdatang sembah ke hadapan majlis Baginda Sultan bahawa orang yang telah dikurniai gelaran akan menjunjung ziarah dengan sembah, 'Adinda atau Ayahanda bagi Wazir atau Cheteria (sebut nama gelarannya) akan menjunjung ziarah', atau 'Ayahanda, bagi Pehin Manteri (sebut nama gelarannya) akan menjunjung ziarah'.

(t) Sebaik-baik sahaja sempurna sembah itu, maka orang yang telah dikurniai gelaran itu pun menjunjung anugerah untuk mengadap dan berziarah kepada Sultan, Begawan Sultan (kalau hadir) dan kerabat Diraja yang tertentu.

(u) Setelah menziarahi tiap-tiap orang yang disebutkan, selepas menjunjung anugerah akan diiringi dengan 'Laila Sembah' dan cara berjalan semasa mengadap yang diizinkan dan balik daripada ziarah itu menurut cara 'titi batang'.

(v) Setelah selesai, orang yang telah dikurniai gelaran itu akan balik ke tempat duduknya dan sebaik-baik sahaja sempurna duduk dan mengangkat Sembah Setia, maka Pembesar Diraja yang menjadi pengapit di sebelah kanan akan berdatang sembah ke hadapan majlis Baginda Sultan, dengan sembah, 'Adinda atau Ayahanda (sebut nama gelarannya) akan menjunjung anugerah' atau 'Ayahanda (sebut nama gelarannya) akan menjunjung anugerah'.

(w) Orang yang telah dikurniai gelaran tersebut menjunjung anugerah kemudian mengangkat 'Laila Sembah' dan sesudah itu terus berangkat atau beredar daripada majlis untuk balik ke rumahnya. (Akan tetapi bagi Wazir, selepas menjunjung anugerah itu terus berangkat ke bilik rehat diiringi oleh Pembesar Diraja yang menjadi pengapit sebelah kiri; kemudian Wazir itu akan menerima tabik perbarisan kehormatan yang dijalankan di kawasan Lapau menurut peraturan tertentu).

(x) Sebaik-baik sahaja orang yang telah dikurniai gelaran dan rombongan itu meninggalkan majlis dan Pembesar Diraja yang menjadi pengapit di sebelah kanan menjunjung anugerah balik ke tempat duduknya yang asal, maka Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja akan menjunjung anugerah dan mengadap Pengiran Pemancha menyembahkan bahawa Majlis Istiadat Mengurniakan Gelaran (sebut nama gelaran itu) telah selamat sempurna dilaksanakan dan seterusnya maksud sembah itu disembahkan oleh Pengiran Pemancha ke hadapan majlis Baginda Sultan dengan sembah: "Ampun beribu ampun, dengan izin Allah dan berkat daulat Kebawah Duli Yang Tuan Patik Majlis Istiadat Mengurniakan Gelaran bagi ... (sebut nama gelaran itu) dan Majlis Istiadat Mengarak Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran (bagi Wazir) atau Majlis Istiadat Mengangkat Yang Amat Mulia (bagi Cheteria) atau Menyampiri Nama Yang Dimuliakan (bagi Pehin Manteri) telah sempurna dilaksanakan dan dijunjung titah perkenan supaya majlis ditutup."

(y) Apabila Sultan memperkenankannya, maka Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja menjunjung anugerah balik ke tempat duduknya yang asal dan sebaik-baik sahaja Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja sempurna duduk, maka Sultan pun berangkat daripada majlis diiringi oleh kerabat Diraja dan Pembesar Negara yang lain maka dengan itu majlis pun berakhir dan bersurai.

Pelita Brunei: Selesai saja Istiadat Mengurniakan Gelaran di Lapau apakah Istiadat selanjutnya Pehin?

Yang Dimuliakan: Istiadat selanjutnya ialah Istiadat Perbarisan Kehormatan dan Mengarak Wazir yang baru dikurniai anugerah gelaran lazimnya adalah seperti berikut:

(a) Bagi Istiadat Mengarak Wazir, sesudah sempurna Istiadat Mengurniakan Gelaran disambung lagi dengan Istiadat Menerima Perbarisan Kehormatan dan Mengarak, iaitu sesudah keberangkatan Sultan dan kerabat Diraja daripada majlis.

(b) Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bersedia di kawasan perbarisan.

BERANGKAT KE MAJLIS KONVOKESYEN UIAM KE-20



BAGINDA berbual mesra bersama Awang Mohammad Soffean bin Haji Junaidi, penuntut dari Negara Brunei Darussalam yang mengambil jurusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Pengurusan.

KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan Pahang yang juga merupakan Ketua Perlembagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) semasa berangkat ke Majlis Konvokesyen universiti tersebut pada 22 Ogos lepas (atas).

Gambar oleh
Samadi Ahmad,
Berita Harian,
Malaysia



BAGINDA ketika berkenan menerima pesambah sejourus selepas baginda menganugerahkan ijazah-ijazah kepada graduan UIAM (atas).



BAGINDA semasa berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang disempakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang (kiri).



BAGINDA berbual mesra bersama sebahagian penuntut Negara Brunei Darussalam yang belajar di universiti tersebut (atas).

BAGINDA bersama Sultan Pahang merakamkan gambar kenangan bersama penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam (kiri).

Istiadat Berjaga-jaga bagi Perkahwinan Diraja



BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Ogos. - Istiadat Berjaga-jaga bagi Perkahwinan Diraja antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Makhota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman diadakan setiap malam di Istana Nurul Iman.

Istiadat dilaksanakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Oleh
Abdullah Asgar

Berangkat sama dan hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbunan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pehin-pehin Manteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Manakala berangkat dan hadir di ruang lain istana bagi (kumpulan wanita) ialah ahli-ahli kerabat diraja, isteri-isteri

Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbunan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai kanan kerajaan.

Antara acara pada Istiadat Berjaga-jaga tersebut ialah Majlis Dikir oleh wakil kumpulan lelaki dan wanita di ruang berasingan, permainan tradisi seperti congkak, catur, pasang dan menambang syair.

Bagi memperingati Majlis Istiadat Berjaga-jaga diakhiri dengan bacaan doa selamat.

BERANGKAT di Istiadat Berjaga-jaga bagi Perkahwinan Diraja yang diadakan di Istana Nurul Iman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah (kiri), YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam (kanan).



ISTIADAT Berjaga-jaga bagi Perkahwinan Diraja yang diadakan di Istana Nurul Iman sejak 26 Ogos lepas berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz. - Gambar oleh Halim HS.



KUMPULAN wanita menyerikan suasana Istiadat Berjaga-jaga dengan mempersembahkan dikir.



ISTIADAT Berjaga-jaga bagi Perkahwinan Diraja yang berlangsung di Istana Nurul Iman dihadiri sama oleh Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, pembesar-pembesar negara, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan kumpulan lelaki dari pelbagai peringkat (atas, kiri dan bawah). - Gambar oleh Masri Osman.



Poster Perkahwinan Diraja diterbitkan

BERAKAS, 26 Ogos. - Jawatankuasa Penerangan dan Perhubungan Istiadat Perkahwinan Diraja antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah telah menerbitkan dua jenis poster untuk Istiadat Perkahwinan Diraja tersebut.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang menyatakan perkara itu sewaktu mengagihkan poster berkenaan kepada wakil-wakil dari kementerian-

Oleh
Abu Bakar HAR

kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain serta sektor swasta di Jabatan Penerangan di sini.

Di majlis tersebut beliau yang juga selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penerangan dan Perhubungan Istiadat Perkahwinan Diraja merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Publisiti, Promosi dan Penerbitan seterusnya menyampaikan surat penghar-

gaan kepada syarikat-syarikat penaja promosi dan publisiti Istiadat Perkahwinan Diraja.

Dari dua jenis poster jawatankuasa tersebut juga memberigakan Istiadat Perkahwinan Diraja itu melalui billboard dan digital billboard secara bertaja di tempat-tempat strategik.

Sehubungan dengan itu beliau mengingatkan agar poster tersebut diletakkan di tempat-tempat yang bersejajar dan mudah dilihat, di samping memastikan ianya sentiasa terpelihara

dari sebarang keadaan yang tidak diinginkan, kerana semua itu adalah penting agar Istiadat Perkahwinan Diraja yang bersejarah itu dapat dihayati dan dilaksanakan dalam suasana penuh meriah dan bersemarak.

Dalam pada itu Awang Haji Bujang juga mengingatkan agar rakyat dan penduduk di negara ini mengibarkan bendera kebangsaan sempena dengan istiadat tersebut bermula hari ini sehingga 14 September.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang mengagihkan Poster Istiadat Perkahwinan Diraja kepada wakil sebuah agensi kerajaan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan menerima sumbangan dari penaja-penaja di Majlis Penghargaan Meru Tanda Kenangan Daerah Tutong. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Dari muka 11

(c) Setelah semua siap sedia, maka Pembesar Diraja yang menjadi pengapit di sebelah kiri akan menjunjung Wazir yang telah dikurniakan gelaran itu berangkat ke pentas khas menerima 'Hormat Diraja' (untuk Duli Wazir) (putera Sultan yang gahara) atau 'Hormat Panglima' bagi Wazir yang bukan putera Sultan yang gahara, tetapi Pembesar Diraja itu menunggu di satu tempat khas.

(d) Setelah berangkat ke pentas khas, Wazir yang telah dikurniakan gelaran itu akan menerima Hormat Diraja atau Hormat Panglima dan selepas itu akan dijunjung oleh ketua pasukan memeriksa perbarisan kehormatan. Selepas memeriksa perbarisan kehormatan, Wazir itu akan berangkat ke pentas khas sekali gus untuk menerima Hormat Diraja atau Hormat Panglima.

(e) Kemudian Wazir itu akan diarak berangkat daripada kawasan perbarisan diikuti oleh Pembesar Diraja yang menjadi pengapit di sebelah kiri dan Pembesar Diraja yang di aturkan mengiringkannya, iaitu yang taraf gelarannya terendah daripada Ketua Rombongan, diiringi oleh pembawa Perhiasan Empat dan perhiasan untuk diarak mengelilingi bandar dan selepas itu berangkat balik ke rumah atau tempat kediamannya.

Pelita Brunei: Apakah yang mengakhiri Istiadat Mengurniakan Gelaran itu dan bagaimana gelaran itu diberikan kepada penaja-penaja?

Yang Dimuliakan: Istiadat Menjunjung Ziarah yang diadakan bagi Wazir atau Cheteria atau Manteri Berchiri akan dijalankan selepas tiga hari dari Istiadat Menggelar itu akan mengakhiri istiadat tersebut. Susunan atur caranya adalah seperti berikut:

(a) Selepas tiga hari, pada masa yang ditentukan satu lagi istiadat secara kecil-kecilan akan diadakan di Istana untuk mengalu-alukan orang yang telah dikurniakan gelaran

mengadap Sultan bagi menjunjung ziarah.

(b) Keberangkatan atau kedatangan orang yang disebutkan akan diapit oleh Pembesar Diraja yang menjadi pengapit di sebelah kanan dan di sebelah kiri diiringi atau ditemani oleh kaum keluarga yang rapat kepadanya.

(c) Ketibaan rombongan orang yang dikurniakan gelaran itu akan dialu-alukan oleh pegawai yang bertugas di Istana dan di aturkan duduk di tempat yang dikhaskan.

(d) Semasa perangkatan atau kedatangan orang yang telah dikurniakan gelaran itu akan diresmi oleh Perbarisan Empat (bagi Wazir Sahaja), manakala yang lain tidak memerlukan perhiasan.

(e) Pegawai yang bertugas di Istana akan mengadap atau menemui Pembesar Diraja yang menjadi pengapit di sebelah kanan itu menjunjung sabda atau memohonkan sesuatu yang akan disembahkan.

(f) Maksud yang disampaikan atau disampaikan kepada pegawai yang bertugas di Istana disampaikan ke hadapan majlis baginda Sultan oleh Pegawai yang bertugas itu bahawa orang yang telah dikurniakan gelaran hendak menjunjung ziarah dan titah perkenan Sultan akan dihadapkan kepada Pembesar Diraja yang menjadi pengapit sebelah kiri itu.

(g) Pada masa pegawai Istana yang menyambut kedatangan rombongan ziarah itu mengadap, maka pada itulah alat Kebesaran Diraja (perhiasan) yang telah dikurniakan semasa pengurniakan gelaran tersebut seperti Tombak, Pedang, Kabuk Panastan (bagi Wazir dan Cheteria) dan Sinipit diserahkan balik kepada pegawai yang bertugas di Istana.

(h) Setelah titah perkenan mengadap itu disembahkan atau disampaikan kepada Pembesar Diraja yang menjadi pengapit di sebelah kanan maka pegawai Istana itu seterusnya menjunjung atau memohonkan orang yang dikurniakan gelaran itu mengadap di satu tempat yang ditentukan.

(i) Semasa mengadap,

setelah masing-masing duduk di tempat yang ditentukan, ketiga-tiga Pembesar Diraja itu akan mengangkat Sembah Setia kepada Sultan.

(j) Pembesar Diraja yang menjadi pengapit di sebelah kanan akan berdatang sembah ke hadapan Majlis Baginda Sultan menyembahkan bahawa orang yang telah dikurniakan gelaran itu akan menjunjung ziarah.

(k) Orang yang telah dikurniakan gelaran itu, menjunjung anugerah dan mengangkat sembah untuk mengadap dan setelah itu terus menjunjung ziarah; kemudian sebelum balik ke tempat duduknya akan mengangkat sembah bagi dan begitu juga setelah sempurna duduk akan mengangkat Sembah Setia.

(l) Setelah sempurna duduk, Pembesar Diraja yang menjadi pengapit di sebelah kanan akan berdatang sembah ke hadapan Majlis Baginda Sultan menyembahkan bahawa orang yang telah dikurniakan gelaran itu akan menjunjung anugerah untuk berangkat keluar atau beredar daripada majlis dan sebelum keluar masing-masing mengangkat Laila Sembah.

(m) Setelah diperkenankan rombongan berangkat atau beredar dari majlis diiringi oleh kaum keluarga yang mengiringkan.

(n) Setelah sempurna Istiadat Menjunjung Ziarah pada hari itu juga akan diadakan Istiadat Membaca Doa Selamat di rumah orang yang dikurniakan gelaran itu untuk menandakan kesyukuran di atas pengurniakan gelaran tersebut.

(o) Bagi Wazir atau pembesar Diraja yang layak dikurniakan Gendang Jaga-jaga pada hari itu juga akan diadakan Majlis Menutup Gendang Jaga-jaga di tempat kediamannya yang dikenali dengan Majlis Membaca Doa Selamat dan setelah selesai, perhiasan yang dikurniakan pun ditangkas.

Bersambung

Sumbangan, tajaan merupakan kesepakatan nilai kehidupan

JERUDONG, 13 Ogos. - Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Mutalib berkata, sumbangan dan tajaan yang dihulurkan itu sama ada besar ataupun kecil sangat besar ertinya dan merupakan kesepakatan sebagai nilai kehidupan dan hakiki hidup bermasyarakat dan bernegara.

Beliau menambah lagi, kejayaan pembinaan sebuah mercu tanda kenangan adalah sudah tentu dihasilkan dari rasa niat dan keikhlasan daripada penderma-penderma dan penaja-penaja yang datangnya dari pelbagai golongan peringkat di Daerah Tutong dan juga luar Daerah Tutong.

"Sesungguhnya kita merasa amat bersyukur walaupun masa begitu singkat dan mencabar te-

**Oleh
Haji Ahmad HS**

tapi berkat kegigihan dan keyakinan serta sokongan padu daripada semua pihak khususnya para penaja, akhirnya kerja-kerja pembinaan Mercu Tanda Kenangan Daerah Tutong telah dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut perancangan yang telah diatur dan disusun rapi sehingga kita dapat merealisasikan sasaran untuk menjadi salah satu acara kemuncak," jelasnya di Majlis Penghargaan Mercu Tanda Kenangan Daerah Tutong yang berlangsung di Royal Berkshire, Jerudong Park Club di sini.

Terdahulu dari itu beliau menyatakan tujuan majlis malam itu ialah semata-mata untuk melahir-

kan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada penaja-penaja dan penderma-penderma yang dermawan atas semangat tinggi dalam sama-sama menyumbangkan jasa bakti demi untuk kejayaan dan kesempurnaan projek pembinaan Mercu Tanda Kenangan.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan.

Di majlis itu persembahan klip video mengenai pembinaan projek Merdu Tanda Kenangan Daerah Tutong yang mengandungi lapan batang keris, gasing serta tugu bersama bulan dan jam yang mula dibina secara rasmi pada 3 Jun

2004 dan siap sepenuhnya pada 14 Julai 2004.

Mercu Tanda Kenangan Daerah Tutong tersebut dibina sebagai mercu tanda bagi Daerah Tutong untuk tarikan para pelancong luar negara dan tempatan. Mercu tanda ini juga telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena keberangkatan baginda bersama rakyat bagi Daerah Tutong pada 22 Julai 2004.

Di majlis itu Yang Dimuliakan juga menyampaikan cenderamata berbentuk replika Mercu Tanda Kenangan Daerah Tutong bersama sijil kepada penaja-penaja Ahli dan Jawatankuasa Pembinaan projek Mercu Tanda Kenangan Daerah Tutong.

Terapkan pemahaman sastera kepada remaja, penuntut

**Oleh
Haji Ahmad HS**

BERAKAS, 19 Ogos. - Untuk melahirkan karya-karya sastera yang bermutu yang sekali gus dapat diangkat untuk menjadi sebuah buku teks bukanlah semudah yang kita duga.

Penulis bukan hanya perlu ada bakat dan dedikasi tetapi juga perlu ilmu dan tahu apa kehendak pembaca. Inilah peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga guru untuk mendidik para remaja dan penuntut dalam menerapkan pemahaman sastera dengan lebih jitu kepada anak didik mereka.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menyatakan perkara itu di Majlis Penutupan Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran Sastera Serantau yang berlangsung di Balai Syarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Menurut Awang Haji Jemat untuk kejayaan pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah pada dasarnya kita melihat kepada dua perkara pokok iaitu penuntut ingin memperoleh pengalaman dan pengetahuan sastera dan keupayaan.

"Untuk mencapai gagasan ini guru-guru yang memang terlatih dalam bidang kepengurusan mereka perlu kreatif membentuk kegiatan berapresiasi dan bereksperi melalui kegiatan seperti membaca karya kreatif, deklamasi puisi, drama pentas, dramatisasi cerpen dan puisi dengan melibat-



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menyampaikan sijil-sijil kepada seorang peserta persidangan pengajaran dan Pembelajaran Sastera Serantau. - Gambar oleh Halim HS.

kan penuntut dengan yang demikian penuntut akan memperoleh pengalaman sastera itu tadi," jelasnya.

Bercakap mengenai pengetahuan sastera merupakan kerja berat seorang guru kerana ia melibatkan pembelajaran teori, kaedah dan sejarah sastera.

"Jika guru-guru yang diamanahkan untuk mengajar sastera tetapi kurang ilmu sastera secara tidak langsung boleh mengakibatkan kepada faktor berterima (antara guru dan pelajar) tidak akan tercapai," jelasnya.

Harapan seorang pelajar yang menginginkan ilmu sastera yang terbaik daripada gurunya yang pada tanggapanannya mempunyai ilmu tersebut akan menjadi hambar dan 'mood' belajarnya juga semakin kurang, tambahnya lagi.

Oleh itu, beliau menegaskan para guru perlu memberi perhatian dan tempat yang sewajarnya kepada ilmu sastera dan

menghindari pengajaran dan pembelajaran sastera dari menjadi kegagalan.

Terdahulu sebelum itu, wakil peserta persidangan, Awang Ali Haji Matnoor dalam ucapannya bermuskan bahawa hampir semua kertas kerja yang dibentangkan dalam persidangan mempertanggungjawabkan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran kesusasteraan ke atas bahu guru-guru sastera.

Hal ini menurutnya, merupakan suatu cabaran yang harus diterima sebagai suatu tanggungjawab yang mana sekali gus harus membuktikan bahawa guru-guru sastera adalah segelintir individu yang mempunyai peranan penting dalam menjana dan menggerakkan anak bangsa Brunei dengan cara kesusasteraan.

"Kita harus, malah wajib memartabatkan mata pelajaran Kesusasteraan sebagai suatu yang dapat memberikan sumbangan kepada negara yang sama

kita cintai. Kita harus mengembalikan zaman keagungan masa lampau kesusasteraan yang berjaya meniupkan semangat nasionalisme sehingga wujudnya beberapa buah negara yang berdaulat di Nusantara," jelasnya.

Di majlis itu Awang Haji Jemat menyampaikan sijil-sijil kepada pembentang kertas kerja tempatan dan luar negara serta para peserta persidangan yang menghadirinya sejak 18 hingga 19 Ogos 2004.

Tema persidangan ialah 'Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Sastera Perkembangan dan Masa Depan' yang bertujuan untuk mengembangkannya penggunaan sastera di institusi-institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah menengah dan rendah dan untuk memasyarakatkan karya sastera negara masing-masing supaya dapat ditingkatkan secara berterusan di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

ARENA SUKAN



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal melancarkan Walkaton Kesihatan Sekolah Antarabangsa PDS, Jangsak. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Walkaton Kesihatan PDS

Oleh Aliddin HM

GADONG, 22 Ogos. - Lebih 3,000 orang murid Sekolah PDS dan Sekolah Antarabangsa PDS bersama-sama ahli keluarga mereka menyertai acara Walkaton Kesihatan 2004 yang bermula dan berakhir di Sekolah PDS Jangsak di sini.

Acara walkaton pagi itu telah dilancarkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal yang juga berkesudian menyertai larian tersebut.

Sebelum para peserta memulakan acara walkaton, senamrobik diadakan untuk memanaskan badan.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat berserta

murid-murid sekolah dan ahli keluarga mereka memulakan walkaton sejauh 10.3 kilometer bagi murid-murid Tingkatan Dua hingga Lima.

Walkaton dibahagikan kepada lima kategori dan hadiah akan diberikan ke-

pada para pemenang yang terpanas sepuluh teratas setiap kategori.

Acara seumpama itu adalah salah satu aktiviti tahunan sekolah berkenaan bagi kesihatan dan mempromosikan kesihatan, di samping untuk mengutip tabung bagi Pusat Ehsan.



PARA peserta yang terdiri murid-murid sekolah, guru dan ibu bapa Sekolah PDS menyertai Walkaton Kesihatan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Skim latihan renang dapat sambutan

BERAKAS, 11 Julai. - Skim Latihan Asas Renang yang diungkuhkan oleh Jabatan Belia dan Sukan sekian lama jelas menunjukkan usaha mereka kearah mengembangkan serta meningkatkan mutu sukan

Oleh
Abu Bakar HAR

tersebut kepada masyarakat di negara ini.

Sejak Skim Latihan Re-

enang tersebut diperkenalkan Jabatan Belia dan Sukan telah banyak melahirkan kanak-kanak yang mampu serta berkebolehan untuk berenang dalam pelbagai gaya seperti gaya bebas, lentang, kupu-kupu

dan kuak dada.

Sempena dengan pengambilalihan peserta Skim Latihan Asas Renang Kali Ke-XI Jabatan Belia dan Sukan baru-baru ini telah melahirkan seramai 85 orang kanak-kanak yang aktif yang berakhir dengan penyampaian sijil.

Hadir menyempurnakan majlis dan seterusnya menyaksikan kebolehan kanak-kanak yang aktif yang berakhir dengan penyampaian sijil.

Hadir menyempurnakan majlis dan seterusnya menyaksikan kebolehan kanak-kanak tersebut ialah Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Harris.

Skim Latihan Asas Renang Ke-XI tersebut telah bermula sejak bulan Januari hingga Jun lalu yang diadakan setiap hari Jumaat dan Ahad dan dibahagikan kepada empat kumpulan di bawah empat orang jurulatih.



TIMBALAN Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Harris diperkenalkan kepada para peserta Skim Latihan Asas Renang. - Gambar oleh Abu Bakar HAR.

JBS ALU-ALUKAN PENUBUHAN PERSATUAN BELIA

Oleh
Abu Bakar HAR

Darussalam adalah sebanding dengan negara-negara lain di dunia dalam usaha mencapai kecemerlangan sukan malah penyertaan negara dalam sukan serantau dan antarabangsa adalah penting dalam usaha menyatupadukan manusia sejagat.

Namun beliau menasihati agar ahli-ahli mana-mana persatuan di negara ini supaya menggunakan persatuan berkenaan bagi tujuan untuk meningkatkan pencapaian sukan di negara ini dan bukan untuk tujuan-tujuan lain.

Menyentuh mengenai pemimpin sesebuah persatuan, Awang Japar mengingatkan agar ianya dibuat sebaik-baiknya kerana seorang pemimpin itu biarlah orang boleh berbasah berkereng, di samping mahu mendengar teguran dan pandangan pihak lain selain mempunyai sikap terbuka, di samping ahli yang sen-

tiasa memberi sokongan padu ke arah kemajuan persatuan berkenaan.

Terdahulu dari itu menurut Pengerusi Jawatankuasa Sementara, Awang Mohd. Talip menjelaskan, bahawa ide penubuhan persatuan tersebut lahir semasa berlangsungnya Sukan

SEA yang lalu di Viet Nam, di samping saranan dari Presiden Persatuan Pendayung Singapura, Nicholas Ee semata-mata bagi memeriahkan lagi sukan tersebut di rantau ini dan antarabangsa.

Sekalipun persatuan tersebut baru ditubuhkan dan kini sedang rancang memantapkan pentadbirannya namun kepada sesiapa yang berminat menyertai peluang bolehlah berhubung dengan Awang Azmin di Pusat Belia.



PENGARAH Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol merasmikan Persatuan Mendayung Brunei di Pusat Belia. - Gambar oleh Masri Osman.



SEBAHAGIAN ahli-ahli Persatuan Mendayung Brunei yang menghadiri pelancaran persatuan tersebut. - Gambar oleh Masri Osman.

Andy dan Hj. Harun juarai basikal

Oleh
Abdullah Asgar

ngan menempatkan rakan rapatnya Masri Matassan tempat kedua dan ketiga, Haji Muhd. Eddie Haji Mahlidini untuk muncul juara.

Sementara dalam Kategori Veteran 40 Tahun Ke Atas sekali lagi Haji Harun membuktikan kebolehannya dalam acara Cross Country MTB setelah berjaya mengalahkan musuh tradisinya, Haji Osli Muhd. Nor di tempat kedua dan kemenangan pertama tempat ketiga bagi

Tasrip Haji Muhd. Zaini.

Acara yang dianjurkan oleh Persatuan Lumba Basikal Daerah Tutong sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 diadakan pada 1 Ogos lalu di Taman Rekreasi Sungai Basong sebagai acara tahunan.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Pengerusi Persatuan Lumba Basikal Daerah Tutong, Awang Haji Harun bin Haji Mohammad selaku tetamu kehormat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Kepala Staf Angkatan Laut Tentera Nasional Indonesia, Laksamana Bernard Kent Sondakh dan Komandan Kor Marinir, Mejar Jeneral Tentera Nasional Indonesia (Marinir) Achmad Rivai, di Istana Nurul Iman.

Berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Kepala Staf Angkatan Laut Tentera Nasional Indonesia, Laksamana Bernard Kent Sondakh dan Komandan

Oleh
Haji Ahat HI

Kor Marinir, Mejar Jeneral Tentera Nasional Indonesia (Marinir) Achmad Rivai, di Istana Nurul Iman.

Semasa mengadap, Laksamana Bernard Kent Sondakh dan Mejar Jeneral Achmad Rivai diiringi oleh Yang Mulia Bachrun Su-

bardjo, wakil Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam (Timbalan).

Juga hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff, Pemerintah Angkatan Bersenjata Di-

raja Brunei; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim dan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Yang Dimuliakan Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yasmin bin Haji Umar.

Majlis Istiadat Menerima Tanda Diraja

Oleh Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 September. - Istiadat Menerima Tanda Diraja sempurna berlangsung malam tadi di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.

Istiadat tersebut berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim, wakil keluarga Pengantin Diraja Perempuan.

Rombongan bersama Tanda Diraja yang terdiri daripada gangsa-gangsa bawahan dan berlian 16 dibawa oleh 16 Awang-awang.

Sebaik sahaja rombongan menghantar Tanda Diraja duduk, Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar menyebarkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad bahawa Istiadat Menjunjung Kurnia Tanda Diraja telah siap sedia dan kemudian Yang Amat Mulia menyebarkan supaya istiadat dimulakan.

Selepas itu Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib

Pengiran Anak Haji Idris selaku ketua rombongan Pengantin Diraja Lelaki menyampaikan Tanda Diraja yang terdiri daripada gangsa-gangsa bawahan berisi sepengadap pakaian, sepasang gelang, sepasang subang dan cincin dua belah jari kepada Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib bersabda, menjunjung tithat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mengenai hantaran Tanda Diraja daripada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah untuk Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman. Hantaran Tanda Diraja mengandungi gangsa-gangsa bawahan yang berisi sepengadap pakaian, sepasang gelang, sepasang subang dan cincin dua belah jari.

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad membalas sabda menjunjung kasih tithat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bahawa bagi pihak induk Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Pengiran Salleh Ab. Rahaman menjunjung kasih setinggi-tingginya di atas pengurniaan Tanda Diraja daripada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah kepada Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman dijunjung dengan hormatnya.

Bagi pihak induk Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Pengiran Salleh Ab. Rahaman dan keluarganya berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Waatala semoga Pengantin Diraja antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah akan sentiasa dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Waatala, hidup bahagia, aman damai hingga ke anak cucu dan

memohon doa kepada Allah Subhanahu Waatala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat-kerabat diraja akan sentiasa mendapat rahmat dan berkat berkekalan daripada Allah Subhanahu Waatala, sihat walafiat, kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam, amin.

Kemudian diikuti dengan tembakan meriam sebanyak 19 das.

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad kemudian menyabdakan Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar untuk membawa Tanda Diraja yang terdiri daripada gangsa-gangsa bawahan dibawa oleh Awang-awang ke Balai Singgahsana Indera Kenchana.

Di Balai Singgahsana Indera Kenchana, rombongan yang membawa Tanda Diraja dibawa ke dalam majlis dan disambut oleh Yang Dimuliakan Pehin Manteri Bini, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini dan Yang Mulia Juru Bini.

Selesai bawahan disalin, rombongan yang membawa gangsa-gangsa bawahan menjunjung anugerah masuk semula ke Baitur Rahmah diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar.

Bagi memberkati Istiadat Menerima Tanda Diraja, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz. Selepas itu rombongan yang dikepalai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib menjunjung anugerah balik semula ke Balai Persantapan Diraja.

Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar sekali lagi menyebarkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad bahawa Istiadat Menjunjung Kurnia Tanda Diraja telah sempurna dilaksanakan dan Yang Amat Mulia kemudian menyebarkan supaya majlis ditutup.

Berangkat dan hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Pedalaman, Duta-duta, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha-setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan serta para jemputan perempuan.



ISTIADAT Menghantar Tanda Diraja berlangsung di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah di Balai Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman.



ISTIADAT Menerima Tanda Diraja berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim yang berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.

Dari muka 1

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Abdul Mutalib diikuti bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai diketuai oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Tutong dan sembah alu-aluan Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

Sejurus sempurna penganugerahan, doa selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Tutong.

Kemudian baginda dijunjung berangkat melawat Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara, Bukit Beruang.

Sekolah itu yang terletak 29 kilometer dari Pekan Tutong sebelum ini dikenali sebagai Sekolah Melayu Bukit Beruang. Bangunan yang ada sekarang mula digunakan dalam bulan Januari 1999. Sekolah ini mempunyai 33 orang guru sesi pagi dan 11 orang guru sesi petang serta 364 orang murid dari peringkat pra hingga darjah 6.

Baginda berkenan melihat lebih dekat pelbagai kemudahan yang disediakan

kan di sekolah itu termasuk perpustakaan, klinik gigi, kawasan permainan, kantin dan bilik-bilik darjah termasuk menyaksikan sesi pembelajaran murid-murid darjah III dan murid-murid pra.

Kemudian baginda berkenan pula berangkat melawat ke rumah beberapa orang penerima geran tanah dan lot-lot tanah, rumah-rumah Ketua Kampong Bukit Udal, Awang Johno bin Perak; Ketua Kampong Ukong, Awang Nendaroh bin Datu Kurnia Diraja Gadong; Ketua Kampong Lamunin, Mejar (B) Awang Haji Tahamid bin Haji Kula dan Penghulu Mukim Pekan Tutong, Awang Haji Azahari bin Iradat.

Baginda juga berkenan melawat Kilang Sago Kampong Ukong, Klinik Kesihatan Kampong Rambai, Balai Polis Kampong Lamunin, Stesen Minyak Koperasi Kampong Lamunin (KODRAT), Bangunan Persatuan Tanjong Maya (PERTAMA), Bangunan Persatuan Saudara-saudara Baru Tutong (PESATU) dan Kompleks Perniagaan Pekan Tutong (Tutong Central Mall).

داتقله برامي ۲ ممرياهكن استعادة قرارقن قننتين دراج قد ۹ سقتيمبر ۲۰۰۴

DATANGLAH BERAMAI-RAMAI MEMERIAHKAN ISTIADAT PERARAKAN PENGANTIN DIRAJA PADA 9 SEPTEMBER 2004



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman.

Istiadat Gilang Gemilang Perkahwinan Diraja

HARI Khamis, 24 Rejab 1425 bersamaan 9 September 2004 satu lagi detik bersejarah di Negara Brunei Darussalam yang akan menjadi ristaan zaman-berzaman. Peristiwa tersebut ialah Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman.

Istiadat itu akan merupakan istiadat yang gilang-gemilang dengan penuh adat dan adab kesopanan Melayu Brunei. Istana Nurul Iman dan Bandar Seri Begawan sudah pun bermandikan cahaya setiap malam, jalan-jalan utama dihias indah, bendera negara berkibar megah di setiap bangunan dan rumah.

Dalam kesempatan ini PELITA BRUNEI menerbitkan Keluaran Khas untuk meris-takan sedikit imbasan melalui cerita bergambar mengenai kedua-dua mem-pelai diraja untuk tatapan kita bersama.

Bersempena dengan kita meraikan Istiadat Perkahwinan Diraja, marilah kita sama-sama menadah tangan ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, mendoakan agar diberkati dan mendapat perlindun-gan Allah Subhanahu Wataala. Amin Yarabbal Alamin.

Penempatan kerja : Satu wadah menjana kepimpinan



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Mukim Lumapas dijunjung dengan sambutan meriah oleh penduduk mukim.

OLEH HAJI
TIMBANG BAKAR

D

ULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah adalah sebuah nama yang sudah dikenali bukan sahaja di rantau ini malah di dunia antarabangsa.

Dunia luar, apabila menyebut Negara Brunei Darussalam akan juga memberi perhatian kepada seorang Putera Mahkota yang berpotensi besar untuk mewarisi kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pemimpin-pemimpin dunia sama ada dari kalangan kuasa-kuasa besar, negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, China, Australia, New Zealand, negara-negara Arab dan negara-negara sahabat yang lain termasuk negara-negara jiran ASEAN, adalah antara yang pernah Duli Yang Teramat Mulia temui dan mengadakan perbincangan-perbincangan dua hala semasa keberangkatan bagi lawatan ke negara-negara berkenaan. Setiap keberangkatan bagi lawatan tersebut Duli Yang Teramat Mulia mendapat sambutan meriah dan istimewa. Ini menandakan penghormatan dan pengiktirafan yang tinggi untuk Duli Yang Teramat Mulia walaupun masih muda dan datang dari sebuah negara kecil.

Dalam usia yang



DULI Yang Teramat Mulia mendengar penerangan mengenai fatwa semasa berangkat ke Jabatan Mufti Kerajaan.

masih muda, Duli Yang Teramat Mulia sudah boleh memainkan peranan dan memikul tanggungjawab besar negara di arena antarabangsa. Keberangkatan lawatan tersebut merupakan sebahagian daripada asas-asas kepimpinan untuk mencerna kewibawaan dan membiasakan diri dengan pemimpin-pemimpin dunia serta tugas-tugas kenegaraan khususnya di bidang hubungan luar negeri.

Program lawatan tersebut merupakan salah satu wadah kepimpinan yang diasaskan oleh paduka ayahanda Duli Yang Teramat Mulia. Mesej yang dibawa oleh Duli Yang Teramat Mulia dan hasil lawatan-lawatan tersebut telah membuahkan kejayaan dan pencapaian-pencapaian penting kepada negara.

Ini bukti yang jelas, putera sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



DULI Yang Teramat Mulia meninjau ke salah satu bahagian di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.



PERKEMBANGAN institusi-institusi kewangan turut menjadi perhatian Duli Yang Teramat Mulia.



DULI Yang Teramat Mulia beramah mesra bersama pegawai-pegawai Universiti Brunei Darussalam semasa keberangkatan ke universiti tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia meneliti sesuatu semasa keberangkatan ke Jabatan Tanah.



DULI Yang Teramat Mulia meneliti sesuatu dalam lawatan kerja ke Jabatan Daerah Belait



DULI Yang Teramat Mulia melawat salah sebuah bilik darjah di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Lihat muka 3



DULI Yang Teramat Mulia disembahkan penerangan oleh seorang pegawai semasa mengadakan lawatan ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.



MURID ini sungguh bertuah kerana berpeluang beramah mesra bersama Duli Yang Teramat Mulia semasa keberangkatan ke Mukim Gadong.



DULI Yang Teramat Mulia berangkat melawat Pusat Kesihatan di Mukim Gadong.



DULI Yang Teramat Mulia beramah mesra bersama penghuni Rumah Bahagia, Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dari muka 2

Darussalam dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha itu mempunyai keistimewaan dan ketokohan sebagai pemimpin.

Kalau di luar negara atau di arena antarabangsa, Duli Yang Teramat Mulia sudah

boleh memainkan peranan dan memikul tanggungjawab besar, apatah lagi di dalam negara sendiri. Dalam membicarakan perkara ini memang boleh diibaratkan 'sudah terang lagi bersuluh'. Tidak menga-pa, kerana dalam meng-ambil sukut baik sempena sambutan Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran

Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahman, rasanya perkara ini sangat signifikan untuk diristakan sambil memberi-gakan perkara yang berke-bajikan ini.

Sejak di bangku seko-lah lagi Duli Yang Teramat Mulia sudah sibuk menu-naikan jemputan untuk menjadi tetamu kehormat majlis-majlis yang dian-

jurkan oleh sektor kera-jaan dan juga sektor swasta. Dalam kesem-patan tersebut Duli Yang Teramat Mulia juga sering mengurniakan sabda pandangan dan nasihat yang berguna di majlis-majlis berkenaan. Ini menggambarkan baha-wa rakyat dan penduduk negara ini menyanjung tinggi kewibawaan dan kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia.

Setelah Duli Yang Teramat Mulia mena-matkan pengajian di United Kingdom dalam bidang hubungan anta-rabangsa, Duli Yang Teramat Mulia telah menumpukan perhatian terhadap pentadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan mengikuti penempatan kerja di beberapa buah kementerian.

Seperti juga halnya semasa menuntut, se-masa dalam siri penem-patan di kementerian-kementerian Duli Yang Teramat Mulia telah melaksanakannya dengan penuh komitmen, sambil mendalami penge-tahuan dalam bidang pentadbiran dan pengu-rusan sesebuah kement-erian itu. Di samping itu Duli Yang Teramat Mulia

juga turut memantau pro-jek-projek pembangunan dan kemajuan yang diunkayahkan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan. Duli Yang Teramat Mulia juga sering mengurniakan buah fikir-an yang berguna ke arah meningkatkan lagi mutu Perkhidmatan Awam ter-masuk dalam Tekad Pe-medulian Orang Ramai (TPOR) di jabatan-jabatan yang berkenaan.

Penempatan kerja Duli Yang Teramat Mulia di kementerian-kementerian berkenaan merupakan sukut baik bagi kement-erian-kementerian tersebut, kerana ia bukan sahaja mendorong semangat kerja dan meningkatkan mutu perkhidmatan, ma-lahan juga ia membawa banyak perubahan dan kemajuan.

Di samping mengikuti program penempatan di kementerian-kementerian, Duli Yang Teramat Mulia juga sering berangkat mengadakan lawatan ke jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan, institusi kewangan, pusat-pusat pengajian dan ke mukim-mukim dan kam-pung-kampung untuk mendekati rakyat sambil meninjau projek-projek pembangunan yang dilak-sanakan oleh kerajaan.

Pepatah Melayu telah memberi panduan kepada kita: 'melentur buluh biar-lah semasa rebung'. Melentur dalam konteks ini sama dengan mem-bentuk atau mengolah. Demikianlah halnya kalau mahu membentuk manu-sia biarlah dilakukan sejak kecil atau semasa usia muda. Raja kita yang bijaksana, Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil pendekatan ini. Ini jelas sebagaimana yang telah baginda lak-sanakan dalam memper-siapkan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah untuk menjadi pemimpin yang berilmu, berkeupayaan dan disegani.

Tidak syak lagi, penem-patan Duli Yang Teramat Mulia di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan adalah satu wadah menjana kepimpinan. Langkah itu adalah tepat. Ia bukan saja tepat pada tempat dan arenanya, malahan juga tepat pada masa dan suasananya.



Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



DULI Yang Teramat Mulia bersama guru dan penuntut Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan melancarkan Kad Emas Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB).



DULI Yang Teramat Mulia ketika menyaksikan hasil kraf tangan oleh penduduk Mukim Serasa.

DPMM WARISI KETEGUHAN BERAGAMA

S EJAK awal penubuhan Kerajaan Brunei yang telah diasaskan

oleh Awang Alak Betatar atau dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah, Brunei sudah pun terkenal sebagai sebuah negeri yang mengamalkan cara hidup Islam dan mengadakan hubungan dagang dengan negeri-negeri Islam. Malahan lakaran sejarah telah membuktikan bahawa keislaman Brunei itu telah diiktiraf oleh dunia sekarang apabila Brunei termaktub dalam sejarah sebagai salah sebuah negara terawal di rantau sebelah sini yang menerima Islam.

Islam di Brunei pada waktu itu semakin kukuh apabila Pemerintah Brunei ketika itu memeluk agama Islam dan seterusnya, pengaruh Islam melarat ke pelusuk ceruk rantau, pesisir dan jajahannya. Ini telah menjadikan Brunei digeruni dan disegani bukan saja kerana kegagahannya tetapi juga kerana kekukuhan pegangan beragama Islamnya.

Kekukuhan dan kegemilangan pemerintahan berlandaskan Islam ini terus diwarisi dan diamalkan sehingga kini di zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-29 memerintah



OLEH HAJI DAYANG HAJI KASSIM



BERBUAL MESRA ... Duli Yang Teramat Mulia berbual mesra di Majlis Mengadap dan menjunjung ziarah pembesar-pembesar negara dan diplomat-diplomat asing sempena Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman pada 16 Disember 2001.

Negara Brunei Darussalam. Baginda menamakan penghayatan beragama Islam yang tinggi di kalangan kerabat baginda. Ketinggian dan kehebatan beragama itu juga terpancar jelas pada diri anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Duli Yang Teramat Mulia diberikan pendidikan agama sejak kecil lagi dengan membaca surah-surah dalam kitab mukaddam dan menulis Jawi. Setelah khatam Duli Yang Teramat Mulia melanjutkan pelajaran

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berangkat bersama paduka ayahanda, adinda-adinda dan kerabat diraja yang lain berarak sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallimu pada 2 Mei 2004.



DYTM bersama paduka ayahanda dan bonda serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain ketika berangkat pulang setelah menyempurnakan ibadah haji pada 18 Jun 1992.



DYTM ketika berkenan mengurniakan Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah 1997 kepada Dr. Yusof Al-Qaradawi bagi bidang pengajian fiqh.



DYTM ketika berkenan melancarkan Buku Isu-Isu Kewangan terbitan Jabatan Mufti Kerajaan dengan kerjasama Bank Islam Brunei Berhad (IBB). Majlis berlangsung di Empire Hotel and Country Club Jerudong pada 4 November 2000.



DYTM ketika berkenan mengurniakan sijil-sijil dan cenderamata kepada seorang daripada guru-guru agama terlatih. Majlis berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 6 Mac 1991.

Lihat muka 5



DYTM berkenan menerima junjung ziarah para jemaah yang menunaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddin pada 5 April 1992 (atas).

DYTM ketika berangkat beramah mesra di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 30 November 2003 (atas kanan).



DYTM ketika berangkat bersama paduka ayahanda di Majlis Perasmian Kampus Kekal Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan mengurniakan Skim Elaun Khas Tahfiz Al-Quran kepada lima orang Al-Hafiz yang baru. Majlis berlangsung di kampus berkenaan pada 9 November 2000.



DYTM ketika berkenan menyaksikan pameran selepas perasmian Mushaf Al-Quran yang menggantikan cokmar Universiti Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Ke-9. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa pada 23 Februari 1993.



Dari muka 4

Selain dari itu, sifat terpuji dan dikagumi Duli Yang Teramat Mulia ialah keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dalam sama-sama menyemarakkan syiar Islam di negara ini. Selain berangkat mengiringi keberangkatan paduka ayahanda, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan berangkat merasmikan masjid dan bangunan keagamaan. Misalnya keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia merasmikan Masjid Kampung Birau, Tutong pada 2 Ogos 1991; Masjid Al-Mashor, Kampung Sungai Mau, Kuala Belait pada 28 Februari 1992 dan melancarkan

pengajian Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 1 Januari 1993.

Sebagai kesempurnaan seorang Islam, Duli Yang Teramat Mulia juga berangkat bersama paduka ayahanda dan bonda berserta kekanda-kekanda dan adinda-adinda Duli Yang Teramat Mulia menunaikan ibadah Haji ke Tanah Suci Mekah pada 25 Mei 1992.

Selain dari itu, Duli Yang Teramat Mulia juga menghayati hari-hari kebesaran Islam yang lain bersama rakyat jelata dan turun bercemar duli bersama paduka ayahanda dan kerabat diraja yang lain, seperti mengikuti perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

hampir pada setiap tahun. Begitu juga dengan Majlis-majlis Musabiqah Tilawah Al-Quran Peringkat Negara, Duli Yang Teramat Mulia tidak ketinggalan untuk berangkat sama bagi menghayati bait-bait Kitab Suci Al-Quran. Di samping itu Duli Yang Teramat Mulia juga menunaikan ibadah korban dan berkenan menyempurnakan sendiri upacara penyembelihan binatang korban.

Penghayatan Duli Yang Teramat Mulia terhadap ajaran Islam tidak hanya di dalam negeri sahaja. Malahan ketika belajar di luar negeri, Duli Yang Teramat Mulia tidak mengabaikan suruhan agama dan taat menunaikan solat berjemaah serta membaca Surah

Yaasin.

Dari pancaran peribadi dan sikap Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, jelas bahawa Duli Yang Teramat Mulia adalah seorang pewaris Kesultanan Islam Brunei yang berhemah tinggi dan berwawasan jauh ke hadapan. Duli Yang Teramat Mulia telah menampakkan sikap yang piaku dan taat beragama.

Semoga dengan rahmat Allah jua, Duli Yang Teramat Mulia akan dilindungi Allah Subhanahu Wataala dan akan terus menjadi ikutan rakyat jelata khususnya dalam ketinggian dan kekuahan pegangan beragama.



DYTM berkenan beramah mesra di Majlis Pelancaran Pelan Takaful Siswa Khas Bagi Anak-anak Yatim, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 29 Februari 2000 (atas).

DYTM ketika berkenan menandatangani buku lawatan sempena perasmian Masjid Al-Mashor di Kampung Sungai Mau, Daerah Belait pada 28 Februari 1992 (kiri).

DYTM ketika berangkat bersama-sama adinda-adinda DYTM di Majlis Perasmian Pelancaran Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) yang berlangsung di Kompleks Setia Kenangan pada 11 November 2000 (kanan).



DPMM pemangkin kemajuan sukan negara




OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL



DENGAN minat yang mendalam terhadap sukan, Duli Yang Teramat Mulia sering meluahkan masa berangkat menyaksikan perlawanan-perlawanan bola sepak kejohanan tempatan dan Liga Perdana Malaysia.



SEMASA rangka lawatan rasmi ke United Kingdom, Duli Yang Teramat Mulia telah berkesempatan berangkat melawat ke Kelab Bola Sepak Liverpool (Liverpool F.C) dan merakamkan gambar kenangan semasa berada di Stadium Anfield.



PADA temasya Pesta Sukan Kebangsaan Ke-IV 1996, Duli Yang Teramat Mulia berangkat menyertai temasya itu dan berjaya merangkul pingat emas dalam acara pool 9 bola.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah adalah Putera Diraja yang meminati pelbagai kegiatan sukan terutama bola sepak, badminton dan snuker.

Minat Duli Yang Teramat Mulia nampak tererlah apabila berjaya menjuarai beberapa kejohanan tempatan antaranya juara perseorangan dan berpasukan bawah 21, juara pot black terbuka serta merangkul pingat emas acara pool sembilan bola pada Pesta Sukan Kebangsaan Ke-IV pada tahun 1996.


Duli Yang Teramat Mulia yang sememangnya meminati permainan ini, pernah mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada pemain terkemuka dunia yang terdiri dari Steve Davies, Jimmy Wright dan Cliff Thornburn. Berbekal pengalaman serta pencapaian-pencapaian itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menyertai kejohanan-kejohanan peringkat serantau iaitu Temasya Sukan Negara-Negara Asia Tenggara (SEA Games) yang berlangsung di

negara ini pada tahun 1999, SEA Games 2001 di Kuala Lumpur, Malaysia dan SEA Games 2003 di Ho Chi Minh, Viet Nam.

Di arena sukan badminton pula, Duli Yang Teramat Mulia juga mempunyai bakat yang menyerlah terutama bagi acara bergu. Pada penyertaan Kejohanan Badminton Terbuka RBA - Helix '96, Duli Yang Teramat Mulia berangkat bermain dalam acara bergu berpasangan dengan jaguh badminton Republik Indonesia, Rudy Gunawan. Pada kejohanan bertaraf tiga bintang itu Duli Yang Teramat Mulia dan Rudy Gunawan berjaya melangkah hingga ke pusingan kedua.

Semasa dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke United Kingdom pada bulan Januari 2001, Duli Yang Teramat Mulia berkesempatan melawat English National Badminton Centre di Milton Keynes dan melihat secara dekat kemudahan-kemudahan peralatan sukan badminton di pusat tersebut.

Pada kesempatan kunjungan itu, Duli Yang Teramat Mulia ber-



TENANG ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika beraksi pada temasya Sukan SEA 1999 di Negara Brunei Darussalam.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berangkat merasmikan Kejohanan Bola Sepak Antarabangsa Sekolah-sekolah Asia Ke-15 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada 24 Ogos 1986.



DULI Yang Teramat Mulia mengurniakan Piala sejour DPMM F.C. berjaya muncul menjuarai Piala Jemputan Brunei 2002 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Lihat muka 7



PERSIJA dari Republik Indonesia menjuarai Piala Jemputan Juara-juara Liga NBT menerima piala yang dikurniakan oleh Duli Yang Teramat Mulia.



DI SAMPING bersukan, Duli Yang Teramat Mulia juga sering memenuhi undangan-undangan rasmi seperti menjadi tetamu kehormat dalam satu-satu kejohanan.



BERBEKALKAN semangat kesukanan yang tinggi, Duli Yang Teramat Mulia berangkat menyertai kontinjen negara semasa perarisan di Upacara Pembukaan Rasmi Temasya Sukan Negara-Negara Asia Tenggara (SEA Games) 1999 yang lalu.



DULI Yang Teramat Mulia semasa menyertai acara walkaton.



DULI Yang Teramat Mulia berangkat ketika mewakili negara dalam acara snuker di Temasya Sukan SEA 2001 di Kuala Lumpur.



REXY Minaky memperlihatkan teknik permainan badminton semasa Duli Yang Teramat Mulia melawat English National Badminton Centre ketika lawatan rasmi ke United Kingdom pada bulan Januari 2001.

Dari muka 6

peluang mengadakan sesi perlawanan berpasangan bersama Remy Minaky, Jurulatih Badminton Kebangsaan England.

Melihat aksi permainan Duli Yang Teramat Mulia itu, Ketua Eksekutif Persatuan Badminton England, Stephen Baddeley, menaruh keyakinan bahawa Duli Yang Teramat Mulia akan dapat bersaing dengan kebanyakan pemain dalam pasukan negaranya.

Seperti halnya dengan permainan snuker dan badminton, bola sepak merupakan satu-satunya cabang sukan yang paling digemari oleh Duli Yang Teramat Mulia. Pada penglihatan permainan ini serta minat yang mendalam, Duli Yang Teramat Mulia telah menubuhkan pasukan bola sepak sendiri dan bermain di posisi penjaga gol.

Melihat kepada kebolehan dan ketang-

kasan Duli Yang Teramat Mulia semasa bermain, bekas jurulatih bola sepak kebangsaan dan yang juga pernah melatih Duli Yang Teramat Mulia, Mike Lyon menyatakan bahawa Duli Yang Teramat Mulia mempunyai potensi sebagai goalkeeper yang baik.

Dalam perkembangan kelab bola sepak yang dikenali dengan DPMM F.C., telah banyak mencapai kejayaan cemerlang dalam beberapa penyertaan kejohanan iaitu menjuarai Liga Bahagian Dua Bola Sepak Daerah Brunei-Muara; juara Liga Kebangsaan B-League 2002; naib juara Liga Kebangsaan B-League 2003 serta menjuarai Piala Juara-juara 2003 dan perkembangan terkini B-League masih menduduki tangga teratas Perdana Satu.

Di peringkat antarabangsa, DPMM F.C. telah menjuarai Kejohanan Piala Jemputan Brunei 2002 dan mewakili Negara Brunei Darussalam ke Kejohanan Jemputan Kelab-

kelab Asia di Republik Indonesia.

Kesemua kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh DPMM F.C. ini adalah usaha dan komitmen kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia sehingga kelab tersebut menjadi antara bola sepak yang diminati ramai dan disegani oleh pasukan-pasukan lain.

Seiring pada itu juga Duli Yang Teramat Mulia sering berangkat menyaksikan perlawanan-perlawanan bola sepak peringkat Liga Kebangsaan (B-League) dan Kejohanan Liga Perdana Malaysia setiap tahun untuk memberikan sokongan dan semangat kepada para pemain.

Dalam mengikuti perkembangan bola sepak di peringkat antarabangsa pula, Duli Yang Teramat Mulia telah mengadakan lawatan ke Kelab Bola Sepak Liverpool (Liverpool F.C.) semasa rangka lawatan rasmi di United Kingdom bulan Januari 2001.

Pada kunjungan itu

Duli Yang Teramat Mulia melihat secara dekat program latihan-latihan yang dikendalikan oleh jurulatih-jurulatih, pengurusan dan projek perkembangan jangka panjang bagi menyerap pemain-pemain muda mewakili kelab tersebut.

Dalam meminati lapangan sukan ini, Duli Yang Teramat Mulia juga sering meluangkan masa menjadi tetamu kehormat di majlis-majlis pembukaan rasmi kejohanan dan pertandingan sukan tempatan, serantau dan antarabangsa. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia semasa acara-acara itu dilihat menjadi semangat pemangkin kepada atlet-atlet untuk mencapai kejayaan dan kemajuan sukan negara.

Duli Yang Teramat Mulia juga tidak ketinggalan untuk menyertai kegiatan-kegiatan riadah seperti walkaton, senamrobik bersama paduka ayahanda Duli Yang Teramat Mulia dan kerabat-kerabat diraja pada tahun 2003 dan 2004.



BERPASANGAN bersama Rudy Gunawan dari Republik Indonesia, Duli Yang Teramat Mulia berjaya mara ke pusingan kedua di Kejohanan Badminton Terbuka RBA - Hefix '96.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman.

DAYANGKU SARAH AKTIF DALAM PELBAGAI BIDANG



YANG Mulia Dayangku Sarah (baris depan lapan dari kanan) semasa menyertai kegiatan kaji selidik di Pusat Kajian Temburong (atas dan bawah).



PROJEK SEKOLAH ... Yang Mulia Dayangku Sarah bersama-sama teman sekolah semasa mengendalikan projek sekolah (kiri).



YANG Mulia Dayangku Sarah (tujuh dari kanan baris tengah) ketika menuntut di Sekolah St. Andrew (bawah).



AKTIF ... Yang Mulia aktif dalam kegiatan luar dan juga sukan (atas dan atas sekali).



YANG Mulia Dayangku Sarah (enam dari kanan) mengabadikan gambar kenangan semasa menuntut di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).



SERTA PENGIRAN ...



YANG Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman dilahirkan pada 9 April 1987 di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Bandar Seri Begawan. Yang Mulia Dayangku Sarah adalah anak bongsu dari tiga adik-beradik di dalam keluarga Pengiran Salleh Ab. Rahaman bin Pengiran Haji Damit dan Rinawaty binti Abdullah @ Suzanne Rahaman Aebby. Kedua-dua abang beliau ialah Awangku Irwan dan Awangku Adrian.

Pendidikan awal Yang Mulia Dayangku Sarah bermula dalam tahun 1993 pada usia enam tahun di Sekolah St. Andrew, di mana dalam tahun 1998 Yang Mulia Dayangku Sarah telah lulus Primary Certificate of Education dengan keputusan cemerlang.

Yang Mulia Dayangku Sarah kemudian melanjutkan pengajiannya di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) dan telah lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) pada tahun 2001 dan Brunei Cambridge General Certificate of Education Peringkat Biasa (O Level) pada tahun 2003.

Lihat muka 10



GAMBAR wajah Yang Mulia Dayangku Sarah.



YANG Mulia Dayangku Sarah juga seorang penuntut yang berkebolehan menggunakan komputer.



YANG Mulia Dayangku Sarah bersama teman-teman sekolah semasa menyertai kaji selidik di Pusat Kajian Luar Belalong (atas sekali dan atas).



YANG Mulia Dayangku Sarah (baris belakang tengah) semasa menyertai...



EKSPEDISI ... Yang Mulia Dayangku Sarah bersama kedua-dua ibu bapa dan abang beliau semasa menyertai Ekspedisi Antarabangsa Pacuan Empat Roda ke China dan Mongolia.



MENCUBA ... Yang Mulia Dayangku Sarah semasa membuat eksperimen di Bilik Makmal MSPSBS.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersama Yang Mulia Dayangku Sarah semasa mengikuti Kursus Perkahwinan (kanan).

GAMBAR wajah Yang Mulia Dayangku Sarah penuh ceria (kiri).

YANG Mulia Dayangku Sarah mengabadikan gambar kenangan bersama keluarga (bawah kiri).



DAYANGKU SARAH AKTIF DALAM PELBAGAI BIDANG

Dari muka 9

Pada masa ini yang Mulia Dayangku Sarah masih menuntut di maktab yang sama dalam pengajian prauniversiti di mana Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota juga pernah menuntut. Maktab berkenaan merupakan sekolah 'elit' di mana penuntut yang memasuki terdiri daripada penuntut-penuntut cemerlang dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Selain dari mata pelajaran wajib, Yang Mulia Dayangku Sarah juga mempelajari 'French Studies' dan berjaya memperoleh gred yang baik.

Yang Mulia Dayangku Sarah bukan sahaja mendapat pujian guruguru dalam bidang akademik tetapi juga bagi penglibatan sukan dan

larian amal.

Beliau amat dikenali di kalangan guru dan kawan-kawan kerana kesopanan, kepintaran dan tabiat positif terhadap kerja dalam semua bidang.

Yang Mulia Dayangku Sarah adalah penggemar sukan bola keranjang dan juga aktif dalam kegiatan luar. Yang Mulia Dayangku Sarah pernah mengambil bahagian dalam larian amal yang dianjurkan oleh Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan. Yang Mulia juga pernah menyertai kedua-dua ibu bapa dan abang Yang Mulia dalam Ekspedisi Antarabangsa Pacuan Empat Roda ke China dan Mongolia dari 7 hingga 23 Mei 2002.

Semasa cuti penggal persekolahan, Yang Mulia mengikuti kaji selidik di Pusat Kajian Luar Belalong tahun 2004 bersama-sama rakan semaktab.



YANG Mulia Dayangku Sarah tekun ketika mengulang kaji pelajaran.



YANG Mulia Dayangku Sarah (berdiri kiri sekali) ketika berada di sekolah rendah.



YANG Mulia Dayangku Sarah ketika menyertai kegiatan luar sekolah di Daerah Temburong.



OLEH ABD. KARIM
HAJI ABU BAKAR

Gigih berusaha mencapai kejayaan

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, 30 tahun yang diputerakan pada 17 Februari 1974 di Istana Darul Hana, Bandar Seri Begawan menerima pendidikan asas di Sekolah Putera Puteri Diraja, Istana Darul Hana.

Setelah itu, pada 8 Januari 1979, Duli Yang Teramat Mulia menyambung pelajaran Pra-Sekolah (Kindergarten) dan pelajaran rendah di sekolah Misi St. Andrew's, Bandar Seri Begawan sehingga lulus siji 'Primary Certificate of Education' dalam tahun 1985.

Kemudian pada 27 Mac 1986, Duli Yang Teramat Mulia berpindah ke Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara untuk meneruskan pelajaran dalam Tingkatan Satu. Duli Yang Teramat Mulia meminati antara lain mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan Pengetahuan Uga-ma Islam.

Setelah lulus peperiksaan 'Brunei Junior Certificate of Education' (BJCE) pada tahun 1988 dengan memperoleh Pangkat Satu, Duli Yang Teramat Mulia meneruskan pelajaran ke Tingkatan IV di maktab yang sama dalam aliran sastera. Duli Yang Teramat Mulia meminati mata pelajaran Bahasa Inggeris, Biologi dan Matematik.

Setelah lulus 'General Certificate of Education' (GCE) 'O' Level,



DULI Yang Teramat Mulia semasa menuntut di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara.

Duli Yang Teramat Mulia menyambung pelajaran Pra-U di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong pada tahun 1992.

Sesudah menamatkan peperiksaan GCE 'A' Level di maktab berkenaan, pada tahun 1995, Duli Yang Teramat Mulia melanjutkan pengajian di Magdalen College, Universiti Oxford, United Kingdom dalam bidang Perhubungan Antarabangsa.

Tahun pertama merupakan tahun pembiasaan dan persiapan belajar di universiti berke-

naan. Selain belajar asas Hubungan Politik Antarabangsa, Duli Yang Teramat Mulia juga belajar Pengajian Islam dan Sejarah Brunei. Di tahun kedua barulah Duli Yang Teramat Mulia mengikuti 'Diplomatic Studies' (Pengajian Diplomatik).

Untuk kursus itu, Duli Yang Teramat Mulia memilih 'Diplomatic Practice', 'International Law', 'International Politics' dan 'International Trade and Finance', di samping terus mengikuti mata pelajaran Pengajian Islam dan Sejarah Brunei.

Semasa mengikuti pengajian di universiti itu, Duli Yang Teramat Mulia juga melakukan lawatan sambil belajar ke institusi-institusi kerajaan di Britain dan di luar negara yang antaranya Geneva, Capitol Hill dan Bank Dunia di Washington, Suruhanjaya Kesatuan Eropah (EU) di Brussels, Belgium, Pejabat Perdana Menteri British, Parlimen dan Kota London.

Sewaktu lawatan itu, Duli Yang Teramat Mulia juga melakukan kunjungan ziarah kepada Duli Yang Teramat Mulia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam menganugerahkan perantikan selaku Pro Canselor Universiti Brunei Darussalam kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Putera Wales dan kerabat diraja Belgium dan Luxembourg. Semasa di Bangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), New York, Duli Yang Teramat Mulia telah bertemu dengan Setiausaha Agung PBB, Tuan Yang Terutama Kofi Annan.

Dalam tahun 1998, Duli Yang Teramat Mulia dilantik menjadi Pro Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang juga Canselor UBD.

DULI Yang Teramat Mulia semasa menerima anugerah Sijil Pengajian Diplomatik di Majlis Konvokesyen Khas Kolej Magdalen, Universiti Oxford, United Kingdom yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 3 Ogos 1998 (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia (baris keenam, enam dari kiri) bergambar ramai bersama para penuntut di Magdalen College, Universiti Oxford, United Kingdom semasa Duli Yang Teramat Mulia menuntut di universiti tersebut dalam bidang Perhubungan Antarabangsa.

PENDEDAHAN MELUAS DI ARENA ANTARABANGSA

OLEH SAHARI AKIM

SEBAGAI pewaris teraju kepimpinan negara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah memberikan perhatian terhadap peri mustahaknya Negara Brunei Darussalam menjalin hubungan mesra dan persefahaman, bukan sahaja dengan negara-negara jiran serantau malah dengan negara-negara antarabangsa yang lain.

Hubungan diplomatik yang erat serta persefahaman dengan negara-negara luar akan dapat melahirkan kerjasama dalam pelbagai bidang malahan dapat mewujudkan keamanan dan kestabilan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Persefahaman dan kerjasama tersebut dapat dilakukan melalui interaksi dua hala mahupun pelbagai hala. Interaksi dua hala dapat disuburkan melalui lawatan-lawatan dan kunjungan-kunjungan selain perbincangan-perbincangan di kalangan pemimpin-pemimpin peringkat tertinggi. Kemudian hubungan itu dipererat lagi sehingga ke peringkat pegawai-pegawai kanan dan rakyat umumnya.

Ke arah itu Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan mengadakan lawatan ke negara-negara jiran dan negara-negara sahabat untuk mengeratkan lagi hubu-

ngan yang telah sedia terjalin. Dalam lawatan-lawatan itu Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan mengadakan pertemuan dan perbincangan bersama pemimpin-pemimpin negara-negara yang dilawati.

Sepanjang lawatan ke negara-negara itu Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan mengambil peluang menjau secara lebih dekat akan perkembangan dan kemajuan yang dicapai di negara-negara tersebut.

Antara negara-negara yang Duli Yang Teramat Mulia lawati termasuklah:

- * Lawatan ke Terengganu bagi menghadiri Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Mizan Zainal Abidin menjadi Sultan Terengganu Darul Iman Ke-16 pada 3 hingga 5 Mac 1999.

- * Lawatan Rasmi lima hari ke Malaysia pada 6 hingga 10 Mac 1999.

- * Lawatan Rasmi tiga hari ke Republik Singapura bermula 17 Mei 1999.

- * Lawatan Rasmi ke Republik Indonesia pada bulan Mei 2000.

- * Lawatan Rasmi ke Thailand pada 18 hingga 24 Mei 2000.

- * Berangkat ke Negeri Perlis bagi menghadiri Istiadat Perta-



balan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin pada 7 hingga 12 Mei 2001.

- * Lawatan Rasmi ke United Kingdom pada 13 hingga 19 Januari 2001.

- * Lawatan Rasmi ke Republik Rakyat China dan ke Jepun bermula pada 21 hingga 31 Mac 2002.

- * Berangkat ke Negeri Selangor Darul Ehsan bagi menghadiri Majlis Pertabalan dan Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke-9 pada 7 hingga 8 Mac 2003.

- * Lawatan Rasmi ke New Zealand dan Australia bermula pada 10 Mac 2003.

- * Lawatan ke Jordan sempena Istiadat Perkahwinan Diraja Duli Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Hamzah bin Al-Hussein 24 Mei 2004.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berangkat ke Istiadat Pertabalan Raja Perlis pada 9 Mei 2001.



DULI Yang Teramat Mulia ketika mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia, Tuanku Jaafar semasa mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia pada 6 hingga 10 Mac 1999 (atas).



DULI Yang Teramat Mulia ketika berangkat ke Majlis Pertabalan dan Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke-9 pada 8 Mac 2003.



DULI Yang Teramat Mulia berbual mesra bersama Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Al-Sultan Mizan Zainal Abidin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Terengganu Darul Iman sejeurus sebelum santap di Istana Maziah pada 5 Mac 1999.



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Queen Alia, Jordan dialu-alukan oleh Duli Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Hamzah bin Al-Hussein ketika berangkat ke Jordan pada Mei 2004 bagi menghadiri Istiadat Perkahwinan Diraja Jordan.



DULI Yang Teramat Mulia disembahkan taklimat mengenai salah satu keunikan yang terdapat di Al-Khazneh, sebuah monumen yang paling terkenal di kompleks berkenaan ketika melawat Jordan pada Mei 2004.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika mengadakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand semasa berangkat membuat lawatan rasmi ke Thailand pada Mei 2000 (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia dialu-alukan oleh Duli Yang Teramat Mulia Putera Charles sejurus sebelum Majlis Santap di St. James Palace, London pada Januari 2001. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi (kanan).



PENDEDAHAN MELUAS DI ARENA ANTARABANGSA



DULI Yang Teramat Mulia semasa merakamkan gambar kenangan bersama Yang Amat Berhormat Tony Blair, Perdana Menteri British ketika berangkat ke London pada Januari 2001. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.



DULI Yang Teramat Mulia ketika mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi ketika berangkat melawat Jepun pada Mac 2002.



DULI Yang Teramat Mulia ketika mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri Australia, Tuan Yang Terutama John Howard ketika berangkat mengadakan lawatan rasmi ke Australia pada Mac 2003 (atas kiri).

DULI Yang Teramat Mulia semasa berangkat ke Majlis Santap Malam yang disembahkan oleh Gabenor Jeneral New Zealand, Puan Yang Terutama Dame Silvia Cartwright ketika berangkat ke New Zealand pada Mac 2003 (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengadakan kunjungan muhibah Tuan Yang Terutama Jiang Zemin, bekas Presiden Republik Rakyat China di Zhongnanhai pada Mac 2002 (kanan).



MESRA BERSALAMAN ... Duli Yang Teramat Mulia ketika bersalaman bersama Tuan Yang Terutama Kiyai Haji Abdurrahman Wahid, bekas Presiden Republik Indonesia ketika berangkat mengadakan lawatan rasmi ke Republik Indonesia pada Mei 2000.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, bekas Perdana Menteri Malaysia ketika berangkat melawat Malaysia pada Mac 1999.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengadakan kunjungan muhibah kepada Tuan Yang Terutama Goh Chok Tong, bekas Perdana Menteri Republik Singapura ketika berangkat ke Republik Singapura pada Mei 1999.

PUTERA DIRAJA YANG AKTIF DALAM AKTIVITI SOSIAL



DARI sejak kecil hinggalah dewasa Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah terdedah dengan aktiviti sosial yang berfaedah bagi menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman hidup persekitaran, di samping sebagai riadah yang berguna untuk perkembangan minda dan kesihatan.

Di zaman persekolahan rendah hinggalah ke pengajian tinggi, Duli Yang Teramat Mulia telah banyak mengadakan lawatan sambil belajar ke tempat-tempat yang menarik dan bermanfaat seperti Muzium Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Stesen Penye-

lidikan Pertanian Birau dan Loji Penapisan Air Layong dan sebagainya, di samping bergiat aktif dalam berpidato dan menulis esei serta berlakon drama pentas, antaranya drama lakonan kelas iaitu drama 'Cinderella' yang dipentaskan dalam bulan Disember 1987 dan 'The First Patient' yang dipentaskan dalam bulan Jun 1988.

Sewaktu menuntut di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia telah dilantik menjadi Prefek Kehormat, Badan Prefek maktab tersebut serta menyertai Kursus/Kem Kepimpinan Prefek Maktab bagi membuka peluang dalam sosial kepimpinan.

Ketika menuntut di Universiti Oxford, United Kingdom dalam bidang Perhubungan Antarabangsa, Duli Yang Teramat Mulia juga mengadakan lawatan sambil belajar ke institusi-institusi kerajaan di Britain dan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah sentiasa berminat mengetahui mengenai sistem pembelajaran di sekolah-sekolah rendah di negara ini dan penerimaan murid-murid terhadap mata pelajaran yang diikuti di dalam kelas.

OLEH DK. HAJAH SAIDAH PHOA

luar negara antaranya Geneva; Capital Hill dan Bank Dunia di Washington; Suruhanjaya Kesatuan Eropah di Brusel; Pejabat Perdana Menteri British, Parlimen dan Kota London serta mengadakan kunjung ziarah kepada Duli Yang Teramat Mulia Putera Wales dan kerabat diraja Belgium dan Luxembourg; mengadakan perjumpaan bersama Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tuan Yang Terutama Kofi Annan sebagai membuka minda dan memperdalamkan lagi pengetahuan mengenai soal-soal hubungan antarabangsa, kepimpinan dan melengkapkan diri sebagai pe-

mimpin kepada bangsa, agama dan negara suatu masa nanti.

'Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi' sikap luhur, pemedulian, prihatin, tidak camah mata yang dimiliki kedua-dua ayahanda dan bonda Duli Yang Teramat Mulia juga diwarisi putera sulung diraja ini. Sikap cepat mesra, peramah, riang, tidak sombong, pemurah dan sentiasa hormat kepada orang yang lebih tua dan kawan-kawan sebaya serta sentiasa mengambil tahu hal keadaan kawan-kawan dan guru-guru terutama yang menghadapi masalah atau kesusahan menjadikan Duli Yang

Teramat Mulia popular dan sentiasa berada di hati mereka.

Sikap keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia terhadap mereka yang kurang bernasib baik terutama anak-anak yatim di negara ini tidak pernah diabaikan sama sekali dan bagi meringankan beban yang mereka tanggung ditubuhkan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim.

Duli Yang Teramat Mulia juga sentiasa mendampingi paduka ayahanda Duli Yang Teramat Mulia berangkat ke majlis-majlis tertentu seperti Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat.

Lihat muka 15



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menuang simen bagi Majlis Perletakan Batu Asas Kampus Kekal Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanali Bolkiah.



SEKTOR swasta juga seperti Bank Balduri menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia untuk dilawati.



PRIHATIN ... Aktiviti dan kehidupan yang dijalankan di Rumah Kebajikan Masyarakat menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia ketika berangkat ke rumah berkenaan.



DULI Yang Teramat Mulia disembahkan penerangan ketika berangkat di Majlis Perasmian dan Latihan Jambori Nasional Negara Brunei Darussalam Ke-13 di Taman Mini Perayaan Kampung Parit, Mukim Pengkalen Batu.



DULI Yang Teramat menyaksikan pameran ketika berangkat di Majlis Perletakan Batu Asas Bangunan Mahkamah Tinggi Syariah.

PUTERA DIRAJA YANG AKTIF DALAM AKTIVITI SOSIAL



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima sumbangan derma bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim di negara ini.

Dari muka 14

majlis-majlis sambutan hari kebesaran Islam dan sebagainya serta meluangkan masa menjadi tetamu kehormat dalam majlis atau upacara perasmian bangunan, projek, pertunjukan dan pertandingan di negara ini seperti Majlis Pembukaan Rasmi Dewan Serbaguna Liang/Lumut; Majlis Perletakan Batu Asas Bagi Bangunan Baru Jabatan Mufti Kerajaan di Jalan Babu Raja; Majlis Pembukaan Persidangan Ke-33 Majlis Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO); Majlis Dialog Borneo/Kalimantan Ke-3 serta mengadakan lawatan kerja sama ada di ke-

menterian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta dan di kawasan pedalaman dan 'turun padang' bersama rakyat jelata menuai padi bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Labi di Lot Sengkuang dan ke Rumah Panjang Mendaram Besar ketika berangkat melawat ke Mukim Labi.

Penglibatan, kemurahan hati dan sikap terpuji yang diwarisi Duli Yang Teramat Mulia daripada ayahanda dan bonda Duli Yang Teramat Mulia sentiasa terpahat di hati setiap rakyat dan penduduk negara ini yang begitu menyayangi Duli Yang Teramat Mulia yang bakal menerajui negara di masa depan.



TERTARIK ... Duli Yang Teramat Mulia berminat mengetahui sejauh mana perkembangan pengetahuan murid-murid Sekolah Rendah Batu Marang mengenai pelajaran komputer yang diajarkan di sekolah mereka.



TANPA mengira darjat dan keturunan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan 'turun padang' menuai padi bersama penduduk kampung dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Labi ketika melawat ke Mukim Labi.



DULI Yang Teramat Mulia beramah mesra dengan seorang penuntut di Majlis Ramah Mesra bersama para peserta yang menyertai Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Seberang Laut Negara Brunei Darussalam Tahun 2004 yang diadakan pada 17 Ogos 2004.

DPMM PEWARIS KEPIMPINAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyusupkan keris kebesaran kerajaan ke dalam arat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Istiadat Pemasyhuran Duli Yang Teramat Mulia menjadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada 10 Ogos 1998.



DULI Yang Teramat Mulia telah dianugerahkan pangkat Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada 25 Mac 2004.



SEBAGAI pewaris kepimpinan, Duli Yang Teramat Mulia telah menjalani penempatan di pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta mengadakan lawatan ke mukim-mukim dan kampung-kampung.

OLEH
HAJI JAAFAR HI

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah diputerakan di Bandar Seri Begawan pada 17 Februari 1974.

BINTANG/PINGAT

Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.); Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T.) dan Pingat Hassanul Bolkiah Sultan (P.H.B.S.).

PENDIDIKAN

Duli Yang Teramat Mulia memulakan pendidikan pada awal usia di Sekolah Putera Puteri di Istana Darul Hana. Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya memasuki Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan telah lulus dalam peperiksaan Brunei Junior Brunei Certificate of Education pada tahun 1988 dan Brunei Cambridge General Certificate of Education Peringkat Biasa (O Level) pada tahun 1991. Duli Yang Teramat Mulia meneruskan pengajiannya di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan telah lulus dalam peperiksaan General Certificate of Education (Cambridge) Peringkat 'A' pada tahun 1994.

Duli Yang Teramat Mulia juga menghadiri kuliah di Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan seterusnya memulakan pengajian sebarang laut dalam bidang 'Pengajian Islam' di Oxford Centre pada Oktober 1995. Pada tahun berikutnya, Duli Yang Teramat Mulia berjaya melayakkan diri untuk mengikuti Oxford University's Foreign Service Programme di Magdalen College dan menerima ijazah dalam tahun 1997. Duli Yang Teramat Mulia menerima Diploma dalam bidang 'Diplomatic Studies' pada 3 Ogos 1998.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia telah berkenan mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T.) kepada Duli Yang Teramat Mulia.



dalam Majlis Konvokesyen Khas di Bandar Seri Begawan.

Di sepanjang pengajian akademik, Duli Yang Teramat Mulia bukan sahaja tekun dalam pengajian akademik dan kegiatan luar, akan tetapi Duli Yang Teramat Mulia juga meluahkan masa dan prihatin terhadap pelajaran agama serta perkara-perkara berkaitan dengan kesejahteraan dan keislaman. Dalam tahun 1998, Duli Yang Teramat Mulia telah Khatam Bacaan Al-Quran dan Surah-surah Lazim serta juga mempelajari pelbagai aspek pengajian Islam melalui guru-guru terpilih.

KARIER

Duli Yang Teramat Mulia telah dimasyhurkan menjadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada 10 Ogos 1998.

Dalam mempersiapkan sebagai pemimpin masa hadapan dan ketua negara, Duli Yang Teramat Mulia telah pun menjalani penempatan di pelbagai agensi-agensi kerajaan dan

juga di sektor swasta iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Perhubungan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Buruh dan Datastream Technology Communications (DST) iaitu sebuah syarikat telefon bimbit.

Sebagai pewaris takhta, penempatan tersebut adalah dimaksudkan untuk memberi pendedahan yang meluas terhadap perjalanan dan pentadbiran negara. Ini secara langsung akan memberikan pengalaman berguna kepada Duli Yang Teramat Mulia dalam hal-ehwal pentadbiran kerajaan.

Bagi menimba pengalaman yang lebih luas mengenai struktur kerajaan dan negara, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat melawat ke mukim-

mukim dan kampung-kampung di negara ini serta melawat dan meninjau institusi-institusi kewangan.

Di arena antarabangsa, Duli Yang Teramat Mulia juga berangkat mengadakan lawatan rasmi ke negara-negara ASEAN, Jepun, Republik Rakyat China, United Kingdom, Australia, New Zealand dan Jordan. Keberangkatan ke luar negara jelas menunjukkan sebagai pendedahan meluas di arena antarabangsa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menganugerahkan pangkat Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada Duli Yang Teramat Mulia pada 25 Mac 2004.

AKTIVITI

Duli Yang Teramat Mulia meminati sukan snuker, boling, bulu tangkis dan bola sepak. Duli Yang Teramat Mulia juga menyertai pelbagai kejohanan snuker dan bulu tangkis dan pernah mewakili negara di Sukan SEA dalam acara bilard dan snuker. Duli Yang Teramat Mulia juga mempunyai kelab bola sepak sendiri yang digelar DPMM F.C., yang menyertai liga bola sepak semi-profesional tempatan dan mewakili negara dalam pelbagai kejohanan antara kelab serantau.



DULI Yang Teramat Mulia bergambar kenangan bersama DYTM Putera Mahkota Naruhito dan Puteri Mahkota Masako semasa DYTM melakukan lawatan ke Jepun pada Mac 2002.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berangkat ke Majlis Makan Malam Amal Pelancaran dan Perasmian Telemovie VCD 'Dayangku' di ICC. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



YANG Teramat Mulia menerima sumbangan derma untuk tabung Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim oleh penerbit telemovie 'Dayangku'. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

BIDANG PERFILEMAN SEKTOR EKONOMI YANG UNIK, MENCABAR

Oleh
Abdullah Asgar

BERAKAS, 24 Ogos. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bersabda, bidang perfileman adalah satu sektor ekonomi yang unik dan mencabar ianya merangkumi dimensi sosial dan kebudayaan yang cukup luas.

Sabda Yang Teramat Mulia, bagi yang ingin menceburi diri di bidang ini mereka memerlukan dedikasi, kepercayaan dan kemahuan yang kuat.

Yang Teramat Mulia bersabda demikian sempena Majlis Makan Malam Amal Pelancaran dan Perasmian Telemovie VCD 'Dayangku' di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) dekat sini. Berangkat sama Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

"Saya melihat usaha sama seperti ini adalah sebagai perintis jua, seperti yang kita maklumi kerajaan adalah menggalakkan pihak swasta kita dengan pihak swasta dari luar negara untuk mengendalikannya projek-projek yang bermanfaat dalam pelbagai

bidang," sabda Yang Teramat Mulia.

Sabda Yang Teramat Mulia, diharap projek-projek usaha sama ini akan dapat dipertingkatkan dan dilartakan, bukan saja di sekitar industri yang berkaitan, bahkan juga di bidang-bidang industri yang lain di mana perkembangan usaha sama ini akan dapat membantu usaha negara ke arah mempelbagaikan ekonomi.

"Tidak dinafikan bahawa orang-orang kita memang mempunyai kemahiran di dalam pelbagai bidang seni, oleh itu mereka yang mempunyai keinginan dan kemahiran, baik secara perseorangan mahupun perkumpulan haruslah diberi galakan," sabda Yang Teramat Mulia.

Yang Teramat Mulia bersabda, bagi mereka yang terlibat dalam projek itu diucapkan tahniah kerana berjaya mengendalikannya.

Walaupun bagaimanapun sabdanya, di dalam keghairahan kita mengejar cita-cita adalah juga sangat

perlu bagi kita untuk menyeimbangkan segala perkembangan, sejajar dengan aspirasi negara yang berpegang teguh kepada keutuhan agama Islam, adat resam dan budaya yang murni.

"Orang Brunei di mana pun berada dan apa jua bidang aktiviti, tetaplah ia terikat kepada lunas-lunas dan calak Brunei yang berteraskan Melayu Islam Beraja, jangan sekali-kali kita abaikan apa-apa lagi dilupakan," sabdanya.

Yang Teramat Mulia bersabda, kecemerlangan kita, terletak di situ bukan cemerlang di dunia saja bahkan cemerlang di sisi Allah menjadi prioriti.

Pada majlis pelancaran itu Yang Teramat Mulia juga menerima sumbangan derma untuk tabung Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim sebanyak sepuluh peratus dari hasil jualan VCD telemovie 'Dayangku'.

Telemovie 'Dayangku' adalah terbitan bersama Jawat Pelangi Sendirian Berhad, Sabah dan PHAB Production Brunei yang menjalani penggambaran lebih 10 bulan di Sabah dan Negara Brunei Darussalam.

'Dayangku' menggambarkan pelakon-pelakon Negara Brunei Darussalam, Sabah dan Semenanjung Malaysia yang akan mengagumkan para penonton dengan nostalgia, sejarah, seni, kebudayaan, gaya hidup masyarakat, romantik, keindahan perkampungan, perbandaran, keindahan pinggiran sungai dan penggambaran.

Dayangku juga mengilhamkan zaman romantik remaja dengan melahirkan sound track 'Istana Cinta' ku, di samping mengambil keberkatan dari syair 'Diangdangan Bujang Si Gandam' untuk membangkitkan kesedaran syair-syair lama yang melambungkan keagungan bangsa.

Penggunaan peralatan digital semakin meluas

Oleh
Siti Aishah HS

GADONG, 26 Ogos. - Di era globalisasi ini, peluang-peluang bagi menikmati dan menggunakan peralatan digital amat meluas yang seakan-akan menjadi satu kemestian dan budaya dalam kehidupan sehari-hari, malah dalam bidang bidang pembelajaran dan pengajaran ia juga diperlukan bagi memberikan kesenangan, kemudahan, kecekapan dan menjimatkan masa serta tenaga dalam melaksanakan satu tugas dan tanggungjawab setiap individu.

Sehubungan itu bagi merealisasikan perkara tersebut, satu Pameran 'Inforama Showcase 2004' diadakan di Mall, di sini.

Inforama pada tahun ini bertemakan 'Kecemerlangan Kejuruteraan Me-

lalui ICT' iaitu kecemerlangan dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional serta pendidikan keseluruhannya dengan penggunaan infoteknologi komunikasi (ICT) sebagai alat bantu pembelajaran dan peralatan, dalam hampir semua jurusan di semua peringkat pendidikan sebagai pelengkap setiap pelajar pelbagai kemahiran bagi menjalani kehidupan di zaman era global ini.

Pameran selama empat hari itu dibukakan bagi kunjungan orang ramai mulai 26 hingga 29 Ogos bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Program Pertukaran Lawatan ke Singapura

BERAKAS, 19 Ogos. - Serombongan 53 orang terdiri daripada Menteri-Kabinet, Timbalan-Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ahli-ahli perniagaan pagi ini berlepas ke Republik Singapura bagi mengikuti Program Pertukaran Lawatan Ke-11 antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Singapura.

Rombongan tersebut diketuai oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang

Oleh
Siti Aishah HS

Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Antara yang menyertai rombongan tersebut termasuklah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia

Dr. Haji Awang Ahmad; Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith; Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi.

Semasa di Republik Singapura, rombongan akan mengadakan lawatan muhibah kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.

Para peserta rombongan juga akan mengada-

kan sesi perjumpaan di kalangan menteri-menteri, sesi 'colloquium' bagi pegawai-pegawai kanan untuk membincangkan isu-isu yang berkepentingan bersama selain mengadakan perjumpaan dua hala dengan rakan-rakan sejawat masing-masing, sementara ahli-ahli perniagaan pula akan mengadakan perjumpaan dengan ahli-ahli perniagaan Republik Singapura.

Semasa lawatan itu juga, pihak rombongan akan berkesempatan mengadakan perlawanan golf persahabatan dengan pasukan Republik Singapura bagi merebut piala pusingan sumbangan Perdana Menteri Republik Singapura. Piala perlawanan

sebelum ini yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dimenangi oleh Pasukan Negara Brunei Darussalam pada tahun lepas.

Program Pertukaran Lawatan ini adakan satu usaha kedua-dua buah negara untuk mengekalkan dan meningkatkan persahabatan yang sememangnya erat di antara kedua-dua buah negara sejak sekian lamanya.

Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kepada Program Pertukaran Lawatan Ke-10 pada tahun 2003 yang lalu.

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

ADAT RESAM ORANG BRUNEI HALUS DAN UNIK

BUDAYA identiti bangsa. Begitulah signifikannya budaya dan adat resam dalam kehidupan berbangsa yang meliputi tamadun, peradaban, cara berkelakuan, cara berfikir dan seumpamanya, termasuklah kesenian, hasil cipta berupa peralatan dan kebendaan.

Seperti yang sering disebut 'bahasa menunjukkan bangsa', ia merujuk bukan sahaja kepada jenis bahasa yang dipertuturkan malah kehalusan setiap lumih dan konotasi perkataan serta adab/gaya 'pertuturan' yang memperlihatkan 'akhlak atau keperibadian' seseorang.

Ungkapan berbunyi 'hidup berkelang adat, mati berkelang tanah' juga menunjukkan bahawa betapa kuatnya peranan adat dan budaya dalam masyarakat Melayu. Di negara kita, adat dan budaya kebruneian yang diselaras dengan ajaran agama Islam tetap dipertahankan. Ternyata budaya murni telah membawa kesan yang positif kepada masyarakat kita.

Bangsa Brunei memang cukup kaya dengan nilai budayanya yang begitu tinggi, halus dan unik. Keunikan budaya orang-orang Brunei itu dapat dilihat dalam kehidupan seharian mereka terutama dalam majlis-majlis 'beradat' baik di kalangan masyarakat umum malah akan lebih terserlah pada majlis-majlis diraja yang 'beradat istiadat'.

FOKUS kita kali ini 'secara ringkas' akan mengetengahkan serba sedikit mengenai budaya, kesenian dan adat resam orang kitani. Rasanya ia penting diketahui, dihayati dan sebaiknya diamalkan kerana ia merupakan sebahagian dari teras jati diri dan identiti bangsa. Semoga ia akan dapat memberikan rangsangan kepada kita semua terutamanya generasi muda untuk sama-sama memelihara khazanah warisan bangsa yang unggul serta unik itu.

ADAT

Dari segi tingkah laku dan keperibadian, orang Brunei mempunyai adat dan caranya yang tersendiri. Orang-orang yang

mempunyai kedudukan atau pemimpin dalam masyarakat diberikan penghormatan dan layanan sewajarnya, di samping 'dipanggil' dengan ganti nama tertentu. Begitulah juga orang 'tua-tua' dituakan' dan perlu dihormati. Umumnya masyarakat kitani paling hormat dan cermat ketika berinteraksi dan meluahkan kata-kata. Percakapan perlu 'bertata-cara dan bertatabahasa' mengikut selayaknya sesuai dengan siapa kita berinteraksi.

Umpamanya apabila kita berinteraksi dengan raja atau kerabat diraja kita akan menggunakan bahasa seperti: Kebawah Duli Tuan Patik/Hamba Kebawah Duli Tuan Patik atau Hamba Duli Tuanku dan lain-lain. Membasahkan Paramba kepada Pengiran, Koala kepada Pehin manakala gantina hamba, saya, tuan, biskita/abiskami bagi orang kebanyakan. Begitulah sebaliknya kita akan membahaskan Kebawah Duli Tuan Patik, Kebawah Duli Tuanku kepada raja atau kerabat diraja, Tuan Paramba bagi Pengiran, Pehin, Liau, Awangku, Dayangku, Alai dan sebagainya.

Selain dari itu kita juga mempunyai 'Bahasa Dalam' yang digunakan untuk kerabat diraja, Pengiran peranakan/pengiran/orang yang disempir gelaran dan orang kebanyakan. 'Bahasa' tersebut sungguh indah baik dari segi sebutan dan maksudnya. Kita juga sering menggunakan ba-

hasa-bahasa halus yang membawa maksud tertentu atau bersifat simbolik.

Beberapa contoh 'Bahasa Dalam' itu seperti: Bersiram, Beradu, Menjunjung, Berangkat, Lindung, Layuan, Kebasahan, Sembah, Menyembah, Menyembahkan, Berdatang Sembah, Mengadap, Menjunjung Titah, Menjunjung Sabda, Ampun Beribu Ampun, Beribu Ampun, Munkan Ampun, Barung-Barung, Dangan Sebarang-Barung, Irmah, Kain Pendukungan, Peraduan, Kenaikan, menyampiri, Suruk Langkah, Naik, Turun, Jatnyawa, Berisi, Meluaran dan Aluan.

Lain-lain perkataan termasuklah Murung, Keluaran, Kekuningan, Keemasan, Ketampiasan, Bagas-Bagasan, Lancar, Kanyang, Turus, Biasai, Usungan, Anjung, Persalinan, Ulu, Ke Siring, Ke Sungai, Becemar Duli, Menyuaupnyuap, Murka, Kurnia, Anugeraha, Titah, Sabda, Bersemayam, Tamayapan, Ayapan, Santap, Besigup, Duli, Cerapu, Kamul, Pengadapan, Pataratna, Singgahsana, Persantapan, Inang, Manda, Budayang, Kedayang dan Kawang.

Perkataan lain ialah seperti: Patik, Hamba Tuanku, Tuanku, Beta, Peramba, Kaola, Bini Pehin, Babu, Kanak, Tuan Kaola, Mudim, Ninda, Ayahnda, Bonda, Kekanda, Adinda, Anakda, Cunda, Si Kanak, Kaola Pengiran, Paduka Ninda, Paduka Ayahnda, Paduka Bonda, Paduka Kekanda, Paduka Adinda, Paduka Cunda, Berngkat Dari, Beredar Dari. (Pengertian/maksud 'bahasa dalam' di atas boleh dirujuk dalam buku mengenai Bahasa Dalam (Appendek 'A1').

Selain dari itu orang tua-tua kitani juga menggunakan ungkapan-ungkapan perkataan halus seperti: Kan memohonkan abiskita ke rumah, Berinut tah kami dahulu; Bah bisai-

biasa saja olah; Jangan luan garha, Bah biasai tah sudah tu; Menggual tawak-tawak lama dan banyak lagi.

Secara umum orang Brunei juga dikenali dengan sifat bersopan santun, berbudi bahasa, baik perangai, elok budi pekerti dan tingkah lakunya serta berfikir positif. Orang Brunei juga baik hati, biasa hidup tolong-menolong, bantu-membantu, bergotong-royong bak kata pepatah 'ringan sama dijinjing, berat sama dipikul', dan tidak 'camah mata'.

Sikap bersopan santun dipamerkan melalui tingkah laku, perbuatan dan percakapan seperti: Mengucapkan salam, bertanya khabar, berikim salam kepada sanak saudara sahabat dan kawan-kawan, mesra ketika berbual, melawak datang ke rumah, mengucapkan terima kasih, menundukkan sedikit badan ketika berjalan melintas di hadapan orang, bezirah mencium tangan atau berjabat tangan dan kemudian merapatkan tangan ke dada, menunjuk sesuatu benda atau arah menggunakan ibu jari, duduk bersila bagi kaum lelaki, duduk bertimpah bagi kaum wanita dan banyak lagi.

SENI

Orang Brunei juga mempunyai warisan kesenian dan kebudayaan yang mempunyai nilai dan estetika yang tinggi. Sebagai contoh jenis 'pakai' kain tradisi serta aksesori/perhiasan masyarakat Brunei dan cara memakainya kelihatan cukup menarik dan unik. Pakai dari tenunan kain songket Brunei saja umpamanya sudah cukup memperlihatkan kehalusan dan kecantikan coraknya yang menambahkan lagi seri kepada pemakainya.

Orang kitani ketika menghadiri majlis-majlis akan berpakaian kemas dan menutup aurat. Pada majlis-majlis tertentu kaum

lelaki memakai baju taluk balanga, berkain dan berkopi, berpakaian cara Melayu lengkap dengan sampin/sinjang dan kopi-ah manakala mempelai memakai pakaian pengantin/hulubalang lengkap dengan tanjak, sampin, keris, sandang, arat, pading dan lain-lain.

Bagi kaum wanita pula mereka memakai baju kurung atau baju kebaya lengkap dengan tudung kepala. Pakaian pengantin perempuan pula dari kain songket tenunan tangan juga dilengkapi dengan selendang, arat, pading, gandi dan pelbagai aksesori/perhiasan tradisional yang lain.

Kita juga mempunyai bermacam jenis dan rupa bentuk peralatan tradisional baik yang diperbuat dari logam seperti emas, perak dan tembaga termasuk dari kayu, kain dan seumpamanya. Sama ada ia berupa pakaian, perhiasan, perkakas, peralatan muzik dan lain-lainnya, semuanya mempunyai hasil seni yang halus, indah dan bermutu.

Antara hasil kerja tangan orang kitani dari Logam termasuklah Pasi-gupun, Cupu/Celapa, Kiap, Kabuk, Panastan, Kaskul, Gangsa, Tumbak, Keris, Pedang, Peberahan, Batel, Lanjang dan banyak lagi. Dari kain pula termasuklah tenunan kain songket seperti Sukmaidera, Sipugut, Kain Beragi Bertabur, Arab Gagati, Kain Betabur, Kain Jong Sarat, Pucuk Rebung tidak terkecuali pembuatan songkok dan hasil jahitan yang lain.

Hasil anyaman pula termasuklah: Lampit, Tikar, Tudung Dulang, Siraong, Bakul, Takiding, Nyiru, Takung, Tapisan, Bahai, Talaya, Sarap, Bayung, Bakang, Garanjang, Lasuk, dan beraneka jenis lagi.

Dari segi kebudayaan yang lain, masyarakat Brunei mempunyai bermacam jenis kesenian dari berbagai kaum termasuk

tarian-tarian tradisi yang ditarikan dengan langkah dan gaya yang cukup sopan dan memikat. Begitu juga dengan lagu-lagu tradisi Brunei yang mempunyai irama yang menawan dan rangkap-rangkapnya yang tersusun begitu rupa. Tarian-tarian dan lagu-lagu tradisi tersebut semuanya membawa maksud dan pengertiannya yang tersendiri.

Sebahagian dari tarian tradisi itu termasuklah: Tarian Samalindang, Adai-Adai, Zapin Brunei, Tarian Joget/Bemukun, Tarian Tudung Saji, Tarian Aduh, Aduh dan lain-lain. Lagu-lagu tradisi pula ialah seperti: Anding, Samalindang, Alus Dindang, Adai-Adai termasuklah Diang Dangan, Dondang, bepantun dan seumpamanya.

Masyarakat Brunei juga kaya dengan permainan-permainan tradisional dan beraneka jenis peralatan muzik yang di antaranya tidak terdapat di negara luar. Kita juga kaya dengan kepelbagaian jenis makanan dan masakan tradisional yang unik dan enak rasanya.

Permainan tradisional itu umpamanya seperti: Congkak, Pasang, Kuit, Catur, Main Simban, Gasing, Permainan Kikik, dan lain-lain lagi. Peralatan muzik tradisional pula terdiri dari Gambus, Guriding, Ompong, Serunai, Nafiri, Gulintangan, Agong, Gendang Lebig dan lain-lain.

Makanan dan masakan tradisi pula seperti: Kuih Sapit, Buahulu, Pinyaram, Katilapam, Ardum, Makan Cincin, Surabai, Kelupis, Wazid, Sesagun, Tumpi, Ambuyat, Lauk bahamp, Lauk Besalai, Liking, Balutak, tahai masak api atau dadah tahai, dan bermacam-macam lagi.

MAJLIS

Masyarakat Brunei juga banyak mengadakan majlis-majlis tertentu baik berupa keagamaan mahu-

pun majlis-majlis yang mengikut adat resam. Antara majlis-majlis tersebut termasuklah Majlis Doa Selamat, Majlis Kesyukuran, Majlis Perkahwinan, Majlis Berkhatan, Majlis Mandi Balawat, Majlis Bercukur Jambul, Majlis Berdikir, Majlis Khatamal Al-Quran, Majlis Pindah Rumah Baru, Majlis Menepung Tawar dan pelbagai lagi.

Semua majlis-majlis tersebut dilaksanakan mengikut cara, adat dan tradisinya yang disesuaikan dengan ajaran agama Islam dan disesuaikan dengan gaya kehidupan masa kini. Walau bagaimana pun intipati tradisi nenek moyang yang tidak bercanggah dengan hukum dan aqidah Islam masih kekal dipelihara sebagai warisan budaya yang amat berharga.

Kita ambil satu contoh, adat perkahwinan masyarakat 'Melayu Brunei' yang cukup unik dengan ciri-ciri nilai adat yang begitu unggul. Secara ringkas, ia bermula dengan majlis besurur/meresik, Menghantar tanda, Menghantar pertunangan/berian, Majlis bebadak, Majlis bepacar, Majlis Akad Nikah, Majlis besiram, Majlis Bersanding, Majlis berambel-ambilan, Majlis mulih tiga hari dan lain-lain.

Dalam majlis-majlis itu, kita dapat menyaksikan pelbagai ciri 'adat resam' baik dari segi cara dan gaya, pakaian, barangan dan peralatan termasuklah bahasa dan ungkapan-ungkapan yang digunakan.

Insyallah pada keluaran yang akan datang FOKUS akan cuba menyingkap sedikit sebanyak mengenai adat perkahwinan orang-orang Brunei untuk mengimbau betapa molek dan halusnyanya budaya bangsa kitani bagi tatapan bersama.

Kita akhiri FOKUS kali ini dengan 'Bersama memelihara khazanah warisan budaya bangsa'.



RAKYAT dan penduduk negara ini telah dikehendaki mengibarkan bendera sempena Istiadat Perkahwinan Diraja yang telah bermula pada 26 Ogos hingga 14 September 2004.

Maka sehubungan dengan itu, orang ramai


adalah diingatkan supaya mengibarkan bendera yang elok dan bukannya mengibarkan dan menaikkan bendera yang koyak rabak, lusuh, pudar dan seperti kelihatan dalam gambar. Samasamalah kita menghormati Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

UNIT TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BAHAGIAN 1

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Pindah Milik Tanah	41 hari
2.	Tukar Syarat Khas Tanah	41 hari
3.	Gadai Tanah	41 hari
4.	Penyimpanan Tanah Kerajaan	41 hari
5.	Pengambilan Balik Tanah	41 hari



HIDUP BERPASANGAN ADALAH SEBESAR-BESAR NIKMAT ALLAH KEPADA MANUSIA

yang lain.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Yaasiin ayat 36 yang tafsirnya:

"Maha Suci Allah yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan, sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi atau dari diri mereka ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya."

Perkahwinan itu mempunyai banyak hikmat di antaranya:

Pertama: Untuk mengekalkan dan meneruskan zuriat manusia di muka bumi ini dan seterusnya meramaikan manusia, kerana Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan berbangga dengan

umat Baginda yang ramai di akhirat nanti.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Dari Mak'qal bin Yasaar, dia berkata: Telah bersada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Berkahwinlah kamu dengan wanita yang pengasih dan subur kerana aku akan berbangga dengan jumlah kamu yang ramai." (Riwayat Al-Imam Abu Daud).

Kedua: Untuk menjaga kehormatan diri.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Dari Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada

kami: Wahai orang-orang muda! Barangsiapa yang berkuasa antara kamu untuk berkahwin, maka berkahwinlah, sesungguhnya perkahwinan itu melembutkan pandangan dan menjaga kehormatan dan barangsiapa yang tidak mampu, kerjakanlah puasa kerana puasa itu boleh melembutkan syahwat." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Ketiga: Memudahkan datangnya rezeki.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Dari Aisyah Radiallahuanha, telah bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: Berkahwinlah kamu kerana perempuan itu juga boleh menolong kamu mencari harta atau boleh menolong kamu menjimatkan harta." (Riwayat Al-Imam Al-Bazzaar).

Keempat: Bertujuan untuk hidup bahagia dengan aman damai, berkasih sayang dan cinta-mencintai.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ar-Ruum ayat 21 yang tafsirnya:

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmat-Nya, bahawa ia menciptakan untuk kamu wahai kaum lelaki, isteri-isteri dari jenis

kamu sendiri. Supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu suami isteri perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan yang menimbulkan kesadaran bagi orang-orang yang berfikir."

Kelima: Untuk menambah kaum kerabat, memperhubungkan silaturrahim antara satu dengan lain.

Bersempena dengan kita meraikan Istiadat Perkahwinan Diraja ini, marilah kita sama-sama menadah tangan ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, mendoakan agar diberkati dan mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wataala. Amin Yarabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Furqan ayat 74 yang tafsirnya:

"Dan juga mereka yang diredai Allah itu ialah orang-orang yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri dan zuriat keturunan kami, perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan menjadikan kami imam ikutan bagi orang-orang yang mahu bertakwa."

"DARI Mak'qal bin Yasaar, dia berkata: Telah bersada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Berkahwinlah kamu dengan wanita yang pengasih dan subur kerana aku akan berbangga dengan jumlah kamu yang ramai." (Riwayat Al-Imam Abu Daud).

MA R I L A H kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi

insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Sebagaimana yang kita telah ketahui bahawa Istiadat Perkahwinan Diraja tidak lama lagi akan dilangsungkan. Istiadat berkenaan merupakan detik bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam yang tidak akan

dapat dilupakan oleh generasi sekarang dan akan menjadi ristaan sepanjang zaman.

Pernikahan atau perkahwinan adalah salah satu Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana hadis Baginda yang bermaksud:

"Dari Aisyah Radiallahuanha ia berkata: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Perkahwinan itu adalah sunnahku, sesiapa yang tidak suka mengikut sunnahku maka bukanlah dia dari golongan umatku." (Riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

Begitulah lumrah

alam, setiap yang dijadikan Allah Subhanahu Wataala itu berpasangan-pasangan, sebagaimana yang berlaku ke atas manusia, dijadikan ada lelaki dan ada perempuan. Hidup berpasangan ini adalah di antara sebesar-besar nikmat Allah Subhanahu Wataala kepada manusia dan juga makhluk-Nya

PERNIKAHAN atau perkahwinan adalah salah satu Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana hadis Baginda yang bermaksud:

"Dari Aisyah Radiallahuanha ia berkata: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Perkahwinan itu adalah sunnahku, sesiapa yang tidak suka mengikut sunnahku maka bukanlah dia dari golongan umatku." (Riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضر

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحی باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 16 رجب، 1425 برسمان دغن
1 سيقتمبر، 2004 هيگ کھاري ثلاث، 22 رجب، 1425 برسمان دغن 7 سيقتمبر، 2004 اداله سقرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
رجب									سيقتمبر
16	12.22	3.28	6.27	7.37	4.46	4.56	6.14	6.37	1
17	12.22	3.27	6.27	7.36	4.46	4.56	6.13	6.37	2
18	12.21	3.26	6.26	7.36	4.46	4.56	6.13	6.37	3
19	12.21	3.25	6.26	7.35	4.46	4.56	6.13	6.36	4
20	12.21	3.24	6.25	7.35	4.46	4.56	6.13	6.36	5
21	12.20	3.23	6.25	7.34	4.46	4.56	6.13	6.36	6
22	12.20	3.22	6.24	7.34	4.46	4.56	6.12	6.36	7

وقت ۲ سمبھيغ باكي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة دسلورو نكارا بروني
دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تھاري.

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

AMANAH adalah satu sifat terpuji yang dituntut oleh Islam. Setiap orang mempunyai amanah dan tanggungjawab yang perlu ditangani dalam semua aspek kehidupan. Amanah juga merupakan sifat yang menentukan kebahagiaan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Ia juga merupakan salah satu unsur kesempurnaan peribadi yang patut dimiliki dan dipertahankan oleh setiap individu muslim.

Setiap insan mestilah menyedari bahawa ia sentiasa memikul amanah, baik amanah pada diri, keluarga, masyarakat, negara mahupun agama agar segala yang menjadi tugasnya terlaksana dengan sempurna. Seseorang itu belum dikatakan beriman sepenuhnya jika dia tidak beramanah.

Dalam peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyaksikan seorang lelaki yang mengumpulkan seikat kayu api yang besar. Dia tidak mampu memikulnya, tetapi terus menambah bilangan kayu api tersebut. Kemudian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya kepada Jibril Alaihissalam mengenai gambaran yang dilihat Baginda itu. Lalu Jibril Alaihissalam menjawab: "Inilah lelaki daripada umatmu yang menanggung amanah manusia. Dia tidak mampu menunaikan amanah tersebut tetapi mahu terus memikulnya." Apakah pengajaran yang dapat diambil daripada peristiwa ini?

Maka ruangan Irsyad Hukum kali ini akan mengajak kita mengimbas kembali peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengetengahkan perkara amanah daripada peristiwa tersebut.

PENGERTIAN AMANAH DALAM KONTEKS AL-QURAN

Amanah berasal daripada perkataan Arab 'amana' yang bererti tenteram, aman, selamat dan harmonis. Dalam pengertian nilai akhlak pula, amanah ialah menghargai kepercayaan orang lain terhadap diri seseorang dengan melaksanakan tuntutan yang terdapat dalam kepercayaan itu. Amanah itu dengan kata lain ialah tanggungjawab yang diterima oleh seseorang yang kepadanya diberikan kepercayaan bahawa dia dapat melaksanakannya sebagaimana dituntut tanpa mengabaikannya. Apabila tanggungjawab itu ditunaikan dan kepercayaan yang diberikan dihargai, maka orang yang menerima dan melaksanakan amanah mendapatkan dirinya tenteram, aman, selamat dan harmonis. (Ensiklopedia Islam: Malaysia)

Menurut kitab Al-Mu'jam Al-Mufahras li Al-Faz Al-Quran Al-Karim perkataan amanah disebutkan di beberapa surah dalam Al-Quran:

1. Amanah dikaitkan dengan larangan menyembunyikan kesaksian atau kewajiban memberikan kesaksian yang benar:

Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya: "Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadai untuk dipegang (oleh

AMANAH: Pengajaran daripada peristiwa Israk dan Mikraj

orang yang memberi hutang). Kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadai), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya, dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu." (Surah al-Baqarah: 283).

2. Amanah dikaitkan dengan keadilan atau pelaksanaan hukum secara adil:

Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat." (Surah An-Nisa: 58).

3. Amanah dikaitkan dengan sifat khianat:

Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salah-nya)." (Surah Al-Anfaal: 27).

4. Amanah dikaitkan dengan salah satu sifat manusia yang mampu memelihara kemantapan rohani, tidak berkeluh-kesah apabila ditimpa kesusahan, dan tidak melampaui batas ketika mendapat kesenangan:

Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya." (Surah Al-Ma'aarij: 32).

5. Amanah difahami dalam pengertian yang lebih luas, sama ada sebagai tugas keagamaan mahupun tugas kemanusiaan:

Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan." (Surah Al-Ahzab: 72).

AMANAH TERHADAP ALLAH TAALA

Amanah ini bermula daripada kedudukan manusia sebagai hamba Allah Subhanahu Wataala dan berfungsi sebagai khalifah-Nya. Tanggungjawab manusia sebagai hamba Allah Subhanahu Wataala ialah patuh, taat dan tunduk kepada-Nya. Tanggungjawab manusia sebagai khalifah pula ialah membangun, memakmur dan melaksanakan islah di bumi Allah ini.

Kedudukan manusia sebagai hamba dan khalifah dengan fungsinya untuk patuh, taat dan mengimarahkan bumi Allah ini ialah suatu amanah yang wajib dilaksanakan secara menyeluruh. Segala tuntutan agama dan kewajiban yang ditetapkan hendaklah dipikul dan dilaksanakan seperti yang dikehendaki tanpa lalai, ragu dan sambil lewa.

Maka puncak amanah dan tanggungjawab insan ialah amanah dan tanggungjawabnya kepada Allah. Amanah kepada Allah Subhanahu Wataala ialah berusaha memenuhi matlamat manusia itu diciptakan iaitu beribadat kepada-Nya sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail: mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 188 Bahagian Pertama

menyembah dan beribadat kepada-Ku." (Surah Ad-Zariyat: 56)

AMANAH KEPADA RASUL

Amanah terhadap Rasul adalah cabang daripada amanah terhadap Allah. Ianya bererti patuh dan taat terhadap apa jua perintah dan larangan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam. Amanah juga adalah salah satu sifat yang wajib dimiliki oleh para rasul.

Oleh sebab itu, Rasulullah telah menyediakan as-sunnah dan qudwah (ikutan) sebagai panduan untuk dilaksanakan dengan jujur dan amanah.

Seseorang dianggap mengkhianati amanah Allah dan Rasul-Nya jika kewajiban yang ditetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya diabaikan. Perkara ini ada diwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesiapa yang mentaati perintahku, maka sesungguhnya orang itu mentaati perintah Allah. Dan sesiapa yang melanggar perintahku, maka sesungguhnya dia mendurhakai Allah. Sesiapa yang mematuhi perintah pembesaraku (orang yang dilantik Rasulullah), maka sesungguhnya orang itu mematuhi perintahku. Dan sesiapa yang melanggar perintah pembesaraku, maka sesungguhnya orang itu melanggar perintahku." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

BERSAMBUNG

TIDAK dapat dinafikan setiap manusia mempunyai kemahuan, keinginan atau naluri yang tertentu. Namun sebagai umat Islam, keinginan atau kemahuan itu adalah terbatas dalam lingkungan yang tidak bertentangan dengan kehendak agama.

Upamanya setiap manusia berhajat kepada perkahwinan kerana perkahwinan itu kelak bukan saja akan melanjutkan keturunan dan membentuk sebuah rumah tangga, bahkan juga akan dapat memberikan ketenangan dan kematangan fikiran, memberikan pengalaman, kedamaian jiwa dan perasaan, mempunyai tempat yang dibenarkan oleh Islam untuk mencurahkan perasaan hati dan tempat bermesra, di samping boleh mengeratkan hubungan silaturahmi di antara dua keluarga, melahirkan perasaan kasih sayang dan belas kasihan seterusnya menyuburkan semangat untuk terus menghadapi cabaran-cabaran hidup.

Allah Subhanahu Wataala berfirman di dalam Surah Arr-Ruum ayat 21 bermaksud:

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir."

Perkahwinan menurut Islam adalah ibadah, sunnah dan perjalanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Melalui perkahwinan, akan dapat mengelakkan dari keruntuhan akhlak, menjaga diri dari tercedur

Perkahwinan dalam Islam

ke lembah kehinaan dan dosa. Dengan itu juga akan dapat memelihara iman, akhlak dan Islamnya serta dapat menyempurnakan tuntutan agama.

Perkahwinan itu bertujuan untuk memenuhi tuntutan naluri kemanusiaan, dari segi perhubungan jenis, pergaulan, berkasih sayang, bertimbang rasa dan cara yang halal untuk mendapatkan zuriat dan keturunan kerana ikatan perkahwinan itu menghalal dan membolehkan lelaki dan perempuan hidup bersama sebagai suami isteri melalui akad nikah dengan persetujuan dan kerelaan kedua-dua pihak.

Betapa pun demikian, seseorang yang hendak mendirikan rumah tangga atau berkahwin itu perlulah mempunyai kemampuan yang sempurna, umpamanya dari segi keinginannya, kesanggupannya mengeluarkan belanja (mahar), berupaya menanggung nafkah isteri dan sebagainya. Maka jika perkara-perkara tersebut dapat

dilaksanakan dengan sempurna, pastilah kehidupan rumah tangga akan sejamin seterusnya akan berdaya menjalani arus kebahagiaan, aman damai, hidup berkekalan.

Di samping itu, rumah tangga hendaklah dijiwai dengan rasa tanggungjawab terhadap tugas dan peranan masing-masing (suami dan isteri) seperti yang dituntut oleh Islam dan melaksanakannya dengan jujur, ikhlas dan amanah serta penuh iltizam kerana ianya menjadi pokok pangkal dan titik tolak kebahagiaan dan keberuntungan sesebuah rumah tangga. Inilah pangkal wujudnya rasa kasih sayang yang terjalin di antara suami dan isteri, seberat-bebat beban, kesulitan-kesulitan keadaan tidak akan tersesat bahkan akan dapat ditempuh bersama asalkan ada di jiwa kedua-duanya sifat-sifat jujur, ikhlas dan amanah.

Rumah tangga dan keluarga adalah



amanah dari Allah ke atas para suami dan ayah. Dari itu ianya hendaklah dijaga, dipelihara dan diuruskan dengan sebaik-baiknya. Jangan diabaikan jauh sekali untuk dikhianati. Begitu juga, keluarga bahagia dan diredai Allah tidak akan dapat dibentuk jika isteri tidak sama memainkan peranan ke arah membentuk keluarga tersebut. Setiap isteri bertanggungjawab untuk melaksanakan segala tugas dan tanggungjawabnya terhadap suami dan keluarga sebagaimana yang digariskan oleh Islam.

Tegasnya, untuk mewujudkan sebuah perkahwinan yang bahagia dan diredai Allah itu, ianya hendaklah dibentuk dan diasaskan atas, nilai ajaran dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam. Ianya tidak akan terbentuk melainkan dengan penghayatan Islam sepenuhnya sebagai ad-din dan yang syumul serta cara hidup yang sempurna dalam erti kata sebenar.

Diriwayatkan oleh Al-Baiqahi, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

"Barangsiapa beristeri (berkahwin) bererti ia telah memelihara sebahagian agamanya. Kerana itu, hendaklah ia bertakwa kepada Allah untuk memelihara sebahagian yang tinggal."



GEJALA sosial seterusnya yang menjadi isu perbincangan kita dalam edisi TEROPONG PELITA kali ini ialah mengenai dengan perbuatan LEPAK. Lepak seperti mana yang telah difahami ramai adalah perbuatan bertahan disebuah tempat atau kawasan untuk waktu yang cukup lama tanpa membuat perkara yang berfaedah. Menurut Tesaurus Bahasa Melayu pula ia adalah sama dengan melepak atau menganggur. Apa pun takrif dan pengertian perkataan 'lepak' itu, apabila disebut saja, rata-rata orang kitani akan faham dengan maksud dan pengertiannya.

Lepak, pada masa kini boleh dikatakan sudah menjadi budaya dalam masyarakat kita Melayu, tidak kira di mana sama ada di negara ini atau di mana saja negara-negara Melayu di rantau sebelah sini. Budaya lepak ini sebenarnya adalah budaya Barat yang telah dimpor ke dalam budaya orang Melayu. Orang Barat yang menganggur selalunya akan berpelesenan dan berkumpul di sebuah tempat seperti gedung-gedung perniagaan, panggung wayang, kaki-kaki lima, kolong-kolong jambatan dan di mana saja tanpa membuat aktiviti yang berfaedah. Lazimnya mereka akan merokok dan minum, bercerita dan kadang-kadang mengganggu orang yang lalu-lalang.

Pada hakikatnya lepak ini adalah suatu perkara

yang baik jika ianya dipergunakan dengan cara yang baik seperti dijadikan forum untuk mengadakan perbincangan mengenai pelajaran atau aktiviti berkumpulan. Namun apa yang kita dapati sekarang lepak ini dijadikan sebagai medan untuk merancang dan mengadakan perkara yang kurang dan tidak berfaedah. Ini kerana, dari melepak, mereka kemudian akan bergerak untuk mengadakan rancangan untuk melakukan aktiviti yang kurang sihat. Misalnya merancang untuk melakukan rompak, pemerasan dan paling hebat lagi ialah bertukar pengalaman seperti menghisap jenis-jenis dadah dan sebagainya.

Pada lazimnya mereka yang melepak ini memamerkan pakaian yang luar biasa dari yang biasa. Mereka selalunya memakai pakaian yang kurang elok dan tidak kemas. Pakaian-pakaian mereka yang melepak di negara Barat sering menjadi ikutan sehingga ada yang sanggup melanggar peraturan dan hukum syariat seperti lelaki yang menindik telinga, hidung, rambut yang diinai dengan pelbagai warna yang ganjil, memasang Tatoo atau 'kiron', baju yang pendek sehingga menampakkan pusat (bagi remaja perempuan), berseluar terlondeh sehingga hampir menampakkan bahagian punggung yang semestinya dilindungi.

Budaya seperti ini pada

BUDAYA BARAT YANG MERACUNI REMAJA

KELOLAAN
HAJI DAYANG HK

dulunya tidak pernah ada dalam masyarakat Melayu kita di sini. Orang Melayu pada zaman dulu memang memelihara peradaban dan tatasusila mereka. Pendedahan dan pengawalan adab tatasusila ini telah ditanamkan sejak awal lagi oleh ibu bapa kita dan ianya diperhalusi apabila kita semakin dewasa dan bersekolah.

Tapi ramai yang beranggapan mereka yang seperti itu adalah hidup dengan cara lama atau lebih dikenali 'stail lama' atau kuno. Bagaimanapun, inilah hakikat perkembangan dunia yang serba moden dan canggih. Istilah dunia tanpa sempadan atau dunia global atau lebih ringkas lagi globalisasi kini telah melanda dan membentuk penghidupan kita sekarang. Pengawalan, pemantauan dan penilaian adalah tiga aspek yang terpenting bagi seseorang untuk terus hidup masa kini. Ini kerana mereka yang kurang bijak dalam tiga aspek berkenaan akan 'terkulipit' dari landasan penghidupan. Mereka akan terjebak ke lembah hina dan menjadi tercicir dan kecundang dalam perjuangan untuk hidup.

Perbuatan lepak ini juga sering digunakan dengan baik tetapi dalam waktu yang salah. Umpamanya anak-anak sekolah yang lepak di kafe-kafe siber. Mereka sebenarnya mempunyai tujuan murni untuk lebih meningkatkan lagi pengetahuan mereka dalam komputer. Namun apa yang salah ialah mereka sering pon-

teng sekolah untuk tujuan itu. Mereka akan melepak di kafe-kafe siber pada waktu-waktu sekolah sehingga kerja-kerja utama untuk bersekolah mereka abaikan.

Kerajaan melalui jabatan-jabatan tertentu sudah pun melaksanakan apa yang dihasratkan akan dapat memberikan faedah kepada remaja-remaja kita. Umpamanya dengan menyediakan perkhidmatan perpustakaan pada waktu cuti-cuti awam, pusat riadah, rancangan kemajuan belia, aktiviti-aktiviti ko-kurikulum seperti pengakap, pandu puteri, bulan sabit merah dan sebagainya. Alangkah bertaunya kita jika mempunyai remaja yang berfikir positif dan proaktif dan berwawasan jauh ke depan. Kita bangga dengan mereka yang disebut sebagai aset paling berharga bagi membangunkan negara ini.

Di samping itu 'turutan' ibu bapa atau orang tua-tua kitani adalah masih amat diperlukan dalam hal ini. Untuk membentuk manusia atau 'jalama' yang 'adun' dan 'titih' teguran membina adalah wajar. Pemantauan yang berterusan mungkin akan membuahkan hasil yang lebih baik lagi untuk remaja kitani. Dalam hal ini pendidikan yang bermula dari rumah lagi adalah sangat mustajab. Para remaja perlu dibentuk sejak dari rumah lagi. Mereka hendaklah didedahkan kepada latih-tubi dalam menilai perkara yang berfaedah, kurang berfaedah dan tidak berfaedah langsung.

Begitu juga untuk menilai wawasan mereka tentang mana satu wawasan jangka pendek dan mana satu lagi wawasan

untuk jangka panjang. Mereka juga harus dilatih untuk bertanggungjawab. Berilah mereka satu tugas yang mencabar sikap bertanggungjawab mereka. Dengan yang demikian mereka akan belajar berfikir dan menilai. Jika mereka terus diberikan 'Spoon feed lesson' maka mereka akan menjadi 'jalama' yang sering menunggu dan menanti dan tidak proaktif. Dengan itu juga mereka menjadi manusia yang berani menghadapi apa jua cabaran dan bertidak bijak dalam membuat keputusan.

Apa yang penting juga yang mesti diasuh dan ditanamkan pada diri remaja kitani ialah mengenai pengurusan masa yang bijak. Pengurusan masa ini adalah amat penting dalam penghidupan dan ia boleh menjadi ubat dan penawar dalam segala hal apatah lagi dalam isu 'lepak' ini. Dengan mengurus masa secara bijak, segala aktiviti akan terlaksana mengikut sasaran dan jadual dan keberkesanan-nya adalah jelas. Perkara ini adalah juga disyariatkan dalam agama kita, agama Islam untuk mengelakkan dari sikap membuang masa. Agama Islam menganggap mereka yang membuang masa itu adalah mereka yang sentiasa dalam kerugian.

Demikian antara intipati yang kita dapat hurai dalam mengupas isu gejala sosial 'lepak' ini. Memang ia memerlukan perjuangan tinggi dan pengorbanan yang besar dalam menangani isu ini. Namun jika kita hanya berharap pada doa dan harapan saja, ia mungkin tidak akan menjadi, tanpa usaha dan langkah pungkur ke hadapan dari kita.

BICARA IT

'INTERNET/WEB', ALTERNATIF PENERBITAN BERCETAK

'lebih mudah, cepat dan berkesan'

Kelolaan: Sahari Akim/Siti Aishah Haji Selamat
Sumber: Kementerian Kewangan

PENYEBARAN maklumat suatu ketika dahulu tertumpu melalui bahan-bahan penerbitan bertulis/bercetak dan seumpamanya. Ia disusuli dengan terciptanya peralatan telekomunikasi seperti telefon, mesin fax termasuk radio dan televisyen. Kini di era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang serba canggih ini, penyebaran maklumat boleh dibuat secara lebih mudah, cepat dan berkesan melalui IT.

Kalau kita membicarakan mengenai 'penerbitan bahan bercetak dan bertulis' umpamanya, pada peringkat awal ia ditulis atau dipahat di atas batu dan di atas kulit-kulit binatang. Tamadun manusia mengubah cara tersebut dengan terciptanya mesin cetak (Gutenberg 1440) yang kemudiannya terus mengalami perubahan dari segi kualiti dan keupayaan.

Untuk beberapa dekad lamanya masyarakat terbiasa mengikuti atau mendapatkan maklumat melalui bahan-bahan terbitan seperti surat khabar, majalah-majalah, buku-buku dan sebagainya. Sehingga sekarang pun ia masih relevan tetapi telah mengalami perubahan dengan wujudnya budaya elektronik 'e-culture' khususnya internet melalui laman-laman web, e-mel dan seumpamanya.

Kemunculan internet atau world wide web menjadikan masyarakat sejagat dari pelbagai peringkat dan kepentingan sama-sama berinteraksi dalam sebuah jaringan raksasa. Web merupakan fasiliti yang sangat disukai meskipun ia dianggap baru berbanding e-mel.

Dokumen-dokumen mengandungi maklumat tersebar luas di seluruh dunia melalui satu jaringan internet dengan format HTML (Hypertext Markup Language) yang disimpan dalam komputer server berbentuk file dikenali web page atau page. Kemudian muncul software yang disebut Mosaic sebagai browser internet yang berhasil mengubah web menjadi sebuah platform untuk penerbitan dokumen.

Kalau dalam industri penerbitan konvensional memerlukan empat unsur penting seperti Pengarang/Penulis, Pencetak, Penjual dan Penerbit, di samping menjalani banyak kerja-kerja teknikal selain memerlukan kos yang agak besar tetapi melalui web ia boleh dilakukan secara perseorangan dengan kos yang sangat rendah.

Kini kandungan surat khabar dan majalah sebagai contoh dapat dilihat melalui web walaupun isinya sedikit berbeza. Kecepatan penyebaran maklumat seperti ilmu pengetahuan, perniagaan, transaksi kewangan dan sebagainya yang kini boleh dibuat dengan cepat juga dapat mengatasi keterbatasan ruang, waktu, birokrasi dan jarak.

Sejak tahun 1993 internet digunakan secara umum baik di sektor awam, sektor swasta, organisasi mahupun persendirian. Kini internet 'menjadi milik semua orang' selain menjadi saluran pertukaran maklumat sejagat.

Internet telah mengubah aspek penghantaran dan pemindahan maklumat. Semua orang, dengan menggunakan sebuah komputer/modem, jaringan dan talian telefon dapat melaksanakan pelbagai urusan tugas termasuk menerbitkan jurnal atau mengatur sebarang perjumpaan.

Perkembangan teknologi Web juga menjadikan pertukaran/pengaksesan maklumat dan pertukaran data semakin mudah dan cepat tanpa batasan waktu serta dapat dilakukan oleh siapa saja yang akses dengan jaringan.

Ada beberapa faktor mengapa Web menjadi begitu penting dalam menyimpan dan menyebarkan maklumat. Antaranya melalui cara 'elektronik', ia lebih efisien dan efektif; Warga jaringan di seluruh dunia boleh mendapatkan maklumat tanpa harus menunggu versi cetak (media cetak); maklumat yang didapati tidak terbatas dan mudah mendapatkan maklumat atau berita sebenar mengenai kejadian yang terjadi di pelusuk dunia.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirikkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunei.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

S
i
B
u
d
i
m
a
n

PERAKARAN BESAR-BESARAN
PERKAHWINAN DI RAJA MENGEILINGI
BANDAR SERI BEGAWAN....

EH...MUN MIATU BAIK TAH KITANI
BERAMAI-RAMAI BEURUNG-URUNG.
MERAMAIKAN SUASANA PERAKARAN
PENGANTIN BARU DIRAJA ATU....
BAUMUR MAKA BAUMUR BARU TAH
DAPAT MALIAT ACARA BESAR-BESARAN
DAN GILANG GAMILANG MACAM ANI....



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Jauhi Dari Amalan Sesat'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Jauhi diri dari amalan sesat

ISLAM merupakan agama yang suci, lengkap dan sempurna lagi komprehensif kerana ia diasaskan atas tiga komponen utama iaitu akidah, syariat dan akhlak. Ketiga-tiga komponen itu menjadi tulang utama kepada kekuatan, kesempurnaan dan keindahan Islam.

Apa yang disebutkan di atas bersangkut-paut dengan keadaan masyarakat Islam sejak dari dahulu lagi hinggalah ke hari ini. Islam menuntut umatnya agar mempelajari ilmu yang berguna dalam apa jua bidang asalkan ia tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Dalam keghairahan untuk mempelajarinya, maka timbul kekeliruan di kalangan umat Islam dalam memahami mengenai akidah Islam yang sebenar-benarnya.

Dari situ timbul pelbagai fahaman, ajaran dan amalan sesat yang dibawa oleh golongan-golongan tertentu yang mempunyai kepentingan hawa nafsu dan kebendaan bagi menyesatkan masyarakat Islam agar jauh terpesong dari landasan ajaran Islam yang sebenarnya.

Pelbagai cara dan helah serta ciri-ciri ajaran sesat yang diamalkan seperti mempercayai bahawa gurunya boleh menebus dosa dengan wang, mempercayai bahawa orang yang telah mati boleh memberi pertolongan apabila diseru namanya. Berlaku juga amalan sesat dengan cara memohon pertolongan dengan benda-benda tertentu seperti batu, cincin dan sebagainya untuk memenuhi hajat yang diinginkan.

Malah kadang-kadang tidak tanpa disedari kepercayaan dan amalan berhubung dengan perkara mistik (ilmu kebatinan) dan khurafat juga boleh menyebabkan kita terpesong dari ajaran agama Islam. Perkara tersebut di antaranya ialah dari segi aspek pemujaan iaitu pemujaan ke tempat-tempat yang dianggap keramat dan mempunyai kelebihan serta keistimewaannya dan ini ditambah

lagi dengan kepercayaan kepada sesuatu kuasa kesaktian, amalan-amalan batin yang menjurus kepada matlamat untuk mendapatkan kelebihan-kelebihan yang luar biasa untuk mendapatkan kemegahan diri sendiri seperti kebal, ghaib dan sebagainya. Perkara tersebut juga turut menjadikan sebahagian masyarakat Islam berclaru dan terpengaruh.

Dari sinilah aturcara disusun dalam bentuk halus dan teliti supaya tidak mudah dikesan oleh umat Islam yang rata-rata berusaha untuk memisahkan masyarakat Islam selain memperdayakannya dengan ajaran dan amalan yang jauh menyimpang dari landasan akidah Islam yang sebenarnya. Strategi jahat mereka dibuat sebegini halus bak kata pepatah 'umpama menarik sehelai rambut di dalam tepung'.

Justeru itu, kita selaku umat Islam wajib berpegang kepada empat sumber hukum yang ada iaitu Al-Quran, Al-Hadis, Ijmak Ulama dan Qias selain mengetahui hal-hal pendidikan agama Islam yang syumul selain berguru dengan para pendidik yang betul-betul arif tentang keagamaan selain harus peka dengan perkembangan zaman yang semakin moden dan canggih ini, bagi mengelak dan menjauhkan diri dari amalan-amalan sesat yang boleh menjerumuskan kita ke lembah kesesatan yang tidak sepatutnya kita ikuti.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hasyr ayat 7 yang tafsirnya: "Dan apa yang didatangkan Rasul kepada kamu maka hendaklah kamu ambil akan dia, dan apa yang ia tegakkan kamu daripadanya, maka hendaklah kamu berhenti."

Haji Azmi bin Haji Asmat
No: 330 A,
Simpang 324,
Kampung
Sengkurong B',
BG 1321.
No. k/p : 00-260934

Pegangan Ahli Sunnah Waljamaah hindari ajaran sesat

ERA globalisasi tidak dinafikan telah banyak membawa perubahan-perubahan kepada kemajuan sesebuah negara. Arus perubahan-perubahan ini pula turut mengheret manusia untuk sama mensejajarkan diri dengan arus pemodenan dan ianya terserlah kepada budi bicara dan kebijaksanaan setiap individu untuk menilai mana yang positif atau yang negatif.

Dari segi Islam pula, keadaan ini memerlukan kemantapan akidah dan kekuatan iman untuk memandu umat Islam khususnya ke arah jalan yang selamat dan direcai Allah Subhanahu Wataala.

Dalam memperkukuhkan akidah, adalah penting bagi setiap umat Islam mengetahui kriteria-kriteria ajaran-ajaran sesat dan bertentangan dengan

agama Islam.

Di antara kriteria-kriteria ajaran sesat itu yang pernah didedahkan di dalam surat khabar ialah kepercayaan kepada penyatuan beberapa agama terbesar di dunia sebagai agama yang sepatutnya menjadi anutan kepada umat manusia; mentafsirkan Al-Quran dan menghuraikan Al-Hadis mengikut sesuka hati serta pendewaan diri atau pemimpin atau kumpulan ajaran tersebut secara yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

Adalah dimaklumi bahawa akidah Ahli Sunnah Waljamaah itu ialah golongan yang mendukung atau mengamalkan ajaran-ajaran yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang dipanggil juga Sunnah Rasulullah yang menjadi ikutan dan pegangan umat

Islam di Negara Brunei Darussalam.

Dalam mengharungi kehidupan seharian umat Islam di negara ini perlu sentiasa berhati-hati dalam menerima ajaran-ajaran yang baru diterima dan memastikan setiap yang diterima itu tidak menyelewang.

Adapun penyelewengan akidah ini berlaku antara lain melalui penafsiran ayat-ayat dan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang tidak tepat yang hanya mengikut selera mereka yang tidak bertanggungjawab.

Selain itu penyebaran melalui kitab-kitab agama dan risalah-risalah yang isinya diselewengkan juga boleh menyelewengkan kepercayaan beragama, apatah lagi dengan kecanggihan teknologi maklumat yang memberikan

laluhan kepada pelbagai maklumat dengan lebih pantas.

Bagaimanapun, umat Islam yang mempunyai akidah yang kukuh, kuat dan betul, insya Allah akan berjaya menempuh setiap cabaran dan liku kehidupan dunia ini dan pastinya tidak akan mudah tergugat dengan apa jua keadaan dan pengaruh.

Juga diyakini bahawa agama yang hanya diterima oleh Allah Subhanahu Wataala ialah agama Islam dan ini jelas dinyatakan melalui firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 85 yang tafsirnya:

"Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan ia pada Hari Akhirat kelak tergolong dari orang-orang yang

rugi."

Islam adalah agama yang sangat indah, cukup lengkap dan ajarannya memenuhi keperluan serta ruang lingkup kehidupan manusia sejagat, tidak ada sebarang kekurangan atau kepincangan, di samping memberikan keseimbangan di antara kehidupan dunia dan akhirat.

Untuk kesimpulannya, tunjang dan kekuatan umat Islam khususnya di negara ini dalam berdepan dengan bermacam-macam aliran dari musuh-musuh yang bertopengkan Islam tidak lain dan tidak bukan sentiasalah berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

Mohd. Hadie bin Haji Marsidi,
No. 10, Simpang 662,
Kampung Salambigar,
Jalan Muara, BC 1515.
No. k/p : 01-036310

Kuatkan iman dan pelajari hukum Islam

SEBAGAIMANA yang kita ketahui bahawa amalan-amalan sesat ini bukanlah baru kita dengar dan dapati dalam kehidupan kita seharian, malah ianya sudah ada sewaktu zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mana waktu itu syiar Islam baru saja bertapak dan mula berkembang. Sebenarnya kebanyakan pengamal-pengamal amalan sesat ini adalah berpunca dari diri mereka sendiri kerana disebabkan kurangnya pengetahuan dalam bidang agama, lemah keimanan, jahil mengenai hukum-hukum agama dan sebagainya.

Di dalam masyarakat masih banyak terdapat amalan-amalan sesat yang masih dilakukan atau digunakan pakai iaitu tanpa kita sedari ataupun sebaliknya, contohnya seperti membuang ancak iaitu memberi makan hantu syaitan atau jin kononnya dapat menyembuhkan orang sakit, mamakai tangkal azimat yang bertujuan untuk mendatangkan kebaikan dan keselamatan bagi orang yang memakainya, percaya perkara yang akan berlaku dengan datangnya ular ke dalam rumah, percaya perkara yang baik akan berlaku dengan datangnya kupu-kupu di dalam rumah dan banyak lagi.

Malahan ada segelintir masyarakat kita yang menganggap amalan-amalan

sesat yang mereka lakukan tersebut adalah sebagai sebahagian dari dat resam turun-temurun orang Melayu kita dari zaman-berzaman. Sehingga kan ada di kalangan kita memegang kuat dan sangat berpegang teguh kepada amalan berkenaan, bak kata pepatah 'biar mati anak, jangan mati adat'.

Di sini cuba kita fikir dan renungkan bersama, memanglah secara dasarnya kita semua amat menyanjung tinggi semua adat resam kita itu, apatah lagi ianya adalah hasil tinggalan dari nenek moyang kita sendiri. Namun jika kita biarkan anak kita mati begitu saja dengan alasan untuk menyanjung tinggi adat resam berkenaan agar tidak pupus ditelan zaman, siapakah pula yang akan menyambung adat resam berkenaan di masa hadapan dan menyambung zuriat kita untuk generasi akan datang? Jika ianya terjadi sudah tentu ianya telah melanggar dari segi hukum syarak sedangkan Allah Subhanahu Wataala itu sendiri inginkan umatnya memperbunakkan zuriat.

Jadi alangkah baiknya jika semua adat resam yang jika waris turun-temurun itu tidak ada satu pun melanggar dan menyalahi dari ajaran agama Islam yang suci ini, bak kata pepatah 'adat ber-sendingan syarak, syarak bersendirikan kitabullah'.

Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam pernah bersabda mengenai perkara ini yang lebih kurang bermaksud, "Tidak ada jangkitan, tidak ada sempena baik dengan burung, tidak ada sempena jahat dengan burung hantu dan tidak ada sempena jahat dengan safar, larilah kamu daripada orang yang berpenyakit kusta seperti kamu lari daripada singa."

Di sini kita dapat dilihat bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menegah sama sekali umatnya untuk mempercayai sesuatu itu yang hanya membayangkan akan terjadi kebaikan atau keburukan pada masa akan datang dengan berpandukan sesuatu objek, binatang dan sebagainya dan ini juga secara langsung bagi banyak, keburukan yang bakal diterima dan menimpa bagi orang yang mengamalkan amalan-amalan sesat berkenaan, contohnya merosakkan akidahnya, dirinya akan menjadi seorang individu yang pengecut dan mundur daya pemikirannya kerana takut kepada perkara-perkara yang bukan-bukan, membawa pembaziran wang ringgitnya kerana mengadakan persembahan kepada keramat, hantu dan sebagainya, membuang masa dan tenaganya kerana memenuhi kehendak amalan karut atau sesat dan banyak lagi.

Jadinya, kita sebagai umat Islam yang beragamaan agama tauhid,

hendaklah membuang jauh amalan-amalan sesat berkenaan dari diamalkan di dalam kehidupan kita seharian, kerana ianya bukan saja mendatangkan banyak keburukan malah jika ianya diamalkan akan menjadi satu dosa yang tidak dapat diampunkan oleh Allah Subhanahu Wataala kerana percayakan yang lain selain daripada-Nya.

Sedangkan perkara yang buruk, baik, jodoh, maut pertemuan dan semua yang berlaku itu

adalah dari kehendak-Nya jua. Maka berpegang teguhlah kita kepada ajaran Al-Quran dan Hadis Rasulullah kerana hanya dua ajaran ini sahaja yang akan dapat menyelamatkan kehidupan kita di dunia dan di akhirat.

Haji Dasnan bin Haji Abdul Rahman,
No. 10, Simpang 134-8,
Perumahan Expo
Kampung Rimba,
Gadong, BE 3119.
No. k/p : 00-257885

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Tanpa Guru Siapalah Kita'. Tarikh tutup 8 September 2004.
2. 'Guru Berperanan Membentuk Keupayaan Generasi Masa Depan'. Tarikh tutup 15 September 2004.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada:

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
emel: pelita@brunet.bn

REMAJA

TELADAN

OLEH H. A. MANAP

HANYA tinggal beberapa hari sahaja lagi negara kita akan dimeriahkan dengan suasana kegembiraan dan kerianan sempena Istiadat Perkahwinan Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al Mubtadee Billah dan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahman. Duli Yang Teramat Mulia mempunyai kewibawaan yang patut menjadi contoh dan teladan para remaja belia. Sebenarnya dalam usia muda remaja Duli Yang Teramat Mulia, layak patut menjadi teladan para remaja belia kerana cara dan pembawaan yang ditunjukkan oleh Duli Yang Teramat Mulia itu sendiri. Ada beberapa perkara dalam ruang yang terhad ini dapat kita jadikan sebagai sandaran dan asas mengenainya. Antaranya Duli Yang Teramat Mulia amat mengambil berat tentang perhatian terhadap menghormati kedua ibu bapa ini jelas seperti yang pernah disarankan oleh Duli Yang Teramat Mulia kepada para remaja dan pelajar-pelajar.

Selain menyarankan pelajar atau remaja sekolah terus meningkatkan ilmu pengetahuan terutama dalam bidang sains dan teknologi, maka sebagai anak bangsa yang mengenal 'jati diri', Duli Yang Teramat Mulia tidak teragak-agak mengajak para pelajar atau remaja Brunei mengambil inisiatif untuk sentiasa memberikan penghormatan kepada orang tua atau ibu bapa. Sabda Duli Yang Teramat Mulia: "Kita dilahirkan, diasuh, dididik dan dibimbing dengan penuh rasa tanggungjawab dan kasih sayang oleh kedua ibu bapa kita sehingga kita dewasa tanpa mengharap apa-apa balasan. Maka kita selaku seorang anak, sewajarnya kita mengenang jasa-jasa mereka itu, di samping mentaati dan menghormati mereka serta mencurahkan bakti dan mendoakan kesejahteraan mereka, mudah-mudahan mereka dan juga kita sendiri akan sentiasa dirahmati dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala."

Jelas dari sabda Duli Yang Teramat Mulia ini mengandungi mesej yang penting betapa hubungan anak-anak terhadap ibu bapa hendaklah sentiasa diberikan perhatian. Remaja belia hendaklah memahami bahawa mesej yang jelas adalah untuk tidak mengabaikan tentang kedua-dua ibu bapa yang telah bersusah payah membe-

sarkan dan mendidik dengan penuh dedikasi agar menjadikan kita semua sebagai anak-anak yang berguna. Visi Duli Yang Teramat Mulia dari sabda ini ialah untuk melahirkan generasi yang berkualiti dan tidak mengabaikan tanggungjawab dan pemedulian terhadap kedua-dua ibu bapa. Keprihatinan ini jelas terbayang dalam arus kehidupan yang kita lalui sekarang ini, kita perlu lebih berhati-hati dan tidak bertolak dari sentiasa mendampingi dan mengasahi kedua-dua ibu bapa. Salah satu lagi perkara penting yang menjadi perhatian Duli Yang Teramat Mulia ialah mengenai dengan pelajaran ilmu membaca Al-Quran. Sebagai anak yang terasus dalam bidang keagamaan pula, Duli Yang Teramat Mulia amat peka dalam pembelajaran agama ini, lebih-lebih lagi dalam bidang bucaan Al-Quran.

Pada hemat Duli Yang Teramat Mulia, ilmu membaca Al-Quran adalah satu cabang ilmu yang istimewa, yang berkehendakkan kesungguhan dan minat yang ikhlas untuk mencapainya. Ia bukanlah suatu ilmu yang boleh disambat-simbat, tetapi berkehendakkan penumpuan yang khusus serta ketabahan hati. Maka oleh hal yang demikian Duli Yang Teramat Mulia sukacita mengajak umat Islam di Negara Brunei Darussalam supaya sama-sama mempelajari ilmu membaca Al-Quran sehingga tamat atau khatam. Khususnya generasi baru, janganlah ketinggalan mempelajari ilmu membaca Al-Quran kerana jika tertinggal bererti generasi baru akan mendapat kerugian di dunia dan di akhirat. Lihatlah betapa indahnya saranan Duli Yang Teramat Mulia ini, yang bukan setakat mencakupi di bidang duniawi malahan juga soal-soal keakhiratan juga menjadi tumpuan Duli Yang Teramat Mulia.

Dalam satu pertemuan pada 27 Ogos 1997 di Dewan Persidangan Utama, Kementerian Pendidikan kepada pelajar-pelajar dan rakan-rakan sebaya Duli Yang Teramat Mulia, yang akan melanjutkan pengajian di negara Barat khususnya United Kingdom, Duli Yang Teramat Mulia mendoakan mereka semoga akan melangkah ke negara orang sebagai anak Brunei, berada buat sementara waktu di negara orang sebagai anak Brunei dan insya-Allah akan kembali dengan jayanya ke tanah air sebagai anak Brunei ... yang nanti akan berperanan sebagai tenaga untuk terus membentuk Negara Brunei Darussalam yang dicintai ini. Duli Yang Teramat Mulia juga menyebutkan sebagaimana yang dialami sendiri oleh Duli Yang Teramat Mulia, bahawa hidup di negara Barat bukanlah satu perkara yang mudah. Namun begitu kalau berhati-hati, insya-Allah hidup seseorang itu akan sentiasa di dalam keadaan yang baik. Duli Yang Teramat Mulia menekankan:

"Kita patut berkeadaan seperti ikan di laut dengan rupa dan rasa isinya masing-masing. Biar pun mereka berada di air masin sejak menetas hingga tertangkap, namun keaslian rasanya tetap utuh. Air masin merupakan hasil ciptaan Allah yang paling global sifatnya. Namun air masin itu tidak juga mampu mengubah rasa yakni ikan itu dan menjadikannya masin walaupun berapa lama di laut sekalipun, tidak mungkin isinya menjadi masin."

Renungkanlah para remaja belia semua sebahagian dari contoh teladan dan pandangan yang amat teliti dan bernilai dari Duli Yang Teramat Mulia ini semoga ia akan menjadi pendorong dan juga asas dalam meningkatkan kehidupan yang lebih baik dan berbhagia. Sama-sama kita berdoa semoga Allah akan mengurniakan kebahagiaan dan kesejahteraan kepada mempelai diraja ini. Amin.



PARA rekrut polis baru dan pegawai-pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei ketika mengadakan Kempen Derma Darah di Dewan Serbaguna Pusat Latihan Polis.

HOSPITAL RIPAS KUTIP LEBIH 100 PAIN DARAH

Oleh Haji Ahmad HS

GADONG, 14 Ogos. - Tabung Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) hari ini berjaya menambah lagi bekalan darah yang masih tersimpan iaitu 5,578 pain darah dengan berjaya mengutip kira-kira lebih 100 pain darah daripada rekrut polis baru dan pegawai-pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Kempen Derma Darah yang berlangsung di Dewan Serbaguna Pusat Latihan Polis itu diketuai oleh Komander Pusat Latihan Polis, Penguasa Mohd. Zaini bin Haji Mohd. Sarip merupakan projek tahunan yang diadakan dua kali setahun oleh Pusat Latihan PDB.

Menurut ASP Mohd. Sahri bin Haji Ahmad, kempen itu diadakan dua kali setahun yang dijalankan oleh Pusat Latihan PDB dan aktiviti menderma darah akan dijalankan lagi minggu hadapan oleh 100 orang anggota rekrut PDB.

Manakala Ketua Penyelia Tabung Simpanan Darah Hospital RIPAS, Pengiran Haji Bungsu bin Pengiran Haji Chuchu mengalu-alukan orang ramai, sama ada secara berkumpulan ataupun perseorangan untuk menyumbang darah kepada Tabung Darah Hospital RIPAS dengan datang sendiri ke Hospital RIPAS ataupun boleh membuat panggilan kepada tabung talian 2242424 sambungan 338 waktu bekerja.

Beliau seterusnya mengharapkan lebih ramai tampil ke hadapan untuk menyumbang darah demi memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukan darah. Kerana, tambahnya, darah yang sedia ada belum mencukupi yang menyebabkan pihaknya tidak henti-henti menjalankan kempen mengutip darah di seluruh negara.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 18 Ogos 2004

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.



Sila berikan nama penuh gambar di atas?

Mohd. Zaini bin Mohiddin,
Sekolah Rendah Tungku, Gadong.
Umur : 10 tahun

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 633

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar, 633,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR

Apakah jawatan yang dipegangnya dalam kerajaan sekarang?

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 18 Ogos 2004

Nur Iliya Hanania binti Mahai,
Sekolah Rendah IQRA.
Umur : 8 tahun

Norasidah binti Haji Yusof,
Sekolah Rendah Bendahara Sakam
Bunut.
Umur : 9 tahun

Mempunyai daya saing tinggi dan sentiasa memfokus kepada pelanggan

BERAKAS, 5 Ogos. - Perkhidmatan Awam negara hendaklah mempunyai daya saing yang tinggi dan sentiasa memfokus kepada pelanggan (customer focussed), di samping mempunyai kepimpinan yang bijak-sana dan berwawasan, tenaga kerja yang bertanggungjawab, dedikasi, rajin, berdisiplin, beretika dan berpengetahuan serta mempunyai budaya kerja yang sentiasa mementingkan kecemerlangan bagi menyahut cabaran-cabaran abad ke 21.

"Kita tentunya tidak mempunyai daya saing sejagat sekiranya sistem penyampaian perkhidmatan kita berada di peringkat yang lemah dan kita tidak akan dapat menikmati tahap kemakmuran yang tinggi sekiranya kita tidak berdaya saing," jelas Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Awang Sa Bali ketika menyampaikan ceramah di Simposium Integriti Dalam Perkhidmatan Awam di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Beliau juga selaku Pengerusi Urusetia Simposium berkenaan menjelaskan, sistem pemberian perkhidmatan yang efisien akan melicinkan lagi ruang hubung kait di antara kerajaan, Perkhidmatan Awam dan dunia perniagaan serta akan menyinkronkan satu faktor bahaya bagi perniagaan.

Menurutnya, apabila perniagaan berjalan lancar, negara akan bertambah makmur dan akan memberi faedah kepada setiap orang.

"Dengan memastikan setiap pegawai dan kakitangan mengetahui tentang matlamat-matlamat kita dan juga tentang piawai-piawai perkhidmatan seperti mana yang terkandung dalam Tekad Pemuduan Orang Ramai (TPOR) akan mendorong mereka untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik," katanya.

Beliau menambah, prestasi cemerlang Perkhidmatan Awam dalam semua aspek dalam memberikan perkhidmatan yang dikehendaki akan sendirinya meningkatkan lagi tahap integriti Perkhidmatan Awam.

Terdahulu, Pengarah Perkhidmatan Pengurusan menghuraikan secara terperinci mengenai kefahaman, perkembangan, cabaran melalui tajuk 'Tekad Pemuduan Orang Ramai: Keperluan, Cabaran dan Implikasinya'.

Katanya, Perkhidmatan Awam tidak dapat disangkalkan lagi telah memainkan peranan penting dalam usaha membangun negara ini dalam

Oleh
Samle HJ

pelbagai bidang.

Jentera pentadbiran yang mantap akan setentunya mendorong dan menggerakkan negara ini ke satu tahap pembangunan yang akan memenuhi kehendak-kehendak semua pelanggan dan 'stakeholders'.

"Adalah juga tidak dapat dinafikan bahawa tugas mentadbir dan mengurus negara di masa-masa datang bukanlah merupakan tugas yang mudah", jelasnya pada sesi panel I yang dipengerusikan oleh Pengarah Institut Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Azaharaini bin Haji Mohd. Jamil.

Katanya, sama ada sedar atau tidak, kita sedang dan akan secara berterusan sentiasa menghadapi pelbagai cabaran ketika membuat penilaian terhadap yang terjadi di sekeliling dan perlu sentiasa sensitif terhadap semua perubahan yang terjadi dengan mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi memastikan Perkhidmatan Awam dan kerajaan sentiasa relevan.

Dalam pada itu, beliau menggariskan cabaran-cabaran dan isu-isu yang perlu bagi pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam hadapi termasuklah merosotnya kepercayaan umum terhadap keupayaan Perkhidmatan Awam dan kerajaan dalam memenuhi serta menjaga kepentingan-kepentingan semua 'stakeholders'.

Cabaran lain termasuklah keadaan penduduk yang sudah semakin mewah, terpelajar dan berpengetahuan yang mempunyai pengharapan-pengharapan yang semakin tinggi, kumpulan yang berkepentingan yang semakin beraneka rupa, permintaan dan desakan Perkhidmatan Awam dan kerajaan untuk lebih telus, bertanggungjawab serta tahap perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam dan kerajaan.

Sementara itu, keperluan bagi memudahkan proses-proses, sistem dan prosedur-prosedur, di samping keperluan untuk memperkenalkan piawai-piawai prestasi juga merupakan antara cabaran yang akan dihadapi, jelas beliau.

Awang Sa Bali juga mengakui perhatian dan keutamaan Perkhidmatan Awam hendaklah berkembang selaras dengan keperluan-keperluan waktu yang sentiasa berganti dan yang memerlukan perubahan.

Menurutnya, salah satu

perubahan yang diperkenalkan dalam Perkhidmatan Awam negara ini ialah pelaksanaan TPOR yang telah dipekenalkan secara menyeluruh pada tahun 1995.

TPOR merupakan satu pernyataan bertulis sesebuah organisasi sebagai jaminan penyampaian perkhidmatan mengikut piawai ataupun standard yang munasabah yang ditentukan oleh tahap keupayaan organisasi tersebut.

TPOR juga merupakan strategi dalam menangani keperluan orang ramai yang menghendaki Perkhidmatan Awam yang cekap, efisien dan berkualiti, di samping secara langsung berkaitan dengan sistem penyampaian perkhidmatan.

Bagi menyebarkan TPOR, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan telah mendedarkan Buku Panduan TPOR kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan sejak tahun 1996 dan diulangi cetak pada tahun 1997 dan 2003.

Jabatan berkenaan juga melaksanakan penelitian keberkesanan TPOR di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan bertujuan untuk pengemaskinian serta memberikan nasihat serta tunjuk ajar setiap sudut yang diperlukan.

Di samping itu risalah panduan orang ramai, memberikan taklimat, mengadakan seminar mengenai TPOR juga telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

Sementara itu pementasan pelaksanaan TPOR juga dikendalikan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan, di samping penguatkuasaan TPOR juga telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dengan memberikan maklum balas kepada jabatan-jabatan yang telah diaudit.

Sehubungan dengan itu, beberapa langkah maklum balas yang konstruktif dengan menekankan persetujuan untuk menangani masalah yang ada; pernyataan mengenai persetujuan terhadap masalah

yang dikenal pasti; persetujuan terhadap punca masalah; persetujuan ke atas penyelesaian dan pelan tindakan yang kesemuanya adalah bagi mendorong untuk memperbaiki pelaksanaan TPOR di jabatan masing-masing.

Hasilnya, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dalam pada itu telah mendapati hanya 62 peratus pegawai dan kakitangan yang komited terhadap tumpuan pelanggan; 51.3 peratus pegawai dan kakitangan kerajaan yang memahami maksud TPOR; 35.4 peratus sahaja pegawai dan kakitangan kerajaan yang bersetuju kepada slogan 'customer is always right' dan hanya 49 peratus sahaja pelanggan yang berpendapat bahawa keadaan persekitaran pejabat dan kualiti penyampaian perkhidmatan oleh jabatan-jabatan kerajaan itu di peringkat yang memuaskan.

Selain itu, jabatan berkenaan juga mendapati setakat ini hanya sejumlah 62 dari 101 buah kementerian dan jabatan sahaja yang telah menghadapkan

TPOR mereka, sementara majoritinya tidak menyediakan TPOR dalaman dan sebilangan jabatan lagi didapati tidak menyediakan TPOR bagi perkhidmatan utama mereka.

Penyediaan TPOR tidak syak lagi boleh mewujudkan 'excellent service culture'; 'transparent civil service'; menjadikan pegawai dan kakitangan lebih komited dan bertanggungjawab terhadap tugas-tugas yang dilaksanakan; membantu dalam pencapaian keupayaan hati pelanggan; menjadikan Perkhidmatan Awam sentiasa berkembang maju dan tidak mudah berpuas hati dengan pencapaian yang ada, di samping menjadikan Perkhidmatan Awam lebih memfokuskan kepada pelanggan.

Di samping itu, TPOR juga boleh mengurangkan hambatan birokrasi, menjadikan pegawai dan kakitangan yang lebih kreatif dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, di samping dapat melaksanakan tugas dengan lebih cepat tanpa menjejaskan



PENGARAH Perkhidmatan Pengurusan, Awang Sa Bali ketika menyampaikan ceramah di Simposium Integriti Dalam Perkhidmatan Awam. - Gambar oleh Zul-izzi HD.

kualiti sekali gus mengurangkan kos perkhidmatan.

Awang Sa Bali menjelaskan, pihaknya telah mengenal pasti beberapa cabaran yang dihadapi seperti terdapatnya sebahagian pegawai dan kakitangan yang sama ada tidak suka atau tidak berani menghadapi perubahan; tidak berani bertanggungjawab; hanya cenderung melaksanakan tugas yang sedikit mungkin; tidak mengendahkan kepentingan organisasi; mudah berpuas hati dengan pencapaian dan tidak ada semangat untuk bekerja secara berkumpulan, di samping pengharapan awam yang tidak munasabah.

Kuasa-kuasa Juruaudit Agung Fasal 7

BERAKAS, 5 Ogos. - Kuasa-kuasa Juruaudit Agung menerusi Fasal 7 (1) Akta Audit Penggal 152 boleh memanggil sesiapa sahaja untuk memberi penerangan dan maklumat yang dikehendaki oleh Juruaudit Agung untuk membolehkannya melaksanakan tugas-tugasnya.

Di bawah kuasa itu juga membolehkan tanpa sebarang bayaran, membuat penyiasatan dan mengambil cabutan-cabutan dari apa jua buku, dokumen dan catatan yang disimpan di pejabat awam; 'access' kepada semua catatan, baucer-baucer, dokumen, wang tunai, setem dan sijil-sijil serta

barang-barang yang tertakluk kepada penguatkuasaan.

Perkara itu telah dijelaskan oleh Dato Paduka Awang Haji Metassin, Jurukira Agung, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan ketika menyampaikan taklimat mengenai Integriti dan Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan sempena Simposium Integriti Dalam Perkhidmatan Awam di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Katanya, kuasa-kuasa Juruaudit Agung dalam fasa itu untuk membolehkan pihaknya membuat pemeriksaan dengan

Oleh
Samle HJ

cara mengangkat sumpah sesiapa sahaja yang difikirkan layak untuk diperiksa atas sebarang perkara atau barangan yang perlu pada menjalankan tugas-tugasnya; boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam untuk mewakilinya bagi tujuan membuat penyiasatan dan memberi laporan kepadanya.

Beliau menambah, bidang kuasa dan tanggungjawab Juruaudit Agung telah termaktub dalam

Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan Akta Audit (Penggal 152) dan pindaan melalui Perintah Perlembagaan Negara Brunei Darussalam di bawah Bab 83 (3).

Seperti jabatan-jabatan yang lain, Jabatan Audit juga mempunyai matlamat seperti menyebarkan dan melapor penemuan-penemuan audit dalam waktu yang tepat, di samping meningkatkan dan memantapkan kawalan dalaman semua agensi kerajaan.

Jabatan itu juga memfokus penguatkuasaan kepada prinsip 'preventive' daripada 'detective', meningkatkan tahap profesionalisme, memastikan perolehan dan kutipan hasil dibuat dengan cara yang berhemat dan 'value for money', di samping melibatkan sebagai pemerhati dalam mana-mana pembaharuan di dalam Perkhidmatan Awam.

Jabatan Audit juga telah menjalin kerjasama dengan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan lain dengan menjadikannya sebagai Jawatankuasa Audit, memberi taklimat kepada kementerian-kementerian melalui jawatankuasa Kementerian Kewangan, di samping memberi taklimat kepada penubuhan Audit Dalaman di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Sementara itu, Yang Dipertua Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei, Awang Haji Razali bin Haji Johari pula menyampaikan taklimat bertajuk Persepsi Sektor Swasta Mengenai Integriti Dalam Perkhidmatan Awam.

Katanya, simposium seumpama itu sangat penting bagi menandakan satu keterbukaan dan keyakinan, kematangan di samping satu cara kepada lebih bertanggungjawab dan telus dalam meningkatkan keberkesanan Perkhidmatan Awam dengan sektor swasta.

Beliau seterusnya menjelaskan, pegawai dan kakitangan merupakan barisan depan kepada kerajaan dan melahirkan persoalan adakah mereka mempunyai integriti kerana mendapati sebilangan pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam tidak mengambil endah soal integriti mereka sebagai Perkhidmatan Awam.

Katanya, masalah tersebut jika tidak diatasi dan ditangani dengan terat akan melunturkan kepercayaan orang ramai kepada integriti Perkhidmatan Awam.

Sesi panel pertama itu telah dipengerusikan oleh Pengarah Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Dr. Awang Azaharaini bin Haji Mohd. Jamil.



AHLI-AHLI panel di Simposium Integriti Dalam Perkhidmatan Awam. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris ketika melancarkan seminar. - Gambar oleh Hamadi HM.

Bioteknologi terus alami perkembangan yang cepat

BERAKAS, 3 Ogos. - Bioteknologi terus mengalami perkembangan yang cepat dalam bidang pertanian, kesihatan manusia dan industri pemprosesan di mana persoalan-persoalannya mungkin timbul mengenai apakah kaedah pengawalan ke atas pelepasan secara selamat Organisma yang diubahsuai secara genetik (GMO) ke dalam persekitaran dan pengurusan mengenai kemudaratan bahaya-bahaya yang mungkin timbul terhadap masyarakat dan persekitaran.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Pertanian yang berusaha mewujudkan kesedaran di kalangan orang awam mengenai biokeselamatan GMO telah menerbitkan buku 'Soalan-soalan Yang Selalu Disoal Tentang Organisma Diubahsuai Secara Genetik'.

Buku yang dilancarkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian

dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris itu juga memuatkan persoalan yang diselesaikan oleh Sekretariat ASEAN yang dihimunkan dari negara ahli-ahli ASEAN iaitu susulan daripada keputusan dari Mesyuarat Ad-Hoc Task Force Bagi Kesedaran Awam Mengenai GMO.

Buku mengandungi dua versi - Bahasa Melayu dan Inggeris itu juga mendedahkan secara terperinci persoalan mengenai bioteknologi dan faedah-faedah penggunaannya secara moden, di samping penjelasan mengenai GMO, tumbuhan transgenik mengenai perbezaan di antara pengubahsuaian genetik dengan biak baka konvensional.

Penerbitannya adalah diharap bagi memberi kefahaman pihak awam mengenai isu-isu GMO yang telah menimbulkan kekhawatiran di kalangan masyarakat antarabangsa

akan kesannya terhadap keselamatan, kesihatan dan persekitaran.

Penubuhan badan nasional mengenai pengubahsuaian genetik

BERAKAS, 4 Ogos. - Penubuhan satu badan nasional mengenai pengubahsuaian genetik bagi Negara Brunei Darussalam merupakan salah satu cadangan yang dihasilkan pada Seminar Kesedaran Awam Terhadap Aspek Biokeselamatan Organisma Yang Diubahsuai Secara Genetik (GMO) yang berakhir hari ini.

"Badan tersebut bertujuan bagi mengawasi isu-isu tentang bioteknologi dan menasihati pihak kerajaan dalam hal-hal berkaitan dengan GMO,"

Meningkatkan kefahaman, kesedaran dengan biokeselamatan

BERAKAS, 3 Ogos. - Isu mengenai organisma yang diubahsuai secara genetik (Genetically Modified Organisma - (GMO) merupakan topik yang sering dibincangkan di peringkat antarabangsa dan serantau.

Bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran orang ramai dengan biokeselamatan GMO, Jabatan Pertanian bersama Perstauan Biologi Brunei dan Kementerian Pembangunan selaku ASEAN-COST telah mengendalikan Seminar Program Kesedaran Mengenai Biokeselamatan GMO berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Seminar dua hari itu telah dilancarkan oleh

Oleh
Samle HJ

Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman diharap sebagai pemangkin bagi penubuhan National Authority In Genetic Modification (NAGM) sebagai satu keperluan dalam kerjasama mengharmonisasikan peraturan-peraturan GMO.

Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama berkata, adalah penting untuk memberi pengetahuan kepada orang ramai mengenai GMO

dan teurs meningkatkan kemampuan mengatur dan menilai risiko berkaitan organisma.

Katanya, langkah itu sejajar dengan langkah kebanyakan negara dan pertubuhan antarabangsa bagi meningkatkan kefahaman mengenai GMO dan biokeselamatan.

Menurutnya, jumlah penduduk dunia semakin meningkat dan pada tahun 2020 jumlah penduduk dunia dijangka mencapai lapan bilion dengan 6.7 bilion orang berada di negara membangun sekali gus memerlukan penyediaan makanan mencukupi.

Beliau menambah berdasarkan jangkaan pertumbuhan penduduk ini, cara biasa menghasilkan makanan tidak akan mampu seiringan dengan kadar pertumbuhan pesat penduduk.

Sebanyak 12 kertas kerja daripada pakar pertanian yang mewakili Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Laos, Republik Indonesia, Malaysia, Myanmar, Republik

Filipina, Republik Singapura, Thailand, Viet Nam dan Jepun yang mengongsi pengalaman bertukar pendapat melalui perwakilan negara masing-masing.

Di peringkat ASEAN, garis panduan ASEAN mengenai penilaian risiko 'guidelines' organisma pertanian berasaskan pengubahsuaian genetik sudah diperkenalkan sejak tahun 2000.

Negara Brunei Darussalam adalah antara negara-negara ASEAN yang masih pada misi permulaan untuk melaksanakan biokeselamatan GMO dan kefahaman dan kesedaran orang ramai mengenai GMO belum lagi dilaksanakan secara besar-besaran.

Negara anggota ASEAN yang bergiat aktif dalam penanaman tumbuhan transgenik ialah Malaysia, Thailand, Republik Singapura, Republik Indonesia, Viet Nam dan Republik Filipina tetapi tumbuhan yang dihasilkan belum lagi mencapai tahap untuk dikomersilkan.



PENGARAH Pertanian, Dr. Yusoff menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang pembentang kertas kerja di Majlis Penutup Seminar GMO. - Gambar oleh Hamadi HM.

terselindung daripada kesan kegiatan penggunaan GMO di seluruh dunia yang semakin meningkat. Justeru untuk melindungi kesihatan awam dan alam sekitar, Jabatan Pertanian menyokong usaha secara global mengawal penggunaan GMO dengan mematuhi piawaian antarabangsa termasuklah 'Codex Alimentarius FAO' dan 'Protokol Cartagena' mengenai biokeselamatan.

Bagaimanapun Negara Brunei Darussalam perlu meneliti kemungkinan bagi mengenakan petanda atau lebih makanan GMO ketika negara masih memerlukan sejumlah besar keperluan makanan.

Beliau seterusnya menambah makanan GMO seharusnya sebanding dengan makanan konvensional kerana terdapat beberapa hal teknikal berkaitan dengan pelabelan yang perlu diatasi terlebih dahulu sebelum tindakan melabel makanan GMO dapat dilaksanakan.

Makanan GMO perlu dikenakan penilaian yang amat ketat sebelum dibenarkan untuk dijual bagi kegunaan makanan manusia, di mana sejak tahun 1990 makanan GMO telah dijual dalam pasaran dunia dan sehingga kini tidak ada bukti saintifik yang menunjukkan terdapat kesan buruk akibat daripada memakan makanan tersebut.

Terdahulu, Pengarah

KACA terima sumbangan \$2,600

KIULAP, 12 Ogos. - Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) hari ini menerima sumbangan derma sejumlah \$2,600.00 bagi membantu insan-insan istimewa untuk kesejahteraan mereka.

Sumbangan derma itu adalah datangnya daripada Persatuan Isteri-Isteri Duta Besar Negara-negara Sahabat Wanita Asia Pasifik, Jepun (ALFS) yang telah menyumbang sebanyak \$2,000.00 itu adalah hasil daripada kutipan jualan amal bagi tahun 2004 yang diorganisasikan oleh persatuan berkenaan dan ianya diterima oleh Pengarah Urusan Pusat-pusat KACA Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Abdul Halim bin Haji Othman.

Sementara sumbangan

Oleh
Aliddin HM

derma sebanyak \$600.00 itu pula datangnya daripada Persatuan SAKAI

hasil kutipan demonstrasi masakan Brunei yang diadakan di rumah kediaman rasmi Duta Besar Negara Brunei Darussalam di Jepun yang telah diterima oleh Dayang Jauyah binti Mohd. Daud.

Persatuan KACA.

Kedua-dua sumbangan derma itu disampaikan oleh isteri Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Dayang Jauyah binti Mohd. Daud.



PENGARAH Urusan Pusat-Pusat KACA Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Abdul Halim menerima sumbangan oleh ALFS yang disampaikan oleh Dayang Jauyah binti Mohd. Daud. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Integriti dan 'good governance' intipati Perkhidmatan Awam

GADONG, 9 Ogos. - Dari segi pengurusan dan Perkhidmatan awam, integriti serta 'good governance' adalah antara faktor utama pada mencapai kecemerlangan dalam sesuatu Perkhidmatan Awam.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memang sedia menyedari peri mustahaknya integriti itu dalam Perkhidmatan Awam dan baru-baru ini melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan telah mengadakan simposium mengenainya.

Demikian ditekan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani di Majlis Kursus Singkat Bagi Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Undang-undang Mengenai Good Governance: Corruption Resistance Within The Public Sector yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba di sini.

"Kita setentunya menaruh keyakinan bahawa dengan adanya etika kerja yang luhur khususnya integriti yang tinggi, sese-

buah organisasi kerajaan itu akan bebas dari mengamalkan apa jua bentuk penyelewengan dan rasuah," jelasnya Yang Dimuliakan.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri seterusnya menambah, walaupun kita mempunyai undang-undang rasuah serta agensi tertentu yang mengendalikannya, namun demikian usaha untuk membanteras kegiatan rasuah itu tentunya akan lebih berkesan lagi, jika dipikul bersama oleh setiap warga Perkhidmatan Awam di semua peringkat.

Di majlis itu Yang Dimuliakan juga menyentuh mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada tahun 1988 yang sering kali mengingatkan anggota Perkhidmatan Awam supaya bebas dari segala rasuah dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

Antara titah baginda itu ialah "Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan beta dan juga ang-

Oleh
Haji Ahmad HS

gota pasukan-pasukan keselamatan, adalah beta harapkan agar mereka sentiasa memperingatkan lagi tekad dan azam mereka untuk meninggikan mutu kerja dan khidmat kepada negara. Hendaklah mereka sentiasa bersikap positif, cekap dan penuh dedikasi di dalam melakukan tugas mereka serta bebas daripada segala rasuah dan menyalahgunakan kuasa dan sentiasa bersikap jujur dan amanah semata-mata kerana Allah jua."

Yang Dimuliakan juga menaruh harapan agar setiap peserta seminar akan benar-benar mendapat manfaat daripada seminar berkenaan khususnya pada menghayati maksud sebenar integriti dan 'good governance' serta menjadikan amalan dan budaya kerja dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab dalam Perkhidmatan Awam.

Kursus tiga hari itu diendalikannya oleh seorang

pakar iaitu bekas Timbalan Pesuruhjaya dan Ketua Operasi Independent Commission Against Corruption (ICAC) Hong Kong, Awang Tony Kwok Man Wai mempunyai pengetahuan luas dalam bidang bagaimana menangani isu-isu kegiatan rasuah terutama sekali aspek-aspek kerja siasatan.

Sepanjang kursus para peserta yang terdiri dari pegawai-pegawai penguatkuasaan undang-undang mendengarkan serta mempelajari mengenai kaedah dan maklumat yang terkini, mengenai perkembangan kegiatan rasuah dan mengenai bagaimana agensi pencegahan rasuah di negara-negara yang telah membangun menghadapi dan menangani dengan jayanya.

Seminar adalah bertujuan untuk memperingatkan lagi kualiti dan prestasi para peserta dan organisasi pada mengesan lagi tugas-tugas dalam mengendalikannya isu-isu berkenaan yang merupakan ancaman kerana keselamatan dan keamanan negara.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani (empat dari kanan) ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Kursus Singkat Bagi Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Undang-undang. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

70 pelajar ikuti ceramah motivasi PMB dan GCE

KAMPONG KASAT, 20 Ogos. - Jawatankuasa Bersama Majlis Perundingan Kampong Kasat dan Takmir Masjid Kampong Kasat telah pun mengadakan Motivasi Pelajar Tingkatan Dua hingga Tingkatan Lima kepada kira-kira 70 orang pelajar di Kampong Kasat yang tidak lama lagi akan menduduki Peperiksaan Penilaian Menengah Bawah (PMB) dan General Certificate Examination (GCE) di sini.

Sebelum majlis dimulakan, bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai diketuai oleh Awang Haji Makshud bin Haji Malik selaku pengerusi majlis mengalu-alukan kehadiran Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Bakar bin Mansor; Awang Ibrahim bin Haji Raman, Ketua Kampong Kasat; Awang Haji Abdullah bin Haji Mohiddin selaku Penyelaras Motivasi, Penceramah Undangan, Pengetua, Guru-guru Besar dan juga para ibu bapa dan penjaga serta penuntut-penuntut yang akan menghadapi peperiksaan berkenaan yang diadakan di Masjid Kampong Kasat dan juga di Dewan Sekolah Rendah Kasat.

Di antara objektif program motivasi ini diadakan ialah untuk meyakinkan dan menerangkan bagaimana menjadi pelajar yang berjaya serta mengulang kaji pelajaran yang terancang dengan betul, di samping melatih melengkapi diri bagi

Sumbangan
Abd. Hamid bin
Haji Tuah

persiapan peperiksaan yang akan menjelang. Peranan ibu bapa dan penjaga dalam sama-sama menangani pembelajaran anak-anak adalah aset kepada penjana kemajuan dan kejayaan masa depan mereka.

Penyelaras Program Motivasi dan Kaunseling juga menyentuh sejarah pencapaian akademik orang-orang Kampong Kasat adalah sangat-sangat membanggakan dan tidaklah jauh ketinggalan dari kampung-kampung yang lain hingga ada yang memegang jawatan yang tinggi di negara ini pada masa kini.

Sekitar 30 orang ibu bapa dan penjaga pelajar-pelajar berkenaan hadir untuk mendengar ceramah bertajuk 'Ibu Bapa Penjaga Kemajuan Pelajaran Anak-anak' yang disam-

paikan oleh Pegawai Unit Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Awang Haji Noor Husaini bin Haji Mohd. Hussain.

Dalam ceramahnya antara lain menyentuh mengenai isu-isu pengaruh dalam menikmati hidup dan kepentingan ilmu, di mana para ibu bapa, guru adalah menjadi peranan penting selain dari kesedaran dan pengawasan yang rapi terhadap anak-anaknya dalam pelajaran.

Menurutnya, para ibu bapa seharusnya peka terhadap perkembangan anak-anak di sekolah sama ada bertanya-tanyakan ataupun muzakarah bersama guru-guru sekolah mengenai kemajuannya dan apakah tumpuan pembelajaran di sekolah mempunyai penjadualan serta pengurusan masa yang betul selain membantu cikgu dalam memantau persekitaran, jangan nanti antara sebab yang menjadikan pelajar-pelajar

tidak dapat menumpukan perhatian kerana kurang kefahaman dan akhirnya mendapat kegagalan.

Memandangkan ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam memberikan galakan dan dorongan serta sokongan terhadap anak-anak, maka satu sesi ceramah untuk ibu bapa diadakan, sementara motivasi untuk pelajar-pelajar telah pun disampaikan oleh Awang Haji Abdullah bin Haji Mohiddin.

Ceramah itu bertujuan membantu para ibu bapa dan penjaga bagaimana mengendalikannya keolah-an anak-anak di rumah dan memberi kesedaran serta bimbingan bagi mengekalkan keharmonian keluarga demi menuju ke arah kejayaan dan keceklerlangan.

Majlis berakhir dengan bacaan doa selamat yang dibacakan oleh Imam Haji Makshud bin Haji Malik, Imam Masjid Kampong Kasat.



PENGHULU Mukim Lumapas, Awang Haji Bakar bin Mansor (dua dari kanan) bersama jemputan yang terdiri para ibu bapa dan penjaga pelajar.

PA kekal sebagai pemberi perkhidmatan

Oleh
Siti Aishah HS

BERAKAS, 5 Ogos. - Sebagai majikan terbesar, Perkhidmatan Awam (PA) masih kekal sebagai pemberi perkhidmatan yang terbesar di negara ini. Dengan yang demikian untuk dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan sempurna sententunya menghendaki bukan saja kecekalan hati, tapi juga tahap disiplin, profesionalisme, ketelusan kecekapan dan keberkesanan yang tinggi di kalangan segenap lapisan pegawai dan kakitangan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Awang Sa Bali bin Abas yang juga selaku Pengerusi Urusetia Simposium dalam ucapan alu-aluannya di Majlis Perasmian Simposium Integriti Dalam Perkhidmatan Awam yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di sini.

Beliau percaya agensi yang sama di sektor swasta dan juga masyarakat umum yang sentiasa ber-

urusan dengan agensi-agensi kerajaan untuk mendapatkan perkhidmatan, melihat semua unsur yang disebutkan itu sebagai satu pakej yang menentukan tahap integriti ataupun kejujuran Perkhidmatan Awam.

"Untuk mencapai tahap integriti yang diinginkan itu sententunya Perkhidmatan Awam perlu memantapkan lagi langkah dan strategi yang sedia ada seperti penghayatan sepenuhnya Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 dan etika kerja yang positif serta mengambil perhatian yang serius terhadap prestasi yang 'sub-standard', ketepatan dari segi waktu, jumlah penghasilan dan juga kualiti perkhidmatan dan sententunya pada setiap waktu dan ketika perlu sentiasa dilihat sebagai 'customer focussed'," jelas beliau lagi.

Simposium dua hari

yang julung-julung kali diadakan itu, melibatkan beberapa agensi kerajaan dan sektor swasta, dengan tema 'Meningkatkan Integriti Pengurusan dan Pentadbiran Dalam Perkhidmatan Awam'. Ia dihasratkan sebagai satu usaha meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penghayatan di segenap lapisan pegawai dan kakitangan mengenai pentingnya memelihara integriti dan imej Perkhidmatan Awam itu.

Beberapa kertas kerja dibentangkan dalam simposium itu yang antara lain merangkumi isu-isu berkaitan rasuah, jenayah, keselamatan, kewangan, kehakiman, tata tertib, disiplin, dan penyampaian perkhidmatan. Salah satu kertas kerja tersebut adalah dari pihak swasta yang berhubung dengan persepsi sektor swasta terhadap integriti di dalam Perkhidmatan Awam. Sesi soal jawab dan seterusnya rumusan kertas kerja yang dibentangkan juga diadakan.



SEBAHAGIAN para pelajar Kampong Kasat yang mengambil bahagian.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

AKSI lakonan dalam pementasan drama adalah premis kepada pergerakan dalam sesebuah pementasan drama. Aspek aksi lakonan dalam pementasan drama menggambarkan unsur-unsur hubungan antara manusia. Penjelmaan watak di atas pentas dengan membawa pemikiran dan konflik sebenar dalam masyarakat menjadikan tujuan pementasan dapat dicapai dalam drama. Penimbulkan konflik dalam pementasan drama ialah mempertembungkan nilai-nilai masyarakat yang dibawa oleh pelakon utama dengan watak-watak lain.

Dalam membina bentuk aksi yang baik di atas pentas, teguran dan idea daripada pelakon-pelakon lain dapat memperkembangkan dan menghidupkan lagi aksi seseorang pelakon dalam sesebuah pementasan teater. Tabiat pergerakan dan perangai seseorang dapat dijadikan sebagai suatu latihan yang memerlukan sifat-sifat semula jadi mahupun hakikat dalam diri seseorang pelakon. Pergerakan yang sama digunakan secara berasingan oleh seseorang pelakon sewaktu berada di atas pentas.

Perkembangan aksi lakonan perlu ada kesinambungan konflik yang dikonotasi melalui adegan yang dipersembahkan. Aksi lakonan adalah keinginan dari dalam diri seseorang pelakon. Kejayaan seseorang pelakon dalam membina watak dan berjaya mempersembahkan aksi menimbulkan kesan emosi dalam pemikiran kepada khalayak.

Dapat didefinisikan sebagai perasaan yang dapat menghasilkan sesuatu gerakan luar. Dalam pembentukan aksi, seorang pelakon perlu menjiwai sesuatu watak dengan emosi yang stabil agar lakonan di atas pentas itu nampak lebih hidup dan mantap. Emosi seseorang pelakon itu berperanan untuk mengawal aksi reaksi yang mereka hasilkan di atas pentas sesuai atau selaras dengan watak yang dibawa.

Sebelum melakukan sesuatu watak, bentuk aksi perlu lahir dalam jiwa dan fikiran seseorang pelakon. Pelakon perlu mengetahui bentuk pemikiran, sifat dan sikap serta bentuk peribadi watak yang bakal dilakonkannya. Dalam latihan pementasan drama, latihan pergerakan dan perlakuan aksi perlu selari dengan pembentukan jiwa watak dalam diri pelakon.

Matlamat persembahan drama perlu disampaikan oleh pelakon yang menjiwai watak dalam drama di atas pentas. Pelakon yang dapat menjiwai watak dalam skrip dapat mempersembahkan bentuk aksi lakonan yang sempurna dan menarik minat penonton. Kritikan dan teguran pelakon lain pada bentuk lakonan seseorang pelakon adalah daripada lahiriah sahaja iaitu gerakan aksi, tidak dapat menyentuh aksi lakonan yang dilahirkan dalam jiwa seseorang pelakon.

Pemahaman dan usaha menjiwai watak yang dibawa oleh seseorang pelakon dalam pementasan drama adalah hak mutlak seseorang pelakon. Interpretasinya terhadap sifat-sifat watak dalam drama perlu jelas dan tepat. Interpretasi seseorang pelakon mengenai sikap dan sifat watak perlu dibincangkan dengan pengarah drama. Pembincangan perlu dibuat supaya interpretasi seseorang

BAGAIMANA PROSES AKSI REAKSI ITU BERPERANAN DALAM SESEBUAH PEMENTASAN TEATER?

OLEH MATUL

pelakon mengenai sifat dan sikap wataknya tidak berbeza dengan tanggapan pengarah drama.

Bentuk lakonan di atas pentas adalah pemikiran aksi yang tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya. Bentuk aksi perlu lahir daripada dalam jiwa dan fikiran seorang pelakon. Pelakon perlu mengetahui bentuk pemikiran, sifat dan sikap serta bentuk peribadi watak yang bakal dilakonkannya. Dalam latihan pementasan drama, latihan pergerakan dan perlakuan aksi perlu selari dengan pembentukan jiwa watak dalam diri pelakon.

Penguasaan aspek-aspek pembentukan dan perlakuan membolehkan seorang pelakon dapat menghidupkan wataknya. Seorang perlu beraksi dengan baik dan tepat kedudukannya di atas pentas. Pergerakan seorang pelakon dalam aksi lakonan pementasan drama boleh memainkan peranan bagi menghidupkan cerita. Pergerakan yang tersusun membolehkan para pelakon membebaskan diri mereka daripada kesilapan dalam perlakuan aksi lakonan.

Kesilapan yang berlaku dalam sebuah pementasan drama akan menjadi penghalang kepada pemandangan penonton. Gerak aksi lakonan yang tidak dirancang menjadi penghalang kepada penonton untuk mendengar dialog yang diucapkan oleh pelakon. Halangan dalam aksi lakonan akan menyebabkan penonton tidak dapat mendengar dialog yang diucapkan di atas pentas. Teknik seni lakon dalam pementasan drama dapat menyelesaikan masalah halangan dalam pementasan sebuah drama. Perubahan dalam gerakan aksi perlu dilakukan dengan sempurna supaya tidak mengganggu pemandangan penonton.

Seorang pelakon adalah seorang manusia yang mempunyai tingkat pencapaian aksi yang lebih tinggi daripada manusia biasa. Seorang pelakon boleh ketawa, menjadi bahan ketawa dan dapat berperanan sebagai pemberi nasihat. Pelakon mempertunjukkan aksi lakonan yang boleh menyampaikan maksud pemikiran yang disampaikan dalam pementasan drama supaya dapat difahami oleh penonton. Pementasan drama yang baik bukan saja berdasarkan sebuah cerita yang disampaikan melalui pengucapan dialog, malah memerlukan gerakan anggota tubuh badan seorang pelakon. Pengaksian gerak anggota tubuh seperti tangan, kepala dan bentuk badan dapat menghidupkan dan boleh menghasilkan aksi lakonan yang lebih dramatik.

Aksi lakonan yang dramatik perlu dihasilkan bagi menggambarkan adegan kemuncak konflik dalam pementasan drama yang dilangsungkan. Perubahan dalam kaedah teknik seni lakonan adalah sukar diperjelaskan mengenai keindahan nilai atau estetikanya. Penilaian seni dalam perubahan pergerakan aksi lakonan sukar untuk dikenal pasti oleh seorang penonton. Pergerakan pelakon selalu berubah daripada suatu tempat ke tempat yang lain. Pelakon-pelakon mempamerkan aksi yang tidak statik di atas pentas. Aksi lakonan yang tidak bergerak dikatakan bersifat keram. Pelakon tersebut tidak memerlukan gerakan anggota tubuh badan dalam sebuah pementasan drama, perlu ada pergerakan aksi yang bersifat satu arah. Gerakan-gerakan sambilan yang lain menyumbangkan pergerakan yang mengandungi seni estetika dalam aksi lakonan seorang pelakon di atas pentas.

Dalam teknik seni lakonan, semua anggota tubuh badan seorang pelakon dapat mempersembahkan aksi lakonan. Seorang pelakon dalam pementasan teater beraksi dengan menggerakkan semua anggota tubuh termasuk gerakan kerdipan mata, gerakan hidung dan mulut. Bentuk-bentuk aksi lakonan perlu dipertunjukkan di atas pentas. Penyesuaian bentuk aksi lakonan perlu selari dengan pengucapan dialog.

Dialog berperanan penting di dalam sebuah pementasan drama. Tatacara dan teknik penyebutan dialog semestinya mendapat perhatian yang utama dalam sebuah pementasan drama mengutarakan pemikiran semasa, mengidentifikasikan watak pelakon dan berperanan menyumbangkan pengajaran kepada masyarakat. Plot penceritaan, bentuk aksi pelakon dan cara pelakon menuturkan dialog adalah aset yang penting dalam sebuah pementasan drama. Pengucapan dialog di dalam sebuah pementasan drama bukanlah semata-mata penuturan dalam percakapan atau perbualan biasa. Teknik pengucapan dan penuturan dialog seorang pelakon yang sedang beraksi semestinya boleh memukau pendengaran

PEMENTASAN drama yang baik bukan saja berdasarkan sebuah cerita yang disampaikan melalui pengucapan dialog, malah memerlukan gerakan anggota tubuh badan seorang pelakon.

Pengaksian gerak anggota tubuh seperti tangan, kepala dan bentuk badan dapat menghidupkan dan boleh menghasilkan aksi lakonan yang lebih dramatik.

penonton. Teknik pengucapan dialog yang betul menyampaikan pemikiran kepada penonton dalam sebuah pementasan drama.

Setiap bentuk pergerakan pelakon seperti dikawal, pengawalan bentuk pergerakan pelakon bukan dikawal oleh pengarah drama tetapi pihak dramatis melalui arahan-arahan dalam skrip. Bentuk aksi lakonan dan tatacara penuturan dialog di atas pentas telah dikawal oleh dramatis di atas dengan bentuk arahnya yang keras. Bentuk lakonan di atas pentas yang mengikut arahan pihak dramatis dengan mempertunjukkan aksi dan ekspresi wajah seperti arahan dramatis dalam skrip. Bentuk-bentuk aksi dan ekspresi muka disediakan oleh dramatis seperti menyindir, menangis, lucu, marah, merajuk dan sebagainya.

Asas-asas seni lakonan drama adalah sesuatu yang sukar untuk diperkatakan. Gerakan asas dalam aksi lakonan di atas pentas dapat dilakukan oleh seorang pelakon berasaskan kepada perlakuan manusia itu sendiri. Aksi lakonan yang ditunjukkan berdasarkan sikap manusia yang ego atau menggambarkan bentuk ekspresi diri dengan lebih baik. Seorang pelakon boleh beraksi seperti dirinya sendiri, mempamerkan aksi berdialog dan menggunakan kreativiti yang ada dalam dirinya. Aksi lakonan seorang pelakon bergantung kepada daya imajinasinya dan juga penerimaan penonton.

Dalam menghasilkan aksi reaksi itu, seorang pelakon perlu bijak memainkan peranan emosi dan mental dalam menghayati sesuatu watak. Pemahaman teater adalah hak mutlak seorang pelakon. Interpretasinya terhadap sifat-sifat watak dalam teater perlu jelas dan tepat. Seorang pelakon itu perlu mempunyai kekuatan dari segi mental dalam menggerakkan imajinasi untuk memberi satu gambaran yang jelas ketika membuat gerakan di atas pentas.

Penilaian seni estetika dalam perubahan pergerakan aksi lakonan sukar untuk dikenal pasti oleh seorang penonton. Jika seorang pelakon itu mesti menjiwai emosi dengan baik agar dapat mencetuskan suasana yang sesuai dan yang diinginkan. Seorang pelakon pentas mesti menguasai segala gerak-geri di atas pentas. Pelakon yang mampu menguasai teknik pergerakan biasanya secara spontan dapat melahirkan aksi-aksi di bawah sadar.

Setiap gerak-geri pelakon mesti disesuaikan dengan watak yang dilakonkan. Seorang pelakon mesti tahu bila harus bergerak supaya tidak kelihatan kaku. Seorang pelakon yang mempunyai pengetahuan mengenai teknik-teknik pergerakan dalam seni lakon menjadi lebih kreatif dan bijak membina aksi pergerakan di atas pentas. Seorang pelakon yang mahir bergerak, tepat pada masa dan bersifat logik serta hidup aksi lakonannya.

Penekan diutamakan dari segi penghayatan seorang pelakon itu perlu dengan diasah melalui latihan yang menguasai pancaindera dan cita rasa. Pengaksian gerak anggota tubuh seperti tangan, kepala dan bentuk tubuh badan dapat menghidupkan dan boleh menghasilkan aksi lakonan yang lebih dramatik. Aksi lakonan yang dramatik perlu dihasilkan bagi menggambarkan adegan kemuncak konflik dalam pementasan teater yang dilangsungkan.

Secara kesimpulannya, aksi lebih banyak daripada pelakon, kesan reaksi banyak bergantung kepada respon daripada penonton.

DALAM menghasilkan aksi reaksi itu, seorang pelakon perlu bijak memainkan peranan emosi dan mental dalam menghayati sesuatu watak. Pemahaman teater adalah hak mutlak seorang pelakon. Interpretasinya terhadap sifat-sifat watak dalam teater perlu jelas dan tepat. Seorang pelakon itu perlu mempunyai kekuatan dari segi mental dalam menggerakkan imajinasi untuk memberi satu gambaran yang jelas ketika membuat gerakan di atas pentas.

KELIRU

AKU gembira. Aku seronok. Dan aku tersenyum.

Aku bersyukur. Alhamdulillah. Akhirnya aku diterima juga bekerja sebagai tukang jahit di kedai jahit yang satu-satunya ada di kampung tempatku tinggal dan ia terletak tidak berapa jauh dari rumahku. Jadi, aku tak berapa kisah. Janji ada kerja yang bersesuaian dengan kepakaranku dan ianya sudah mencukupi buatku asalkan aku tidak berterusan menganggur tanpa kerja. Semua ini sudah cukup buatku dan walaupun aku tahu pendapatannya hanyalah sedikit iaitu gaji diberi oleh majikanku berdasarkan pada banyak tempahan yang dibuat, banyak tempahan maka besarlah ganjarannya namun jika sebaliknya, aku hanya mampu berdiam. Aku tak kisah akan semua itu malahan hatiku senang dan lega di mana sekurang-kurangnya aku tidak membuang masaku begitu sahaja.

Aku mulai bekerja menjahit hari ini. Perasaanku agak lain sedikit, ya lah... kan baru bekerja namanya. Ketika aku datang pada hari pertama aku mula bekerja, seorang perempuan yang lebih tua dariku sudah ada di dalam kedai jahit itu. Aku panggil dia dengan gelaran 'kakak' sahaja.

Hatiku senang, sekurang-kurangnya aku ada kawan. Lagipun dia nampak baik dan ramah. Majikan aku pula dah ada isteri dan anak tapi dia masih nampak bergaya dan belum tua. Setakat itu saja yang aku tahu mengenainya dari kakak yang bekerja denganku itu. Risau juga aku dibuatnya jika seorang diri, takut kalau-kalau suatu yang tidak diingini terjadi pada diriku. Kadang-kadang seram juga aku dibuatnya. Alhamdulillah, dengan adanya kakak ini sekurang-kurangnya hatiku tak perlu berasa bimbang dan takut. Tapi terkadang terfikir juga aku dibuatnya. Apa akan terjadi jika seandainya kakak ini berhenti atau diberhentikan. Bagaimana?

Ah... fikiranku jadi kalut dan kusut. Namun seandainya jika itu yang terjadi, aku terpaksa menghadapi suasana tersebut. Aku juga akan terpaksa berdikari dalam apa jua hal, yang penting tujuanku hanya satu iaitu untuk mencari rezeki yang halal buatku sebab aku dah tak tahan mendengar lenteran ibu dan rungutan ayah kerana mereka dah tak tahan melihat aku asyik memerap di rumah dan tak endah juga sibuk untuk mencari sebarang pekerjaan tidak seperti abang-abang dan kakak-kakakku yang dah bekerja. Ada di antara mereka yang bekerja dengan kerajaan dan sebahagiannya lagi bekerja dengan sektor swasta. Yang tinggal belum bekerja hanya aku dan adik kebongsuanku yang masih menuntut di tingkatan lima sekolah menengah.

Mereka juga sering memperlaku aku sebagai budak pemalas yang hanya lulus setakat tingkatan tiga sekolah menengah dan asyik mahu menunggu emas gugur dari langit tanpa adanya usaha dan sifat ingin berdikari sendiri untuk mencari sebarang pekerjaan sendiri. Entah kenapa mereka benci betul dengan aku. Tapi mungkin betul juga capak mereka itu atau berkemungkinan aku terlalu memilih pekerjaan kerana aku dah menganggur hampir masuk lima tahun. Yang pasti aku dah dapat dan mampu membuktikan pada mereka yang aku sudah mendapat dan mempunyai pekerjaan sekarang dan aku cukup berbangga walaupun tidak secepat mana namun yang pasti aku sudah dapat berbelanja sendiri hasil dari titik peluhku tanpa menyusahkan kedua-dua ibu bapaku dan adik-beradikku yang lain.

Ah, elok tak usah aku fikirkan yang bukan-bukan. Tuhan Maha Berk kuasa dan Maha Mengetahui akan segala yang berlaku dan akan berlaku. Lagipun aku tak akan mungkin dapat lari dari takdir yang telah ditetapkan oleh-Nya dan tiada siapa tahu akan takdir yang telah ditetapkan untuk mereka melainkan Allah Subhanahu Wataala jua.

Hari semakin tinggi. Angin dari sungai bertiup lembut sepoi-sepoi bahasa. Daun-daun kering dibawa pergi oleh arus. Angin kipas di dalam kedai ini tidak seaneh hembusan bayu dari sungai yang terletak tidak berapa jauh dari kedai tersebut. Aku terpegun seketika apabila melontarkan pandanganku keluar jendela. Aku mengeluh seketika.

Hari pertama mungkin aku rasa agak lain sedikit, maklumlah kan baru bekerja jadi mestilah rasanya pun lain. Hari-hari berikutnya aku makin faham dan mahir dan aku juga makin mengerti. Untuk menjadi seorang kuli, aku kenalah rajin dan tekun. Untuk menjadi seorang pekerja yang baik dan cekap, aku juga kenalah selalu bertanya dan teliti dalam membuat sebarang pekerjaan dan tempahan jahitan serta bermacam-macam lagi aku kena tahu dan belajar. Begitu juga dengan hal-hwal kedai dan selok-belok pengendalian dan pengurusan kedai yang aku perlu pelajari dan tingkatkan dari masa ke semasa agar mutu pekerjaan dan kredibiliti aku meningkat juga reputasi kerjaku memuaskan.

Alhamdulillah, aku dilayan cukup baik oleh majikanku. Dua minggu telah berlalu dan kakak yang sama-sama bekerja denganku tidak datang bekerja hari ini. Aku sendirian. Entah kenapa dia tidak datang bekerja hari ini. Aku juga lupa bertanya kepada kakak itu semalam sama ada dia akan datang bekerja hari ini atau tidak kerana kebiasaannya aku akan bertanya kerana tidak suka bekerja sendirian, sunyi rasanya tiada teman berbicara dan bergurau senda ketika melakukan tugas-tugas di kedai itu. Maka hari ini majikanku menemaniku membuat kerja seperti biasa.

"Maya! Maya marah tak kalau saya cakap sikit?" tiba-tiba majikan aku yang bernama Nazri bersuara pada ketika itu.

"Tak tuan," jawabku pendek dan ringkas. "Apa pula yang hendak saya marahkan," sambungku lagi dengan selamba.

"Tidaklah," sahut Nazri kemudian sambil mengunting baju cara Melayu yang hendak dijahit dan dicantumkan olehnya.

"Sebenarnya dah dua minggu awak bekerja di sini namun saya tak ada peluang nak beramah mesra dengan awak. Kalau boleh dan jika awak sudi mendengar, saya ingin mengenali awak dengan lebih dekat lagi dan juga saya ingin menceritakan tentang perihal diri saya," sambung Nazri lagi dan berhenti seketika. Dia menatap wajahnya yang pada ketika itu aku sedang sibuk membuat kerja.

"Eemm... begini. Sebenarnya saya sudah infas sekarang ni. Terutama sejak Maya mulai bekerja dengan saya di sini...."

Aku tidak menyangka percakapannya dan hanya membiarkannya dia menyambung ceritanya. Aku hanya meng-



GERPEN

OLEH CASPER

AKU tidak menyahut percakapannya dan hanya membiarkan dia menyambung ceritanya. Aku hanya menganggukkan kepalaku bila mana dia bertanya padaku tentang diriku. Nazri pun menyambung ceritanya lagi. Kadang-kadang terhenti juga kerjaku bila mendengar ceritanya. Rasa takut pun ada. Rasa ngeri pun ada. Rupa-rupanya menurut ceritanya dia adalah bekas banduan yang telah menjalani hukuman selama empat tahun dalam penjara. Seram dan ngeri kurasa. Dalam hati aku beristighfar.

anggukkan kepalaku bila mana dia bertanya padaku tentang diriku. Nazri pun menyambung ceritanya lagi. Kadang-kadang terhenti juga kerjaku bila mendengar ceritanya. Rasa takut pun ada. Rasa ngeri pun ada. Rupa-rupanya menurut ceritanya dia adalah bekas banduan yang telah menjalani hukuman selama empat tahun dalam penjara. Seram dan ngeri kurasa. Dalam hati aku beristighfar.

Menurut ceritanya lagi, ketika dia berada dalam penjara, isterinya telah menuntut fasakh, menuntut cerai taklik. Ia pun dibawa hadir ke Mahkamah Syariah dan atas sebab-sebab yang munasabah, talak takliknya telah dijatuhkan dan disabitkan oleh hakim Mahkamah Syariah.

Pulu juga hatiku bila mendengarkan kisah hidupnya. Perasaan simpati terhadapnya terbit di hatiku. Entah mengapa tiba-tiba aku merasa kasihan dan simpati padanya. Menurut lagi kedua-dua anaknya, seorang lelaki dan seorang perempuan kini dipelihara oleh bekas isterinya dan dia mengakui bahawa dia begitu merindui akan anak-anaknya. Kepandaiannya dalam bidang jahitan itu adalah hasil dari latihan dan pengajaran yang telah dipelajarinya dan didapatinya semasa dia berada di penjara. Itulah satu-satunya pelajaran dan pengalaman yang amat berguna dan dimanfaatkan olehnya.

Aku begitu terharu dan bersimpati dengan nasib malang yang menimpa dirinya. Terasa ada air yang sedang menitik dari pelupuk mataku. Mungkin aku patut merasa takut bila kini aku mengetahui yang dia adalah bekas banduan, tapi entah mengapa dan kenapa aku pula merasa sebaliknya. Apa mungkin kerana keinsafannya yang telah diberitahu dan dilafazkan olehnya kepadaku yang telah menimbulkan rasa kasihan di benakku. Dia juga manusia sepertiku dan setiap insan layak diberi peluang buat kali kedua bila mana mereka telah benar-benar insaf dan menyesali perbuatan mereka. Bagiku dia tak boleh disisihkan dari masyarakat.

Hari pun sudah beransur petang. Nampaknya majikanku ini masih terus bercerita macam belum mahu habis. Aku begitu risau untuk duduk lebih lama, takut balik malam. Aku bangun dan minta izin kepadanya untuk pulang. Dia mengangguk dan membenarkan aku pulang.

Ketika di rumah malam itu kurasa ada sesuatu yang wajar membuatku bersimpati dengan dirinya. Aku pun berfikir panjang untuk terus menolongnya dan tidak menghindarkan diriku darinya.

Setelah hari itu, aku makin rajin bekerja. Bila hujung bulan aku bekerja, aku pun menerima gaji. Taklah seberapa sangat tapi cukuplah untuk makan kerana yang penting bagiku sekarang ialah aku mesti tambah tekun bekerja dan berusaha. Dan yang penting lagi aku harus menambahkan kepandaian dan kemahiranku dalam jahitan dan pengendalian kedai bagi menerima tempahan.

Kini aku mengerti, dengan berdiam diri di rumah ianya tidak akan mendatangkan hasil kepadaku tanpa melamar sebarang pekerjaan. Ternyata betul juga capak adik-beradikku. Aku berterima kasih kini dan terus bersyukur kerana kini aku telah memiliki satu pekerjaan yang halal walaupun gaji dan pekerjaanku itu tidak tetap.

Pada hujung bulan berikutnya aku tidak lagi menerima gaji. Sedangkan tempahan baju masih lagi kuterima seperti selan malahan lebih laris lagi dan ini menandakan pendapatan kedai bukannya kurang malahan lebih. Dan aku terpaksa berhempas pulas untuk menyiapkan tempahan orang yang kian bertambah banyak.

Kakak yang sama denganku bekerja pula kini sudah berhenti. Aku tidak tahu kenapa dan apakah sebab yang menyebabkan dia berhenti. Adakah dia yang sendiri mahu berhenti atau majikanku yang telah memberhentikannya. Entahlah, aku pula tidak bertanya kepada majikanku tentang hal itu kerana takut menyinggung perasaannya dan kurasa kurang elok seandainya aku bertanya kepada majikanku kenapa dan apakah sebabnya dia berhenti kerja. Terkadang hairan juga aku dibuatnya, kenapa secara tiba-tiba dia berhenti kerja tanpa memberitahu aku terlebih dahulu dan gajiku pula belum lagi diberikan kepadaku di mana aku belum lagi menerima gaji bulan ini. Namun bagaimana dan apakah caranya untuk aku memulakan pertanyaanku untuk kuajukan pada majikanku. Malu juga rasanya dan aku akhirnya mengambil keputusan untuk tidak bertanya kepadanya dan hanya menanti dia memulakan cerita.

Seperti hari-hari selalunya, aku masih bekerja dengan tekun dan rajin. Aku semakin mahir dan kakiku juga bertambah laju. Aku mulai pandai menggunting baju dan membuat berbagai-bagai fesyen dan corak juga katok pada baju-baju yang ditempah. Kadang-kadang aku sendiri pun terpegun dan hairan dengan diriku.

Pada bulan berikutnya dan selanjutnya, aku masih tidak menerima gaji dan nampaknya aku membanting tulang dan tenaga dengan percuma. Masuk bulan ini dah tiga bulan aku tidak menerima gaji. Aku terfikir sejenak. Adakah majikanku sudah lupa untuk memberikan upah dan gajiku? Kadang-kadang aku merasa pelik dan keliru, apakah dia ingin memberhen-

tikan aku sama seperti kakak yang dulu sama denganku bekerja. Fikiranku bertambah kusut dan keliru, pening aku dibuatnya.

"Maya, buatlah kedai ini seperti kedai Maya sendiri," majikanku bersuara kepadaku pada suatu hari.

Aku terdiam kaku dan kian tak mengerti apa yang hendak disampaikan kepada ku. Aku cukup terkejut mendengar akan kata-katanya itu. Namun aku tetap tidak mahu menjawab dan menjadi bertambah keliru dengan kata-kata yang sedang diutarakannya kepadaku. Apakah maksud sebenar majikanku ini dan kenapakah dia berkata demikian kepadaku. Hati kecilku terus bertanya mengapa.

"Maya suka tak bekerja di sini?" soal Nazri lagi.

Aku tunduk dan langsung tidak bersuara untuk menjawab pertanyaannya. Dalam hatiku berkata, jika aku tidak suka sudah tentu lama dah aku berhenti dan tidak datang-datang lagi ke kedai ini.

Aku terus saja membuat pekerjaanku. Kakiku semakin lincah memijak selipar mesin jahit. Tangan pula bergerak pantas seiring dengan pergerakan kakiku. Aku merasa tidak perlu untuk berkata-kata di ketika itu. Aku terus diam membisu.

"Kau marah Maya?" desak Nazri kemudian.

"Tak," jawabku pendek dan selamba.

"Kalau aku katakan, semua kain-kain dan mesin jahit di dalam kedai ini...." majikan aku berhenti seketika dari meneruskan percakapannya. Tapi suaranya tampak tenang dan bersahaja. Matanya merenung ke arah sungai di penjuru kanan berdekatan dan tak berapa jauh dari kedai jahitnya. "Aku amanahkan kepadamu kedai ini. Kau uruslah sebaik-baiknya. Kau terimalah tempahan orang ramai dengan ramah dan mesra. Kau ambillah semua duit bayaran dan upahlah menjahit. Dan jadikanlah semua benda yang ada di sini dan keuntungan yang ada seperti hakmu sendiri." Aku dengar ia berhenti dari bersuara. Ia berpaling ke arahku. Aku memberhentikannya gerakan kakiku. Mataku dan matanya bertembung buat seketika. Aku jadi tersipu malu dan terus tunduk diam membisu.

"Maya, masih jugakah kau marah padaku?" sambung Nazri lagi.

Di saat itu seorang lelaki datang dan singgah masuk ke dalam kedai sambil memilih-milih kain yang ada. Majikanku terus bangun dan melayani orang tadi. Aku kembali menjahit semula. Selepas memilih-milih kain yang ada, majikanku pun mengukur dan menyukat badan orang itu.

Di rumah pula, malam itu setelah selesai Sembayang Isyak dan makan malam, aku terus melangkah masuk ke dalam bilikku dan termenung serta berusaha memikirkan apakah yang dimaksudkan dalam percakapan majikanku petang tadi sewaktu berada di kedai. Akhirnya dapat juga aku menyimpulkan maksud yang tersirat dalam percakapannya petang tadi namun aku masih keliru. Fikiranku bertambah kalut dan kusut dan aku bertambah resah-gelisah.

Dari muka 12

Ayah ada di ruang tamu duduk sambil membaca akhbar 'Media Permata' hari ini dan ibu pula masih lagi berada di dalam dapur. Dia begitu sibuk mencuci dan mengemas pinggan mangkuk lepas kami makan beramai-ramai tadi. Malam-malam selalunya, akulah yang selalu membasuh pinggan mangkuk sebelum tidur, namun malam ini aku sengaja memberitahu ibu yang aku rasa kurang sihat. Jadi dapat juga aku berehat-rehat di bilik sambil memikirkan masalah yang melanda diriku di ketika ini.

Aku berbaring di atas katil. Kupejamkan kedua-dua mataku. Lama juga aku berbual begitu, tapi mataku tetap degil tidak mahu terpejam. Aku macam tak mengantuk. Fikiranku masih lagi berputar. Akhirnya dapat kusimpulkan sebagai: rumusan di mana Nazri, majikanku berkemungkinan mahu mengambili sebagai isterinya.

Tapi, takkanlah semudah itu. Aku menjadi bertambah ragu dan keliru. Jika benar dia ingin menjadikan aku sebagai isterinya, dia kenalah terlebih dahulu menemui ayahku kemudian ibuku. Sekurang-kurangnya dia harus menghantar rombongan untuk meminangku menurut adat dan agama. Takkanlah nak kahwin dengan orang macam kahwin kobo. Geli juga hatiku bila memikirkannya. Entahlah. Bagaimana seterusnya, aku pun tak tahu. Aku bertambah keliru dan terus keliru.

Hingga ayam jantan berkokok, barulah aku dapat melepaskan mataku. Itu pun aku bermimpi, suatu mimpi yang cukup mengerikan. Aku coba beristighfar beberapa kali untuk melupakan mimpi itu tadi.

Jika siang ada bayang-bayang, jika malam pula ada cahaya dari bulan dan bintang-bintang di langit. Begitu juga dengan menanti, biarlah ia sentiasa bersinar dan bercahaya. Aku mengharapkan biarlah hatiku sentiasa begitu, sentiasa bersinar dengan kebahagiaan dan tidak akan dirundung malang. Takut juga aku bila mengenangkan mimpi itu tadi, namun aku amat-anat berharap agar aku tidak akan dipisahkan daripada majikanku, Nazri, kerana aku sungguh bahagia bila berada di sisinya atau.... mungkinkah aku dah jatuh cinta dengannya. Ah, aku menjadi bertambah keliru dengan keadaan. Malas benar aku hendak memikirkannya.

Aku masih rajin bekerja malahan lebih rajin dari biasa. Walaupun dah empat bulan tidak menerima gaji yang sepatutnya, namun aku tidak mengendakkannya. Aku juga tak berani hendak menggunakan serta membelanjakan wang upahan menjahit untuk diriku walaupun telah diberi kesemuanya padaku oleh Nazi kerana wang-wang tersebut hanya kubelanjakan buat membeli mana-mana barang menjahit yang habis seperti benang-benang dan kain-kain. Ibuku marah padaku bilamana dia mengetahui akan hal ini. Kenapa aku mesti bekerja tanpa menerima sebarang ganjaran dari pekerjaanku, ujar ibuku. Aku terdiam dan tidak mampu untuk menerangkan hal sebenarnya pada ibu.

Ayah pula kulihat tidak mengambil kisah, tapi kelihatan dia memang menyokong pendapat ibu.

Kerana terlalu asyik membuat kerja bagi menyiapkan baju-baju yang telah ditempah, pernah aku tidur dan bermalam di tempat kerja. Dua tiga hari kemudian, aku bermalam lagi di kedai itu. Aku tidak pulang ke rumah. Ibu dan ayah sangat risau dan mereka begitu marah dengan tindakan beraniku itu.

Bila aku balik ke rumah, ibu dan ayah bercakap macam-macam. Ibu menyuruhku aku supaya berhenti saja, dan ayah pun berkata perkara yang sama. Banyak alasan yang mereka berikan sehinggalah aku tidak dapat untuk bersuara kerana ada di antaranya benar dan ada pula sebaliknya. Aku hanya tunduk diam membius seribu bahasa. Aku tahu jika aku mengutarakan pendapatku, mungkin aku akan dimarah. Namun hakikatnya fikiranaku kusut dan keliru di ketika itu. Kedua-dua ibu bapa beria-ia benar menyuruhku berhenti saja dari terus bekerja. Tapi di ketika itu aku tahu yang aku tidak mampu dan takut untuk membuat serta mengambil sebarang keputusan yang terburu-buru.

Namun aku tetap berdegil. Aku sayang dengan pekerjaanku. Bukannya senang untuk aku melamar suatu pekerjaan kini. Dan akhir-akhir ini pula, aku merasa sukar hendak berpisah apakah lagi untuk berjauhan dengan Nazri. Kalau boleh aku ingin selalu berada di sampingnya. Perubahan apakah ini namunya dan aku sendiri tidak mengerti kenapakah aku merasa perasaan ini. Aku benar-benar telah jatuh cinta padanya. Kedua-dua itu bapak tu mungkin akan merestui perhubungan kami berdua, apakah lagi bilamana mereka tahu yang dia adalah bekas banduan. Aku tahu, itu bapak-mama yang tak suka bila melihat anak-anak mereka memilih jodoh yang terbaik dan aku tahu juga yang itu semua adalah demi kebaikan anak-anak mereka kelak jangan sampai kemudian hari mereka akan menyesal. Namun bagaimana dengan perasanku..... Tak sanggup rasanya aku nak berpisah apakah lagi hendak melupakan diri Nazri, majikanku.

nginkan benar, dan aku tahu yang ibuku amat sayang padaku, sayang akan kehormatan dan maruahku. Ayah juga begitu. Aku tahu dia tak mahu melihat anaknya rosak dan terus dipermudahkan oleh mama-mama lelaki yang tidak bertanggungjawab. Entahlah, agaknya lebih baik saja aku berterus terang kepada ayah dan ibuku dan memberitahu mereka yang aku ingin menjadi isteri Nazi yang sah dan aku tak mungkin akan tarik balik keputusan aku itu walau apa pun yang akan terjadi. Aku rela berkorban deminya dan tak akan menyesali perbuatanku ini. Inilah keputusanku. Tapi bila berhadapan dengan kedua-dua ibu bapaku, lidahku menjadi kelu tak terkata.

Pada suatu malam, aku keluar dari rumah dengan beg pakaianku. Aku bertekad untuk melarikan diriku ke rumah Nazri. Aku tidak memberitahu siapa-siapa yang aku hendak ke mana. Di ketika itu ayah sedang mandi di bilik air. Ibu pula tengah sibuk memasak di dapur. Hanya adik lelakiku, Mohamad Safwandy yang nampak aku melangkah keluar dari rumah dan di ketika itu dia sedang menonton televisyen di ruang tamu, tapi dia tak berkata apa-apa padaku dan aku pula langsung tak bersuara dan menyapa.

Setelah kejadian itu, aku tidak lagi balik-balik ke rumah ayah dan ibuku. Aku tak tahu, bagaimana becunya ibu berbicara dan bagaimana marahnya ayah terhadap kelakuanku dan tindakan yang telah aku buat. Tapi aku tersenyum puas, gembira dengan tindakanku itu. Tentu mereka akan tahu akhirnya apakah maksudku dengan melarikan diri dari rumah.

Tiga hari kemudian, ayah datang ke rumah Nazi tempatku tinggal sekarang. Aku lihat ada beberapa orang anggota polis datang bersam-sama dengan ayah. Rupa-rupanya ayah sudah melaporkan perkara ini ke Balai Polis mengenai dengan kehilangan dari rumah. Tapi yang hairannya, tahu pula mereka mencari aku di rumah orang tua Nazi.

Aku tergamang dan terkejut. Tapi aku tak mahu turun menemui ayahku yang sedang memanggil namaku dan menyuruh aku turun menemui. Polis juga memanggil namaku. Banyak kali mereka memanggil namaku namun aku tetap berdegil dan tak mahu untuk turun menjumpai ayahku. Kemudian ayahku dan polis-polis yang ada di situ naik ke rumah. Ayah merentap aku untuk dibawa turun. Aku meronta-ronta minta dilepaskan. Tapi pegangan ayah sungguh kuat untuk aku lepaskan. Polis-pula bercakap-cakap dengan kedua-dua orang tua Nazri.

Di bawah rumah, orang kampung semakin ramai melihat senario tersebut. Ketua kampung juga ada datang. Kemudian, ketua kampung naik ke atas dan bercakap-cakap dengan kedua-dua orang tua Nazri. Aku tak menghiraukan apa yang mereka sedang cakapkan tapi persoalannya sekarang dan yang penting aku tetap berdegitil. Aku tetap tak mahu balik mengikut ayahku dan aku tetap mahu tinggal bersama Nazri di rumah orang tuanya. Sedangkan Nazri, majikanku sendiri tak ada di rumah ketika kejadian ini berlaku. Hanya ibu dan ayahnya sahaja yang ada di rumah.

Aku lihat ibunya tidak pula bersedia untuk berkata sesuatu kepada ayahnya, begitu juga dengan ayahnya. Aku menjadi bertambah geram bila melihat kelakuan mereka itu. Sekurangnya ibu Nazri mestilah mempertahankan aku untuk terus tinggal di rumah mereka. Ini tidak. Jika begini tindakannya, bagaimana dia hendak menjadi ibu mertuaku kelak. Aku menjadi bertambah bingung dan keliru. Adakah mereka ingin mempermain-mainkan aku atau sedane memperlakukan-eunakanku?

Akhirnya pegawai polis yang ada di situ mendekati ayah dan menepuk-nepuk bahu ayahnya dan berkata sesuatu padanya. Aku tak tahu apakah yang sedang mereka cakapkan namun kerana percakapan itu akhirnya ayahnya pun melongarkan pegangannya pada tangkukan dan aku pun dilepaskannya. Aku terus berlari memeluk ibu Nazri. Tak lama kemudian, ayah pun turun dan begitu juga mereka yang ada pada ketika itu. Aku lihat mereka semuanya pergi meninggalkan tempat kejadian. Aku merasa lega.

Pada malam itu aku termenung berjurus-jurus. Aku berfikir panjang mengenai kejadian siang tadi. Tetapi pikiranku tidak mahu berjalan dan terbuka bak bunga yang tak mahu mengibangkan kelopaknya. Aku mengeluh. Ya Tuhan, aku kini langsung tak punya maruah diri di mana ayah kandungku sendiri aku tolak. Aku tidak lagi hormat pada ayahku sendiri. Kenapa... apakah dosa yang telah dibuat oleh ayahku kepadaku sehinggakan aku selaku anak kandungnyanya sanggup memburuk-burukkannya dan berasa benci padanya. Kenapa????

Setahu, ayahku langsung tak pernah marah apatah lagi memukulku dan menderaku. Tapi kini, aku sendiri pun tak tahu mengapa aku tergamak berbuat dan bertindak sedemikian nipa seperti apa yang telah aku buat siang tadi. Aku telah memalukan ayah, ibu dan seluruh keluargaku. Aku tak punya maruah langsung dan tak menghormati mereka lagi.

Sedangkan kedua-dua orang tua Nazri bukanlah ibu dan ayah kandungku, apatah lagi mereka juga bukanlah ibu dan ayah mertuaku. Ini adalah kerana Nazri bukanlah suami dan belum lagi menikah denganku. Itu baru suatu

janji. Suatu perjanjian yang tidak ada hitam putihnya dan tiada dokumen bertulis sebagai rujukan mengenainya. Malahan suatu janji yang aku sendiri belum pasti lagi adakah ianya akan tertuna ataupun sebaliknyanya. Ini kerana dia sendiri langsung tak pernah fikir atau pun menyuarakan isi hatinya kepadaku untuk mengambil dan memperisterikanku. Dia juga tak pernah fikir untuk menemui ayahku untuk meminangkku. Begitu juga menemui ibuku untuk meminta izin kepadanya mengambilku sebagai isterinya yang sah dan menghantar rombongan meminang ke rumahku. Jauh sekali untuknya berbuat demikian.

Pernah juga aku utarakan nasratku kepadanya untuk mengambilku sebagai isterinya yang sah dan menikahkan namun dia hanya menyuruhku bersabar dengan alasan bahawa kewangannya belum mencukupi dan berbagai-bagai lagi alasan demi alasan yang diberikannya kepadaku. Aku hanya tertidam, menagis dan meratapi hidup dan takdirku ini. Dan juga alangkah bodohnya aku ini kerana terlalu mempercayainya dan terus tinggal bersama dengan lelaki yang belum lagi menjadi suaminya yang sah. Aku tahu yang aku telah memalukan kedua-dua ibu bapaku dan telah menconteng arang ke muka mereka. Namun sesal kemudian tiada gunanya. Mungkin inilah hukuman Tuhan kepadaku kerana telah ingkar dan tidak menghormati mereka.

Terkadang aku terfikir, apakah aku sudah menjadi seorang anak perempuan kobi. Aku tidak mengerti dan masih keliru. Bagaimana aku boleh terikat dalam kekusutan benang-benang masalah hidup ini. Entahlah. Ya Tuhan, kuatkanlah hatiku ini.

Sedangkan kini, aku dan Nazri sudah seperti suami isteri. Bak kata orang, segala perbuatan zahir mahupun batin dalam pergaulan sehari-harian kami berdua sudah menyamai dengan kehidupan pasangan suami isteri yang sudah berkahwin. Tapi berbeza dengan aku dan Nazri, kami belum lagi diijabkabulkan sebagai pasangan suami isteri. Aku tak dapat menolak kehendak kemanusiaan atau kehendak haiwaniahku. Pada hal aku bukannya tidak belajar agama. Aku bersekolah agama dan menhabiskan pengajianku di sana. Aku juga bukannya bodoh. Namun perasaan bersalah terhadap diri sendiri hanyalah sebagai kulit bawang sahaja. Yang sebenarnya mungkin keimananiku tidak setebal mana dan mungkin juga aku terlalu ego dan tak takut pada hukuman Tuhan. Sehingga aku begitu berani untuk berbuat sedemikian rupa.

Dan bila bangun pagi, aku tetap mandi wajib. Aku kemudiannya mengucap. Aku kemudiannya beristighfar. Tapi aku masih hairan, kenapa... sehingga kini ayahku tak mahu jadi wali untuk menikahkan aku dengan Nazri. Kenapa??? Aku begitu kesal. Aku bertambah geram. Aku tidak mahu mempedulikan aku lagi. Mungkinkah ini pembalasan atas perbuatanku tempoh hari. Memang betul ayah sakit hati dengan tindakan aku ini dan mungkin juga hatinya sudah musnah dan tak sudi lagi menerima aku sebagai anak kandungannya kerana aku telah mengkhianati dan menderhakai kedua-dua ibu bapaku. Tapi apa yang kuminta darinya hanyalah untuk menjadi wali bagi menikahkan diri aku dengan Nazri, lepas itu aku berjanji tidak akan menyusahkan kedua-dua ibu bapaku lagi. Aku sebenarnya sudah hancur. Maruah yang selama ini aku pertahankan setelah sekian lamanya telah musnah oleh Nazri. Aku tewas di tangannya. Aku hanya mampu menangis dan menyekali perbuatan bodohnya ini.

Tapi ayahku masih juga tak mahu menjadi wali. Jadi hingga ke hari ini aku tak dapat dinikahkan dengan majikanku, Nazri.

Telah berpuak-puak surat kutulis dan aku hantar kepada ayah. Aku merayu dan meminta maaf kepadanya. Aku memohon sungguh-sungguh akan kewalian ayahku, namun tiada jawapan yang aku dapat sehingga kini. Ayahku tak sudi untuk membalas surat-suratku dan mungkin juga dia tak mahu memaafkan diriku ini yang telah menderhakai dirinya.

Kini aku sadar, aku telah berbuat dosa yang sungguh sukar bagi kedua-dua ibu bapaku mengampunkannya. Dan juga aku telah mencalit arang ke muka ibu dan ayahku. Aku telah membuat cemar. Aku telah melumuri wajah-wajah mulia mereka dengan noda dan aku sungguh kesal dan menyesal. Surat yang aku hantar kepada ayah belum juga dijawabnya. Dan aku sungguh takut untuk pulang ke rumah mereka.

Ibu pasti marah dan ayah juga pasti akan marah padaku. Mungkin aku akan dibunuh oleh mereka jika aku balik. Ah, berbagai-bagai firasat yang tak baik keluar di mindaku.

Aku menjadi sadar. Rupanya kedua-dua orang tua Nazri adalah bomoh. Pada malam-malam tertentu, kedua-dua mereka mengasapkan kemenyan di rumah walaupun tiada ada sesiapa yang datang berubat. Aku tak berani menegur apatah lagi membuka mulut hendak bertanya. Mulutku seakan-akan dikunci. Aku hanya mampu mendiamkan diriku. Begitu juga dengan kelambu dan katil tempat aku tidur pun mereka asapkan dengan kemenyan. Aku tak berkata apa-apa. Aku menjadi bodoh dan menurut cakan.

Aku tak tahu. Apakah logiknya aku tinggal dan menetap di rumah mereka. Padahal ayah aku tinggalkan, ibu juga aku tinggalkan semata.

TAPI surat kepada ibu juga tiada balasannya sama seperti suratku kepada ayah. Fikiranku bertambah kusut dan keliru. Adakah mereka sudah tidak menganggap diriku sebagai anak kandung mereka. Oh Tuhan, berilah peluang kepadaku. Agaknya inilah pembalasan bagi anak derhaka sepertiku. Aku pasral dengan keadaan... Tolonglah hamba-Mu yang menagih belas dan simpati ini. Tunjukkan jalan yang benar dan penyelesaian padaku. Aku merayu dan terus merayu... Ampunkanlah diriku wahai ayah dan ibu...

mata hanya kerana seorang lelaki. Dan lelaki ini pula bukan seorang lelaki yang bujang malahan ianya adalah bekas suami orang, difasahkan oleh Mahkamah Syariah kerana ia tinggal di dalam penjara tanpa memberi nafkah kepada isterinya. Ia tidak memberi nafkah ke atas anak-anaknya juga. Tiba-tiba aku pula yang sudi menjadi isteri kepadanya.

Puasku desak Nazri. Puasku pujuk dirinya supaya menghantar rombongan untuk meminang diriku dan menemui kedua-dua ayah dan ibuku, tetapi Nazri tetap berdegil. Ia tetap tak mahu pergi. Ia tetap tak mahu menemui ibu dan ayahku untuk meminang diriku. Bagiku, dia hanya mahu memiliki aku secara percuma. Ibunya pula, tidak pernah aku dengar untuk menyuruhnya atau memaksa diri Nazri untuk meminangku secara adat dan agama. Begitu juga dengan diri ayahnya, tidak pernah aku dengar dia meminta Nazri supaya melamar aku daripada keluareku.

Apakah aku ini tidak dibesarkan oleh ayah dan ibuku, dari takap kakiku sebesar dua ibu jari hinggalah menjadi sebesar kini? Aku semacam tak tahu untuk berterima kasih kepada mereka akan apa yang telah dibuat oleh kedua-dua mereka kepadaku selama ini. Aku merasai diriku seperti boneka yang sedang dikawal. Aku hanya mampu berdoa untuk minta dilepaskan dan hanya mampu menangis dan terus meratap takdirku ini. Itulah senjata aku yang paling terakhir.

Aku kalah dan runtuh.

Di rumah itu pula, kulihat tak pernah Nazri mahu sembahyang. Sakit sungguh hatiku bila melihat keadaannya itu. Bila saja aku bersuara, dia mula melenting dan menengking aku. Mengapa aku mesti menjadi bodoh sebegini? Mungkinkah aku telah diguna-guna oleh mereka semua? Mungkin ayahnya telah membubuh ubat guna-guna atau mengenakan guna-guna ke atas diriku. Mungkin ibunya juga berbuat demikian ke atasku. Dan mungkin Nazri sendiri juga telah membuat aku jadi begini, bila baysang kepadanya dan rindu yang memuncak bila tak bersua wajahnya hingga aku sanggup untuk meninggalkan ibu dan ayah kandungku sendiri. Ya Tuhan, lindungi diriku dan lepaskanlah diriku daripada belenggu sihir ini. Aku hanya mampu berdoa dan terus menangis.

Aku sudah merasa yakin kini yang aku sudah terkena guna-guna silih dari mereka. Ini adalah kerana ayahnyah seorang bomoh dan ibunya juga seorang bomoh. Aku mengelengkan kepala yang tidak sakit dan terus mencubit-cubit pipiku. Adakah aku sebenarnya bermimpi atau sebaliknya? Aku langsung tidak mengerti. Ya Allah, apa yang harus aku lakukan kini? Apakah yang harus aku buat? Aku terus menangis malahan aku ingin mearung dengan sekuat-kuat hatiku dengan lantane.

Kepalaku kini menjadi pening memikirkan bala apakah pula yang menimpa diriku akhir-akhir ini. Aku mulai merasa hendak muntah-muntah. Ya Tuhanku, ampunilah dosa hamba-Mu ini. Astaghfirullah...

Aku cuba lagi menulis surat kepada ibuku. Kuceritakan segala pengalamanku sejak aku meninggalkan rumah hingga kini. Aku beritahu ibu perihal diriku kini yang telah berbadan dua dan aku cukup menyescal dengan segala perbuatanku serta aku pasrah dengan segala pembalasan yang telah diberikan kepadaku kini hasil daripada dosaku melukakan hati ibu bapa kandungku sendiri. Aku merayu kepada ayah dan ibuku dan memohon supaya ibu mampu memujuk ayah supaya mahu menikahkanku dan memewalkan pemikahanku dengan Nazi. Oh Tuhan, malang sungguh nasib yang menimpa diriku. Aku kini menyescal dan rasa bersalah tapi bak kata pepatah 'nasi sudah menjadi bubur', apa lagi yang hendak disesalkan. Ini semua adalah takdir bazi diriku.

Beberapa titik air mataku jatuh di atas kertas sebelum surat itu aku lipat dan sebelum aku memasukkannya ke dalam sampul surat. Aku katakan juga yang perkahwinan ini tidak dapat ditangguhkan lagi. Aku mesti dinikahkan dengan segera, oh ibu.

Tapi surat kepada ibu juga tiada balasannya sama seperti suratku kepada ayah. Fikiranku bertambah kusut dan keliru. Adakah mereka sudah tidak menganggap diriku sebagai anak kandung mereka. Oh Tuhan, berilah peluang kepadaku. Agaknya inilah pembalasan bagi anak derhaka sepertiku. Aku pasrah dengan keadaan.... Tolonglah hamba-Mu yang menagih belas dan simpati ini. Tunjukkan jalan yang benar dan penyelesaian padaku. Aku merayu dan terus merayu..... Ampunkanlah diriku wahai ayah dan ibu....

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

ERTI PENGAKUAN

Sebuah pertemuan yang tiada berkesan
tersenyum dan tawa kosong
kekosongan sebahagian dari sikap hampa
buang kebanggaanmu
campakkan keangkuhan itu
jika hampa dan kosong masih kau temukan
hampa tetap akan mengangkatmu
ke satu ruang yang sepi
dan penuh kegelapan.

Jangan kau teruskan langkahmu menuju kesesatan
kesesatan akan membawamu keperitan
dan jangan berpijak di titik itu sekarang
ketegasan akan sikap
kan ada anggukan dan pengakuan
pergi pun tiada pesan
tetap hampa dan kekosongan
rebah dan tiada
tiada erti yang kau sampaikan
meski Tuhan telah bukakan pintu pertaubatan
namun hatimu tetap membisu
anggukan yang tidak punya pengertian.

BISIKAN SENJA

Senja telah merangkak malam
kau bisikan sepintas berita
dengan lili dan tetas tangis
merangkul sedi berurai air mata.

Kau terbaring berselimut rintih
kau dekup kuat dada itu
seolah tersayat-sayat ketajaman
terintah pedih mengeluh
memilukan.

Ya Allah
dengarkanlah bisikan senja ini
jangan Kau tampakkan semua itu
jangan Kau jatuhkan mutiara dari kelopak mata
jauhkan sayatan dan jerit kesakitan itu
sembuhkan dia Ya Tuhanku.

Tiadakan kupinta lain
apa dan di manakan kujemput impian
dari sesosok elok bidadari pujaan
dengan senyum keceriaan bersemi.

Wujudkan senyum itu Ya Tuhan
senyum tanpa sayatan kesakitan
senyum bersemi
berkembang bunga-bunga pagi.

Amas Brunei

SUATU PERMULAAN

Titisan jernih embun kian hilang
di telan sinar matahari
yang mula membahang.

Suasana pun mula beralih bening
bertukar rupa dan bermulalah
kedengaran nyanyian unggas
mendengarkan lagu kehidupan.

Di ketika ini, dari pelusuk rimba
bertaburanlah penghuninya
mencari rezeki dan kedamaian
menyambung nyawa dan hasrat
bagi sebuah permulaan
yang tidak diketahui sudahnya.

Namun yang pasti dan realiti
episod kehidupan ini
akan bermula sekali lagi
bila alam disapa mentari pagi.

M. Syuaib 14

DI KAKI LANGIT

Di kaki langit
kelihatan begitu cerah
burung-burung berterbangan
mengikut haluan masing-masing.

Namun keindahan itu
tak dapat lagi dirasai
kini manusia hidup dalam
kebimbangan, kegelisahan dan ketakutan
mangsa korban, titis air merah
tak henti-henti mengalir.

Sedih! Sungguh sedih mengenangkan
masih ada yang inginkan keganasan
pembunuhan dan pemberontakan
apakah mereka sudah puas menikmati
keindahan alam yang dikurniakan-Nya?
ah! Mungkin tidak
tapi semuanya ini hanyalah nafsu semata-mata.

Kedengaran tangisan sayu anak-anak kecil
meminta simpati, menagih kasih sayang
mencari ke mana perginya insan tersayang
oh! Sungguh kejam ... kejam manusia ini
bertindak tanpa perasaan
membunuh yang tiada berdosa.

KETENANGAN DESA

Bulan dan bintang
tetap seiring
begitu juga siang dan malam
mereka tak dapat dipisahkan.

Malam ini kulihat
bulan begitu indah
dipagari bintang-bintang sekelilingnya
keadaan desaku sunyi sepi.

Hanya bunyi cengkerik saja
memecah kesunyian malam
fikiranku tenang di desa ini
tak macam di kota terlalu sibuk
dengan bunyi-bunyian
sibuk dengan mengejar kekayaan
dan kebahagiaan dunia
yang hanya sementara
tapi aku terpaksa berteduh di kota
mencari rezeki
menurut ilmu pengetahuan.

Namun kutetap akan
pulang ke desa tercinta
kuingin hidup selamanya
di desa berbekal keteangan
keamanan dan kebahagiaan.

HEBATKAN CINTA

Cinta
hadirnya tanpa diundang
kuasanya amat kuat
dan luar biasa.

Cintai itu indah
cinta juga racun berbisa
ia indah dari sebutan
tapi perit untuk diungkapkan.

Cinta itu bagai pertandingan
ada kalah dan menang
menang bererti bahagia, gembira
kalah membawa derita dan sengsara.

Mengapa manusia kejam pada cinta
penghalang adalah pemusnah cinta
harga cinta seperti harga nyawa
ia mati kerana cinta.

Demi cinta manusia sanggup berkorban
perpisahan keluarga dan teman
cinta buat kita lupa pada diri
tanggungjawab, keluarga dan sekeliling.

Kasihlah dia ...
hadirnya disalah guna
keindahannya hilang dipanah
mentari pagi
begitu hebatkan cinta.

Surra

PENANTIAN

Masa berganti masa
kurenung jam di dinding
jarum panjang dan pendek
berdetak-detik
dan sentiasa berubah-ubah mengikut
pusingan masa
tanpa menunggu masa yang
sudah lepas.

Siang berganti malam
hari berganti hari
namun orang yang kuantikan
tidak kunjung tiba.

Namun hati ini kupujuk supaya
sentiasa sabar menantimu
kadang-kala hati ini sering terganggu
kerana memikirkan untuk apa aku
berbuat demikian.

Tapi suatu hari engkau
hadir tanpa kuduga
dapat kurasakan sinar bahagia
ada di depanku
kini berakhirilah sebuah
penantian ...

Qunaq Of 2911

MENJELMA SENJA BRUNEI MERDEKA

Menjelma senja
suasana kekuning-kuningan
sebelah barat
sinaran cahaya berkelau-kilauan
air memukul-mukul bidai kayu
perahu tambang
suasana menjadi lebih aman tenteram

ketika seorang nelayan memperbaiki
jalannya
suara bilal berkumandang di udara
umat Islam berpusu-pusu menuju ke
masjid menunaikan fardu Maghrib.

Menjelang senja
suasana dipenuhi dengan
pemandangan cahaya lampu
reka bentuk Melayu tradisional
terbayang di ketenangan air
Sungai Brunei
asap bau rempah-ratus dari gerai
di seberang sana
dibawa melayang oleh bayu senja.

Menjelangnya senja menjelma
pemandangan
sebagai suatu gambaran masa lampau
dua orang gadis bersiar-siar
di jalanan titian kayu Kampong Ayer
Kanak-kanak terjun riang gembira
dari atas titian.

Menjelangnya senja menjelma
cahaya Islam
berakar umbi sejak wujudnya
Nabi Adam Alaihissalam
kalimat pertama dilafazkan ke telinga
anak damit baru lahir
seorang imam mengucap 'Allahuakbar'
kalimat suci menyambut kelahiran
anak jati Brunei.

Menjelangnya senja menjelma cendawan
angkatan bijak dan pandai teras
kemajuan
Brunei merdeka dan berdaulat
bekerjasama teras keteguhan negara
Brunei Merdeka hidup aman dan damai
komitmen negara menegakkan
warisan Brunei.

Menjelangnya senja menjelma
suria pagi
angkatan beliaawanis ceria bangsa
menjulung kedaulatan negara
mengukuh perpaduan ummah
jati diri bangsa tercinta
berjiwa kental semangat juang
falsafah Melayu Islam Beraja.

A. Yus

PERATURAN HALAMAN PUISI

SUKACITA menarik perhatian para penulis yang ingin menghantar puisi ke akhbar
PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Puisi hendaklah dialamatkan kepada:
PENERBIT HALAMAN PUISI,
BAHAGIAN AKHBAR,
TINGKAT 2, JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
2. Puisi mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam
Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.
3. Puisi hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disketi komputer
(tulisan tangan tidak akan diterima).
4. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor dan salinan kad penge-
nalan, alamat penuh, nombor telefon, nombor dan salinan akaun bank, alamat
bank dan nama samaran (jika ada).
5. Penulis yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.



سنتیاس برسام بیسکتیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تیلبیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukar mana-mana
jua rancangan

R A B U 1 SEPT	PAGI			Sambungan	PETANG		6.27	AZAN MAGHRIB	10.30	ISTIADAT BERJAGA-
			10.00	SUSUNAN RANCANGAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.45	SINAR		JAGA DAN
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.05	DRAMA -	4.02	MUTIARA FIRMAN	MALAM			PERSEMBAHAN CORAK
		KEBANGSAAN		'Rahsia Perkahwinan'	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	7.00	LIPUTAN SEMASA		AGAMA SERTA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.00	HOME STYLE:	4.15	SESAME STREET	7.25	LENSA PELAJAR		PERSEMBAHAN
	6.12	RAMPAI PAGI -		REAL ROOM	5.10	GILLETTE WORLD OF	7.37	AZAN ISYAK		KEBUDAYAAN
		Siaran Langsung	11.30	LIPUTAN SEMASA -		SPORT	8.00	BERITA NASIONAL	11.30	B-LEAGUE 2004
	9.00	BERITA		Ulangan	5.45	BERITA	8.50	DOKUMENTARI	11.00	RITA & RAIHAN
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.00	SIARAN TAMAT	6.00	GEDGET AND GIZMOS	9.30	JASA MU	12.00	THE INVESTIGATOR II
							10.00	NEWS AT 10	12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

K H A M I S 2 SEPT	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI -	12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
				Sambungan	PETANG		6.27	AZAN MAGHRIB	8.50	AN NUUR -
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.45	FIQHUL MIRATS		Siaran Langsung
		KEBANGSAAN	10.05	DRAMA -	4.02	MUTIARA FIRMAN			10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN		'Rahsia Perkahwinan'	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	MALAM		10.30	DRAMA - 'Takhta Hati'
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.00	MASAKAN TRADISI SR. 1	4.15	KIDS HOUR - 'Super Little Fanta Heroes/Toy Toons'	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	11.00	WAYANG PILIHAN -
		Siaran Langsung	11.30	LIPUTAN SEMASA -	5.10	ON THE BALL	7.25	WARTA ISLAM		'I Dream Of Africa'
	9.00	BERITA		Ulangan	5.35	SCENE OF THE CRIME	7.40	AZAN ISYAK	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A T 3 SEPT	PAGI		10.15	THE 8TH NEGARA	JUMAAT- Siaran Langsung		HINDI - Sambungan	7.36	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		BRUNEI DARUSSALAM	PETANG	4.45	SPORT PAGES	8.00	BERITA NASIONAL	
		KEBANGSAAN		NATIONAL SCHOOL	1.30	VISI SUCI	5.15	ARGAI	9.00	KHUTBAH JUMAAT
	6.02	MUTIARA FIRMAN		DEBATING	2.00	TETAMU SUKAN	5.45	BERITA	9.15	FIKIR-FIKIR
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.15	COMPETITION		Siaran Langsung	5.55	WILDLIFE DIARY -	10.00	NEWS AT 10
		Siaran Langsung	11.30	INGIN TAHU	2.30	DINAMIK	6.26	Siri Baru	10.40	ISTIADAT MENGHANTAR
	9.00	BERITA	11.45	BERITA	3.00	TAYANGAN GAMBAR	6.45	AZAN MAGHRIB		DAN MENERIMA TANDA
	9.15	RAMPAI PAGI -		JEJAK RASUL SR. 8		CHINA - 'Naughty Couple'	MALAM	JALAN MENUJU ALLAH		PENGANTIN DIRAJA
		Sambungan	12.15	- Ulangan	3.26	AZAN ASAR	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.40	TELEDRAMA - 'Pokok
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.30	DIVE THE WORLD	3.34	TAYANGAN GAMBAR	7.25	INSPIRASI INSAN SENI	12.25	Petai Kereta Sport'
			SEMBAHYANG FARDU						DOA DAN SIARAN TAMAT	

S A B T U 4 SEPT	PAGI		10.05	KIDS HOUR :	PETANG		5.45	BERITA	9.10	TITIAN MINDA
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		'IRIS, THE HAPPY	12.50	PANGGUNG PETANG	6.00	WILD RESCUE SR. IV	10.00	NEWS AT 10
		KEBANGSAAN		PROFESSOR/BOB THE		<i>'The Lady From Yesterday'</i>	6.26	AZAN MAHGRIB	10.30	TITIAN MINDA -
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.55	WONDERFUL WORLD OF	2.20	KAMPUNG KITA - Ulangan	6.45	PEDOMAN AQIDAH SR. 7		Sambungan
	6.12	RAMPAI PAGI -		PLANT - Siri Baru	2.50	OUTER BOUNDS	MALAM		11.10	ISTIADAT MENGHANTAR
		Siaran Langsung	11.20	DRAMA : <i>'Kaca dan</i>	3.20	LADY COP				DAN MENERIMA
				<i>Pemata'</i> - Ulangan			7.00	DUNIA ASIA		PERTUNANGAN
	9.00	BERITA	11.30	BERITA	3.25	AZAN ASAR	7.25	KLINIK KITA		PENGANTIN DIRAJA
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.05	DOKUMENTARI POTRET	4.15	BEYOND 2000	7.35	AZAN ISYAK	12.10	TAYANGAN GAMBAR -
		Sambungan		<i>'Nostalgia Warisan</i>	5.00	MONSTER BY MISTAKE	8.00	BERITA NASIONAL		<i>'Sublet'</i>
10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.21	AZAN ZUHUR	5.25	SUPERMODEL	8.50	DOKUMENTARI KHAS	1.40	DOA DAN SIARAN TAMAT	

PAGI		BRUNEI DARUSSALAM		LEAGUE 2004/2005 -		'Sleeping Beauty'		7.35	AZAN ISYAK	
A H A D 5 SEPT	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		NATIONAL SCHOOL		PREVIEW	5.35	TOYOTA WORLD OF	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN	11.10	DEBATING SEMI FINAL	1.45	ENGLISH PREMIER		WILDLIFE	8.50	KONVENSYEN
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	PIMPING		LEAGUE 2004/2005 -	5.45	BERITA		KEBANGSAAN PROMOSI
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.45	BERITA		HIGHLIGHT	6.10	BIOLOGIC		KESIHATAN
		Siaran Langsung		SUNDAY MATINEE -	2.40	TETAMU SUKAN -	6.25	AZAN MAGHRIB		
	9.00	BERITA		'Missing Pieces'		Ulangan	6.45	HIKMAH ISRAK DAN	9.20	TIRAI KELUARGA -
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.21	AZAN ZUHUR	3.15	PETER BENCHLEY'S		MIKRAJ		'Pendekar Sakti'
		Sambungan			3.24	AZAN ASAR	MALAM		10.00	NEWS AT 10
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG		4.15	ZURIAT			10.30	TIRAI KELUARGA -
10.10	THE 8TH NEGARA	1.30	ENGLISH PREMIER	5.10	ASPIRASI - Ulangan	7.00	KUIZ KENALI TANAH		Sambungan	
					ANIMATION -		AIRKU SR. 2	12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT	

ISNIN 6 SEPT	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	7.34	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG		6.00	ANIMALIA	8.00	BERITA NASIONAL
			10.05	DRAMA - <i>'Rahsia Perkahwinan'</i>	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.25	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA - LANDASAN
	6.02	MUTIARA FIRMAN			4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	HIKMAH ISRAK DAN MIKRAJ	9.30	MENARA SUMBER SR. 3
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	MENU JENAKA - <i>Ulangan</i>	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	MALAM		10.00	NEWS AT 10
			11.30	DOKUMENTARI - <i>'Tech Watch'</i>	4.15	KIDS HOUR - 'NILUS THE SANDMAN/BIG GARAGE'	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30	TETAMU SUKAN
	9.00	BERITA			5.15	HOW TO OUTDOOR	7.25	MASAK TARUS	11.00	NAVY SEALS CLASS 234
									12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

S E L A S A 7 S E P T	PAGI		Sambungan		PETANG		MALAM	
			10.00	SUSUNAN RANCANGAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.05	DRAMA - 'Rahsia Perkahwinan'	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.10	KIDSINAR
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.00	GELAGAT MENUNPAH - Ulangan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.24	AZAN MAGHRIB
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			4.15	KIDS HOUR - 'The Great Book Of Nature'	6.45	HIKMAH ISRAK DAN MIKRAJ
			11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan				
	9.00	BERITA			5.00	DOKUMENTARI - 'Guardian Of Eden'	7.00	DRAMA - 'Luahan Hatiku'
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.00	SIARAN TAMAT			7.25	DOKUMENTARI -
							7.34	AZAN ISYAK
								8.00
							8.50	DOKUMENTARI KHAS
							9.30	INSANIAH
							10.00	NEWS AT 10
							10.30	ISTIADAT AKAD NIKAH
								PENGANTIN DIRAJA
							11.30	DARK SKIES
							12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

Peniaga tempatan perlu berganding bahu



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika melancarkan buku 'PARADIGMA' (Building The Brunei Business Community). Majlis berlangsung di The Mall, Gadong. - Gambar oleh Harun HR.

GADONG, 18 Ogos. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata, penerbitan buku yang bertajuk 'PARADIGMA - Building The Brunei Business Community' merupakan suatu petanda mustahaknya peniaga-peniaga tempatan berusaha berganding bahu mencapai matlamat yang dikehendaki.

Oleh
Abu Bakar HAR

Oleh itu, tambahnya, kerjasama yang kukuh dan kekerapan bertukar-tukar fikiran di kalangan komuniti perniagaan adalah mustahak dan merupakan bahagian strategi penting perniagaan untuk bertahan dan lebih-lebih lagi untuk berjaya.

Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut ketika melancarkan buku berkenaan yang berlangsung di The Mall di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi pelancaran buku tersebut adalah suatu sumbangan positif ke arah perkembangan usahawan-usahawan tempatan di negara ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya

nya berkata, sesungguhnya wawasan yang dipaparkan dalam buku tersebut adalah suatu sumbangan yang dialu-alukan dan bersama-sama dengan pengalaman yang ada di kalangan komuniti perniagaan tempatan akan dapat melahirkan suatu generasi baru usahawan-usahawan tempatan yang 'responsive' terhadap tuntutan perniagaan moden.

"Dengan kecepatan rentak globalisasi pada zaman yang saling bergantung adalah wajar bagi golongan peniaga muda dilengkapi dengan alat serta kemahiran yang diperlukan untuk bersaing di peringkat antarabangsa, di mana kejayaan perniagaan tempatan merupakan suatu yang perlu bagi mengekalkan ekonomi nasional yang sihat," jelas Yang Berhormat.

Ke arah itu, jelas Yang Berhormat, ide-ide dan pendekatan yang baru adalah sentiasa diperlukan bagi menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh komuniti perniagaan tempatan, di mana cabaran-cabaran itu wujud dalam pelbagai bentuk sama ada dalam persekitaran perniagaan tempatan dan antarabangsa, di samping sikap dan pendekatan yang diamalkan oleh peniaga-peniaga itu sendiri.

Buku baru yang dilancarkan atas usaha Dewan Perniagaan dan Perumahan Melayu Brunei itu adalah suatu sumbangan yang bersesuaian dengan tema ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-20 iaitu 'Patriotisme Teras Keteguhan Negara' di samping membubuh isi dan menonjolkan 'patriotisme' dari perspektif perniagaan.

Keberangkatan Kebawah DYMM mencatatkan sejarah bermakna

TUTONG, 9 Ogos. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan berkata, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli dan beramah mesra dengan rakyat dan penduduk di Daerah Tutong pada 22 Julai lalu membawa pengertian yang cukup besar maknanya lagi bersejarah, kerana keberangkatan baginda itu telah diselenggarakan dengan majlis pelancaran mercu tanda kenangan daerah tersebut yang disempakan dengan keberangkatan baginda serta bagi memperingati ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-58 yang tentunya akan menjadi kenangan dan ristaan kepada generasi yang akan datang di daerah berkenaan.

Kata Yang Dimuliakan semangat perpaduan, permufakatan, persahabatan dan kerjasama yang erat di antara pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli perniagaan serta semua lapisan masyarakat di daerah itu yang ditunjukkan dalam merancang dan membiayai mercu tanda kenangan tersebut dalam sama-sama menjayakan apa-apa jua acara

Oleh
Abu Bakar HAR

sambutan perayaan berkenaan melambangkan tanda kesyukuran dan kegemilangan segenap lapisan rakyat dan penduduk sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda.

Yang Dimuliakan menyatakan perkara tersebut di Majlis Kesyukuran dan Penghargaan kerana selesainya acara-acara sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 Daerah Tutong yang berlangsung di rumah kediaman rasmi Pegawai Daerah Tutong di sini.

Tambah Yang Dimuliakan perkara seumpama itu merupakan satu manifestasi sokongan padu dan taat setia yang tidak berbelah bahagi rakyat dan penduduk di daerah tersebut di atas kepimpinan baginda yang telah berjaya membawa negara ini terus maju ke hadapan dengan pelbagai pembangunan dan kemajuan, di samping suasana kehidupan yang aman tenteram, sejahtera, harmoni dan makmur.

Timbalan Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 berharap dengan semangat kerjasama, permufakatan serta persahabatan yang telah wujud akan dapat diteruskan, dipertingkatkan dan diperluaskan lagi di dalam bidang-bidang yang lain bagi sama-sama membantu dan mendukung usaha kerajaan baginda ke arah membangun dan memajukan, memelihara dan mengekalkan suasana aman, tenteram, harmoni dan sejahtera serta makmur agar dapat dinikmati oleh rakyat dan penduduk dan dalam pada masa yang sama negara akan terus maju ke hadapan berdiri seiring dan sebanding dengan negara-negara maju yang lain, di samping mampu menaiki apa jua usaha dan cabaran yang akan mendatang ke arah mercu kecemerlangan.

Daerah Tutong seperti daerah-daerah yang lain tidak ketinggalan dalam mengadakan pelbagai bentuk aktiviti dan acara-acara yang melibatkan penyertaan lapisan masyarakat yang dihasratkan semata-mata

menyemarakkan dan memeriahkan suasana sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan baginda pada tahun ini.

Yang Dimuliakan menegaskan, kejayaan yang telah diukir bukanlah mudah untuk dicapai apatah lagi acara-acara yang diadakan itu melibatkan semua lapisan masyarakat yang tentunya menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan, namun dengan adanya daya usaha yang gigih, pengorbanan, semangat serta komitmen yang tinggi di kalangan ahli-ahli jawatankuasa perayaan serta permufakatan, persahabatan, kerjasama dan sokongan padu yang erat dari sektor swasta dan semua lapisan masyarakat yang berbilang kaum di daerah tersebut apa jua masalah yang dihadapi telah dapat diatasi dan ditangani dengan jayanya.

Hadir sama di Majlis Kesyukuran dan Penghargaan termasuklah Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong serta ahli-ahli jawatankuasa sempena sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-58 bagi Daerah Tutong yang menerima sijil penghargaan pagi itu.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang yang terlibat menjayakan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-58 bagi Daerah Tutong. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Abdul Wafi, NurNabilah juara membaca Al-Quran

Oleh Samle HJ

BERAKAS, 29 Julai. - Abdul Wafi Johari dan NurNabilah binti Haji Abdul Rahman masing-masing menjuarai Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Akhir Negara Lelaki 'B' dan Perempuan 'B' di Pusat Da'wah Islamiyah di sini.

Abdul Wafi yang mewakili Sekolah Agama Penanjong, Tutong berjaya memperoleh 80.5 peratus menewaskan Ahmad Faez bin Haji Daim dari Sekolah Persediaan Arab Beribi dengan 76.5 peratus menduduki di tempat kedua dan Mohd. Izzuddin Mustafa mewakili Sekolah Agama PAPRS Bolkiyah, Seria mendapat 74 peratus sekali gus menduduki tempat ketiga.

Sementara itu, kemenangan markah tajwid memberikan kelebihan kepada wakil Sekolah Agama PAPAUKL Al-Islam, NurNabilah untuk mendapat tempat pertama sekalipun memperoleh markah yang sama dengan peserta dari Sekolah Agama Lumapas, Yumni Haziqah

Mohammad yang memperoleh 85 peratus sambil Dayangku Fauziah Nadhirah Pengiran Haji Jofri pula di tempat ketiga dengan 83.5 peratus.

Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiyah, Ustazah Hajah Zasia binti Sirin menjadi tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang.

Pertandingan itu diserikan dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh Awang Muhammad Nor Hadi bin Ismail. Penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanali Bolkiyah.

Pertandingan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan itu disertai oleh wakil sekolah-sekolah agama, persediaan Arab, rintis, bersepadu dan peralihan Skim Sehari Suntuk.

KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

GADONG, 10 Ogos. - Pasukan Polis Diraja Brunei telah memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi ahli-ahli polis pangkat rendah dan pegawai-pegawai polis pasukan tersebut dinaikkan pangkat mulai 15 Julai 2004.

Ketua Inspektor Sabtu bin Adi; Ketua Inspektor Mazalan bin Awang Yaakub; Ketua Inspektor

Haron bin Haji Munap; Inspektor Kanan Musa bin Haji Munap; Inspektor Kanan Haji Rasid bin Haji Kassim; Inspektor Kanan Zainuddin bin Haji Mohd. Daud; Inspektor Kanan Pengiran Abdul Salam bin Pengiran Haji Ghani; Inspektor Kanan Noorani bin Hussain dinaikkan pangkat Penolong Penguasa Polis (ASP).

Inspektor Kanan Fong Voon Seng; Inspektor Kanan Mohd. Ali bin Haji Yahya dan Inspektor

Kanan Mohammad bin Ahmad dinaikkan pangkat Ketua Inspektor (Chief Inspector).

Inspektor Mohammad bin Mohd. Tarip; Inspektor Pengiran Shaiful Rezal Malek Faisal bin Pengiran Haji Merali; Inspektor Haji Md. Ali bin Haji Emran; Inspektor Haji Adnan bin Haji Jumaat; Inspektor Mohd. Salleh bin Harun; Inspektor Pengiran Haji Abu Naba'a bin Pengiran Haji Yusof; Inspektor Burhan bin Abang; Inspektor Jipon anak Linggi dan

Inspektor Eunus Doughty dinaikkan pangkat Inspektor Kanan (Senior Inspector).

Sarjan Mejar 894 Pengiran Wahab bin Pengiran Yusof; Sarjan Mejar 927 Haji Hasli bin Ahmad; Sarjan Mejar 1219 Haji Isa bin Haji Besar; Staf Sarjan 14 Asmah binti Haji Bakar; Staf Sarjan 717 Abdul Manan bin Adam dan Sarjan 2130 Haji Mohammad bin Haji Damit dinaikkan pangkat Inspektor.

اخبار

BRUNEI

BILANGAN 35

RABU 1 SEPTEMBER 2004

رابعو 16 رجب 1425

PERCUMA



BAHAGIAN PROMOSI DAN PERKEMBANGAN KEUSAHAWANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Bilangan Tawaran: PPUP/KPSU/SH/038/2004

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam bagi tajuk berikut:
Bilangan Tawaran: PPUP/KPSU/SH/038/2004 - MEREKA BENTUK, MEMBEKAL DAN MEMASANG KAUNTER MAKLUMAT/PENYAM-BUT TETAMU DAN RUANG PEJABAT.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi melalui Unit Pembangunan Usahawan dan Perniagaan, Km 33 Jalan Tutong, Kampong Sinatutong TB 1741, Negara Brunei Darussalam.
3. Cagaran Tawaran sebanyak B\$100.00 wang tunai bagi tawaran di atas adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.
4. Bayaran sebanyak B\$10.00 akan dikenakan bagi setiap dokumen tawaran dan tidak dikembalikan.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Tawaran, Tingkat 5, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB 3910, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran tidak lewat dari hari **Selasa, 14 September 2004** Jam 2.00 Petang.
6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.
8. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.



JADUAL PERPUSTAKAAN BERGERAK DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAERAH BELAIT BAGI BULAN SEPTEMBER 2004

TARIKH	HARI	PUSAT PERHENTIAN	JAM
1 September 2004	Rabu	Sekolah Rendah Panaga	9.45 - 10.45 pagi
2 September 2004	Khamis	Sekolah Rendah Rendah	9.45 - 10.45 pagi
2 September 2004	Khamis	Sekolah Rendah Labi	11.00 - 12.00 T/hari
13 September 2004	Isnin	Sekolah Rendah Danau	9.00 - 10.00 pagi
13 September 2004	Isnin	Sekolah Rendah Tumpuan Telisa	10.15 - 11.15 pagi
14 September 2004	Selasa	Sekolah Rendah PSN Pg Hj Mohd Yusof	9.45 - 10.45 pagi
15 September 2004	Rabu	Sekolah Rendah Panaga	9.45 - 10.45 pagi
16 September 2004	Khamis	Sekolah Rendah Rendah	9.45 - 10.45 pagi
16 September 2004	Khamis	Sekolah Rendah Labi	11.00 - 12.00 T/hari
21 September 2004	Isnin	Sekolah Sungai Liang	9.00 - 10.00 pagi
21 September 2004	Selasa	Sekolah Rendah Lumut	10.15 - 11.15 pagi
22 September 2004	Rabu	Sekolah Rendah Sungai Tali	9.00 - 10.00 pagi
23 September 2004	Khamis	Sekolah Rendah PSN Sultan Omar Ali Saifuddin	9.45 - 10.45 pagi
25 September 2004	Sabtu	Sekolah Rendah Merangong	9.45 - 10.45 pagi
26 September 2004	Sabtu	Sekolah Rendah OKPS Bukit Sewat	11.00 - 12.00 T/hari



JABATAN KEHAKIMAN NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

TAWARAN BAGI PENGENDALIAN KANTIN
MAHKAMAH BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN

Bilangan Tawaran: (JKN 2/2004)

Syarat-Syarat Tawaran:-

1. TAWARAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon tempatan bagi Pengendalian Kantin Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan.
2. Tawaran ini adalah untuk tempoh dua (2) tahun mulai dari tarikh perjanjian ditandatangani.
3. Setiap syarikat yang berhasrat mengikuti tawaran ini mestilah membayar yuran penyertaan (non refundable) berjumlah \$ 50.00 (Ringgit: Lima Puluh Ringgit sahaja) di Kaunter Pembayaran, Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan pada waktu tersebut di bawah:- Hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu 8.00 hingga 11.00 pagi dan 2.00 hingga 3.30 petang.
4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup yang bertulis TAWARAN BAGI PENGENDALIAN KANTIN MAHKAMAH BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal tidak lewat pada hari **Isnin, 20 September 2004**, jam 2.00 petang dan ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.
5. Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta-akta Nama-nama Perniagaan (Certificate of Registration -Business Name Act) mestilah disertakan.
6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
8. Borang permohonan dan sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kehakiman Negara, Tingkat 1, Bangunan Bahrah, Jalan Menteri Besar, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

JUALAN LELONG



JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa satu jualan lelong alat perkakas/peralatan akan diadakan pada tempat, hari, tarikh dan masa yang dinyatakan seperti berikut:-

Jualan Lelong berkenaan mempunyai syarat-syarat berikut:-

- i) Barang-barang yang dilelong bolehlah dilihat ditempat yang disediakan.
- ii) Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai pada hari jualan lelong diadakan dan seterusnya memindahkan barang-barang yang telah dibeli tidak lewat dua (2) hari dari tarikh pembayaran tersebut dan kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.

BIL.	KETERANGAN BARANG	TEMPAT/TARIKH
1.	Mesin Rumput VULCAN 18" 10 -189	Pejabat Kesihatan Temburong
2.	Mesin Agrolog K90	Negara Brunei Darussalam
3.	Mesin FONTAN 12/E	Pada hari Khamis, 2 September 2004
4.	Mesin Swing Fog B: 1988	jam 9.00 hingga 10.00 pagi.
5.	Mesin Swing Fog 1986	
6.	Mesin LACO ULV & Badannya 88N	



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

KENYATAAN TAWARAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran serta tarikh tutup tawaran itu tanpa menunjukkan identiti pengirim. Dengan menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara yang terdapat di Level 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, dan ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan Level 1, Jalan Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam.

NAMA TAWARAN : PROPOSED LAYING 125MM HDPE PIPE FOR JABATAN BANDARAN, BSB LABOUR QUARTERS, KG. SUNGAI AKAR.

BILANGAN TAWARAN : BBSB/LTN/13/2004.

TARIKH TUTUP TAWARAN : HARI ISNIN, 20 SEPTEMBER 2004, JAM 2.00 PETANG

Bayaran memasuki Tender ialah sebanyak \$100.00 dan bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran hendaklah dibayar di:-

Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Bahagian Kewangan, Jabatan Bandaran, Tingkat 5, Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

3. Spesifikasi dan dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Projek, Tingkat 5, Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan semasa waktu pejabat dibuka.
4. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran tidak dilayan.
5. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

Perhatian:-

Pemborong-pemborong yang menghantar Tawaran hendaklah menyertakan bersama Salinan Sijil Perniagaan (Business Names of Enactment Section 16 & 17) atau List of Directors.

JUALAN LELONG



JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu bahawa jualan lelong barang-barang yang terdapat di dalam senarai berkembar akan diadakan pada hari seperti berikut:-

Lelong ini mengandungi beberapa syarat seperti berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan dikehendaki memindahkan barang-barang dibeli tidak lewat dua minggu dari tarikh perolehan tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki memberi cukai kastam jika diperlukan.
3. Barang-barang yang telah dibeli akan tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh dua minggu dari tempoh perolehan ini akan dirampas dan dilelong semula.

KETERANGAN BARANG	TEMPAT LELONG	TEMPAT/TARIKH
HARTA BENDA KERAJAAN	KOMPLEKS PEMUNGGAHAN BAKAU, SUNGAI BELUKUT, JALAN KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	16 September 2004, Hari Khamis jam 9.00 pagi
1. 1 (satu) Buah perahu Fibreglass		
2. 10 Buah injin motor sangkut		



DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG

No. 12/2004

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Haji Aman bin Othman** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Alisah binti Sampa @ Rambu anak Sampa** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **Suami** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Tutong pada **11 September 2004** pada jam 9.00 pagi. Bertarikh 10 Ogos 2003.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Tutong sebelum tarikh yang tersebut di atas.



DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

No. LA/113/2004

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Jamahat bin Haji Talip** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Haji Talip bin Haji Rabaha @ Haji Baha** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **31 Ogos 2004** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 11 Ogos 2003.

No. LA/94/2004

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Masnuyah binti Haji Paya** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Haji Paya bin Ahmad** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **31 Ogos 2004** pada jam

yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Bertarikh pada 1 Jun 2004.
MUHAMMED FAISAL PDJLD DSP HJ KEFLI
Majistret

SAMAN BIL : 484 TAHUN 2003
DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUS-
SALAM

DAN

AWANG HAJI HASSAN BIN HAJI MOHAMMAD

Defendan

NOTIS MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

KEPADA : HAJI HASSAN BIN HAJI MOHAMMAD

Alamatnya yang terakhir diketahui ialah di
No. 6 Simpang 98,
Kampung Kulap,
Bandar Seri Begawan BE 1518,
Negara Brunei Darussalam.

SILA ambil perhatian bahawa satu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di mana tuntutan Plaintiff ialah berkaitan dengan bayaran telefon seperti berikut

- (1) Sebanyak \$13,710.59;
- (2) Faedah pada kadar 6% setahun mulai dari tarikh penghakiman hingga bayaran penuh;
- (3) Kos; dan
- (4) Sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.

Dan bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian Saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan dengan pemberitahuan ini dan bahawa penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding terhadap kamu.

